

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA**

Isnin, 8 Mei 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' V.K.K. Teagarajan** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan langkah yang telah diambil serta akan dilaksanakan untuk meningkatkan peratus pelancong asing terutamanya para pelancong daripada negara-negara Barat.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah menyusun semula program menggalakkan untuk meningkatkan peratus pelancongan asing khususnya dari negara Barat terutamanya negara yang tidak dilanda oleh krisis kewangan ekonomi sebelum ini. Kempen baru 'Malaysia Truly Asia' yang diperkenalkan pada 16 Oktober 1999 adalah untuk mempersembahkan kekayaan dan keindahan budaya, pakaian dan seni Malaysia yang penuh berwarna-warni kepada pelancong.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah mengadakan aktiviti-aktiviti yang menarik seperti citrawarna, karnival beli-belah, lawatan produk pelancongan kepada para ejen pelancongan, media dan tokoh korporat, program seminar, sesi taklimat, pameran pelancongan dan misi galakan pelancongan. Langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk menarik lebih ramai pelancong ialah melalui;

- (i) kempen pengiklanan yang berkesan di pasaran tertentu dan berpotensi;
- (ii) promosi bersepadu dengan agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta yang berkaitan dengan pelancongan;
- (iii) menambah acara-acara pelancongan yang berkonsepkan sukan dan rekreasi kepada pasaran tertentu;

- (iv) memperluaskan sokongan kepada industri pelancongan melalui penerbitan brosur, menggalakkan penerbitan sewa khas dan menggalakkan pengusaha-pengusaha pelancong melancarkan produk-produk baru;
- (v) program lawatan produk pelancongan iaitu 'Mega Familiarization Tour 2000' kepada agensi pelancongan dan media yang diadakan setiap bulan di mana sasaran seramai 500 orang pihak media dan agensi pelancongan asing akan berada di Malaysia untuk menyaksikan produk pelancongan, destinasi pelancongan dan perkhidmatan yang diberikan.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam kita membuat pemasaran pelancongan untuk negara kita bolehkah kerajaan memberi penjelasan negara manakah menjadi fokus untuk negara kita membuat pemasaran secara bersungguh-sungguh dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memaklumkan kepada kita beberapa negara utama ini dan sebab-sebabnya.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kos pengangkutan adalah komponen terpenting dalam sebarang pelancongan. Oleh sebab itu, maka di mana-mana sahaja negara jiranlah menjadi tumpuan untuk kita meningkatkan kedatangan pelancong.

Keduanya, di Malaysia ini kita mempunyai satu masalah iaitu akibat dari krisis kewangan yang baru-baru ini melanda negara kita iaitu untuk meningkat secepat mungkin kedatangan pelancongan supaya dapat kita menyelesaikan soal kekurangan occupancy di hotel-hotel, hampir kesemuanya di Malaysia. Oleh sebab itu, sasaran dan fokus utama kita adalah kepada negara-negara jiran di mana kita dapat fast return dengan kos promosi yang agak rendah jika dibandingkan dengan kos promosi di negara-negara Barat. Oleh sebab itu, kita tumpukan perhatian kepada Singapura, Indonesia, Thailand dan juga kepada negara China, Jepun dan juga Korea. Ini adalah negara-negara tradisional di mana banyak pelancong datang ke Malaysia.

Kita telah pun menerokai satu pasaran baru secara bersungguh-sungguh pada tahun ini iaitu di India yang mempunyai penduduk sebanyak satu bilion orang dan juga kepada Timur Tengah, dunia Arab. Di Eropah pula tumpuan kita adalah dari negara tradisi iaitu United Kingdom.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita maklum bahawa cita rasa pelancong ini berbeza-beza. Kita ingin tahu apakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh kementerian Yang Berhormat Menteri dari segi untuk menarik pelancong-pelancong dari Timur Tengah di mana kita boleh menggunakan daya usaha kita dari segi seni budaya Islam yang kaya di negara kita ini untuk menarik mereka datang.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kita adalah negara bertuah kerana apa juga pelancong di mana-mana sahaja kehendaki, kita mempunyainya di Malaysia termasuk juga dari negara Timur Tengah. Kita harus mengetahui bahawa rakyat di Timur Tengah ini kalau kita bercakap soal-soal kebudayaan Islam dan sebagainya, di negara mereka cukup banyak dah. Bila dia keluar itu, dia ingin juga untuk melihat perkara-perkara yang lain. Tetapi di samping itu, dia perlu juga sesuatu yang perlu dalam hidup harian dia itu supaya dapat bercuti dalam keadaan selesa. Oleh sebab itu, kita menyatakan kepada mereka di sini kalau hendak cari makanan halal begitu mudah sekali pasal di mana-mana ada. Malah kebanyakan restoran Cina pun sekarang ini sudah menyediakan makanan halal. Begitu juga kalau dia hendak menjalankan ibadat sembahyang dan sebagainya itu pun merata-rata ada masjid dan surau. Tetapi di samping itu, kalau dia hendak lihat budaya lain, pantai, hutan dan sebagainya semuanya ada di Malaysia. Mereka juga suka bercuti secara berkeluarga dan untuk itu juga kita mempunyai banyak kondotel ataupun apartment-apartment yang mewah dengan harga yang sederhana untuk kemudahan mereka.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian memenuhi syarat-syarat yang mencukupi untuk melayan pelancong-pelancong terutama daripada kalangan negara-negara Arab untuk memastikan pemandu-pemandu pelancong itu boleh menguasai bahasa Arab dengan baik. Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Kita memang sedikit-sebanyak mempunyai masalah dari segi pemandu pelancongan yang mengetahui dan menguasai pelbagai bahasa, bukan sahaja bahasa Arab tetapi bahasa Italy, Spanyol dan sebagainya. Untuk itu, kita telah pun mempermudah pemandu-pemandu pelancong ini mendapat certificate ataupun sijil untuk melayakkan mereka menjadi pemandu pelancong, iaitu kita membenarkan isteri-isteri orang-orang Arab yang

berada di sini untuk bekerja sebagai pemandu pelancong. Kita juga memberi kursus-kursus jangka pendek - dahulunya kursus enam bulan, sekarang kita beri kursus dua bulan untuk memperkemaskan kebolehan mereka itu. Jadi, inilah langkah-langkah jangka pendek yang kita sedang ambil dan kita sepanjang masa mencari orang-orang yang boleh berbahasa Arab ataupun bahasa-bahasa yang lain dan kita masukkan mereka dalam senarai-senarai tertentu dan apabila kita perlu maka kita boleh menjemput orang-orang ini untuk memberi khidmat.

2. **Tuan Ho Lim Teck** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pinjaman belum berbayar yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan-kerajaan negeri, badan berkanun, agensi kerajaan dan syarikat-syarikat mengikut tiap-tiap negeri, agensi-agensi dan syarikat sehingga tahun 1999.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Penyata Ringkas Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut seperti pada 31 Disember 1999 yang belum diaudit yang disediakan oleh Jabatan Akaun Negara Malaysia, keseluruhan pinjaman belum berbayar termasuk faedah atas pinjaman yang telah dipermodalkan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan-kerajaan negeri, badan-badan berkanun, agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat sehingga tahun 1999 berjumlah RM35,584.45 seperti pecahan berikut:

Pinjaman	RM (Juta)
Kerajaan-kerajaan negeri	9,934.45
Pihak berkuasa tempatan	625.09
Badan berkanun	7,691.03
Koperasi	625.09
Syarikat	16,771.15
Pelbagai	1,142.83
Jumlah:	35,584.05

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada peratusan pinjaman yang telah diberikan dari segi pembayaran balik adakah itu mengikut perjanjian yang telah diputuskan dan adakah itu memuaskan dari segi peratusan yang telah dicapai. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, dari segi prestasi pembayaran balik sememangnya tidak begitu memuaskan. Oleh kerana itu Kerajaan Persekutuan telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan pihak-pihak yang meminjam itu membayar balik ataupun jumlah kadar yang dipinjam itu dapat dikembalikan semula kepada Kerajaan Persekutuan. Misalannya, di antara langkah-langkah itu sejak tahun 1998 dan 1999 Kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah untuk memotong geran tahunan yang diberikan kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya hutang-hutang itu dapat diminimisekan. Dengan cara pemotongan geran yang telah dilakukan sejak dua tahun kebelakangan ini, maka jumlah pinjaman itu dapat kita perolehi semula daripada kerajaan-kerajaan negeri yang berhutang.

Datuk Tee Thiong Hock: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari segi pembayaran balik, kalau sesuatu loan itu ataupun pinjaman boleh *declassified* sebagai langsung tidak dapat dibayar balik. Apakah tanggungjawab (accountability) dari segi sipeminjam itu, termasuk ke rajaan tempatan atau institusi-institusi kerajaan. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak-pihak yang meminjam itu kalau dikatakan langsung tidak boleh membayar, tidak bolehlah, kerana mereka berusaha membayarnya. Walaupun prestasi agak tidak begitu baik tetapi mereka berusaha membayarnya sama ada kerajaan negeri ataupun pihak-pihak badan berkanun yang saya sebutkan tadi. Cuma jikalau mereka tidak boleh dapat membayarnya seperti yang kita jangka dan kita harapkan, langkah pertama yang kita ambil ialah dengan pemotongan geran tahunan. Yang kedua, misalannya mungkin kita jadualkan semula pinjaman mereka.

Misalnya, kalau tempohnya agak singkat oleh kerana tidak kemampuan mereka membayar kembali, kita panjangkan tempoh pembayaran itu sehingga membolehkan mereka ini membayar kembali hutang mereka kepada Kerajaan Persekutuan. Langkah-langkah lain misalannya bagi syarikat-syarikat yang meminjam itu kalau kita dapati mereka kurang berkemampuan untuk membayar, kita tukarkan kepada ekuiti, Kementerian Kewangan diperbadankan, ertinya kita tambah syer Kerajaan Persekutuan dalam syarikat-syarikat tersebut. Kita akan tambah ekuiti kita dalam syarikat itu dan dengan cara itu kita dapat perolehi kembali perolehan yang sepatutnya kita dapati di peringkat Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

3. **Tuan Abdillah bin Abdul Rahim** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menentukan supaya penjaja-penjaja tidak menjual daging yang diimport dari India sama harganya dengan daging yang diimport dari Australia kerana daging dari India adalah lebih murah dari daging yang diimport dari Australia.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

[Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, penjualan runcit apa-apa jua barang adalah tertakluk kepada Perintah Kawalan Harga, Penandaan Harga oleh Penjual Runcit 1993 yang mewajibkan tanda harga diletakkan pada setiap barang berkenaan. Melalui pendekatan ini pengguna dapat membezakan harga barang-barang yang dijual seperti harga daging yang diimport dari Australia dan daging yang diimport dari India. Walaupun demikian, tidak dinafikan ada kemungkinan peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab cuba mencampur daging yang murah seperti yang diimport dari India dengan daging dari Australia yang mahal harganya dan menjualnya mengikut harga daging import dari Australia.

Bagi memastikan amalan dan penyelewengan seperti ini tidak berlaku, pihak kementerian dari masa ke semasa menjalankan spot check ke atas peniaga-peniaga terutamanya penjaja -penjaja di pasaran-pasaran basah. Tindakan tegas akan diambil mengikut Akta Perihal Dagangan 1972 jika ada di antara mereka melakukan penyelewengan dengan menggunakan perihal dagangan palsu berhubung dengan harga dan barang-barang yang diniagakan itu.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan daging import ini. Benarkah dakwaan yang menyatakan bahawa daging yang kita import daripada negara-negara seperti Australia dan India ini stok yang disimpan di dalam freezer melebihi daripada 10 tahun dan bagaimanakah kerajaan kita apabila mengimport memantau jumlah masa yang disimpan di negara mereka. Kalau ianya benar, apakah kedudukan kualiti daging import ini. Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, bagi daging yang diimport daripada negara asing sebenarnya rumah-rumah sembelih biasanya diuji dan diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan di bawah Kementerian Pertanian untuk menentukan kualiti daging. Di seluruh dunia ada lebih kurang 266 rumah penyembelihan yang diluluskan oleh Jabatan Haiwan. Bagi penyimpanan, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna belum pernah

dapat maklumat ataupun aduan mengenai stok yang disimpan. Saya pun fikir berita yang diperolehi oleh Yang Berhormat mungkin tidak benar kalau sepuluh tahun. Walau bagaimanapun, kalau ada maklumat yang lebih tepat kita boleh siasat – sebenarnya Kementerian Kesihatan di bawah *Food Act* bertanggungjawab terhadap barang-barang makanan yang dianggap tidak sihat bagi makanan oleh rakyat kita.

Datuk Haji Karim bin Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Adakah kerajaan membenarkan import daging selain daripada Australia dan India kerana saya dikhabarkan bahawa daging yang berasal dari China adalah lebih murah daripada India dan Australia. Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, maklumat itu tidak benar. Oleh kerana pihak kerajaan telah memberi kelulusan untuk peniaga-peniaga yang ingin mengimport daripada lebih kurang 20 negara termasuk China, Argentina, Belgium, Brazil, Denmark, Perancis, India, Indonesia, Ireland, Kanada, New Zealand, Afrika Selatan, Thailand, UK. Semua negara-negara ini, peniaga-peniaga boleh import. Tertakluk kepada abettor yang diluluskan oleh pihak Kementerian Pertanian.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Soalan tambahan. Pernah suatu ketika dahulu di England, daging lembu yang berpenyakit, menyebabkan orang yang memakannya kena sakit sehingga banyak lembu-lembu dimusnahkan. Jadi, soalan tambahan saya ialah apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menentukan daging yang diimport itu selamat dimakan dan bebas daripada penyakit.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, ada dua bahagian, satu seperti yang saya jawab tadi, rumah penyembelihan itu diuji dan dilulus untuk menentukan daging yang diimport daripada rumah penyembelihan ini adalah mengikut taraf yang ditetapkan oleh negara. Yang kedua, bagi makanan. Adakah ia sihat bagi kegunaan rakyat kita. Ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan. Di bawah *Food Act* yang dari masa ke semasa menjalankan ujian tentang barang-barang makanan yang dijual dalam negara dari segi kualiti dan juga dari segi kesihatan.

4. **Puan Hajah Che Jam binti Haron** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan pada masa ini, terdapat banyak sungai-sungai dan air bawah tanah didedahkan pencemarannya oleh beberapa pihak media dan lain-lain. Adakah kajian terperinci dibuat bagi menyekat dan diambil tindakan yang sewajarnya kepada pihak yang tidak bertanggungjawab itu.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Tuan Yang di-Pertua. Untuk penjelasan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Che Jam. Jabatan Alam Sekitar memang sentiasa mengawasi keadaan sungai-sungai dan air bawah tanah negara melalui pembentukan program-program pemantauan kualiti air yang berterusan. Kajian-kajian terperinci bagi mengenal pasti status dan punca-punca yang menyumbang pada pencemaran air negara terutamanya bagi sungai-sungai yang mempunyai kepentingan sebarang sumber-sumber bekalan air minuman.

Di samping menjalankan program pengawasan, Jabatan Alam Sekitar selaku agensi penguat kuasa sentiasa menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan dari masa ke semasa dengan membuat pemeriksaan ke atas premis-premis perindustrian dan projek-projek yang dikenal pasti boleh menyumbang kepada pencemaran kualiti air negara bagi memastikan pelepasan air buangan ataupun effluent dari premis-premis berkenaan mematuhi had-had yang dibenarkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Di samping untuk memastikan langkah-langkah kawalan telah diambil dilaksanakan dengan sempurna oleh penggerak-penggerak projek dan pemilik industri terbabit supaya pencemaran alam dan air dapat disekat. Terima kasih.

Dato' Haji Mazlan bin Abu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Sebagaimana yang kita tahu pembuangan sisa-sisa toksik oleh orang yang tidak bertanggungjawab berleluasa. Adakah undang-undang yang sedia ada ini cukup untuk menghalang mereka ini?

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Undang-undang yang ada pada kita mencukupi. Masalah yang timbul hari ini ialah untuk mengesan setiap aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab di tempat-tempat yang kadang-kadang tidak dapat kita hendak awasi sepenuhnya dan kadang-kadang kegiatan ini dijalankan semasa misalnya hari cuti dan sebagainya. Bagaimanapun dari masa ke semasa dengan kerjasama daripada jabatan-jabatan di peringkat negeri dan juga laporan-laporan yang diterima daripada orang ramai, pengawasan dan tindakan-tindakan yang segera di ambil oleh pihak Jabatan Alam Sekitar sendiri. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah kementerian ini mempunyai maklumat tentang di manakah air-air yang dijual di

dalam botol ini iaitu air *mineral water* di ambil di negara kita ini atau hanya semata-mata dari paip. [Ketawa]

Dato' Zainal bin Dahalan: Untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua bahawa perkara pengeluaran lesen air-air mineral sebenarnya di bawah Kementerian Kesihatan. Pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar hanya membuat pemeriksaan sekiranya terdapat permohonan untuk memulakan projek dan juga sekiranya ada aduan-aduan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan soal pencemaran. Terima kasih.

5. **Tuan Haji Gapar bin Gurrohu** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kementerian akan mengubah tarikh Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dari bulan September ke bulan Oktober bagi mengelakkan senggang masa yang terlalu panjang dan menyebabkan ramai murid ponteng sekolah serta terdedah kepada gejala antisosial. Banyak pihak telah menyuarakan pandangan mengenai hal ini termasuk kesatuan guru dan PIBG.

Menteri Pendidikan [Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, di samping mengendalikan peperiksaan UPSR pada bulan September, Lembaga Peperiksaan di Kementerian Pendidikan mengendalikan peperiksaan PMR pada bulan Oktober, dan SPM pada bulan November hingga Disember. Penjadualan peperiksaan-peperiksaan tersebut dirancang dengan mengambil kira keperluan dan kengkangan pihak-pihak yang terlibat dalam pengendalian peperiksaan supaya tidak menjejaskan kesahan dan kebolehpercayaan pemeriksaan. Sekiranya jadual sewaktu peperiksaan bertindih dengan peperiksaan lain ia boleh menjejaskan kelancaran proses pengendalian peperiksaan dan ini boleh menyebabkan kelewatan keputusan peperiksaan.

Sehubungan dengan itu juga, Kementerian Pendidikan menghargai pandangan-pandangan mengenai masalah yang timbul akibat senggang masa yang panjang selepas UPSR. Pihak sekolah telah diarahkan untuk menyusun program atau aktiviti-aktiviti yang menarik dan berkesan selepas UPSR bagi mengelakkan murid ponteng sekolah dan seterusnya terlibat dengan gejala-gejala negatif. Untuk makluman lanjut Ahli Yang Berhormat, walaupun kemungkinan pelajar ponteng itu ada kerana senggang masa yang panjang namun demikian kementerian tidak menerima apa-apa laporan bahawa perkara ini menimbulkan masalah yang serius di kalangan pelajar.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Banyak pendapat yang menyatakan bahawa selepas peperiksaan SPM iaitu sebelum pelajar-pelajar kita melanjutkan pelajaran sama ada ke kolej ataupun universiti begitu lama iaitu di antara 4 hingga 5 bulan. Ramai yang menganggap bahawa masa itu oleh kerana pelajar kita telah ditekan untuk menghadapi peperiksaan SPM maka selepas peperiksaan sekiranya tidak ada program yang diatur oleh ibu bapa ataupun – kerana selepas itu tidak ada tanggungjawab sekolah lagi dan di sinilah bermulanya anak muda kita mengenali gejala antisosial sehingga perkara ini disambung apabila mereka menduduki pengajian tinggi seperti kolej dan universiti. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri dan kementerian dan kerajaan. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebenarnya setelah mengambil iktibar masalah itu, kementerian telah mengadakan ujian-ujian khas iaitu peperiksaan UPTM bagi membolehkan pelajar-pelajar SPM masuk lebih cepat ke tingkatan 6 dan juga untuk program matrikulasi. Walau bagaimanapun, baru-baru ini kita kedengaran dalam akhbar-akhbar bahawa ada juga ibu bapa dan murid-murid yang tidak puas hati kerana perkara ini dilakukan. Tetapi buat masa ini, itulah di antara tindakan yang diambil oleh Kementerian Pendidikan. Sekian.

6. **Tuan Parasuraman a/l Sanasamy** minta Menteri Kewangan menyatakan dengan wujudnya industri Takaful atau insurans Islam, sila nyatakan adakah insurans ini terbuka juga kepada semua orang bukan Islam di negara ini, jika ya, berapakah jumlah pencaruman kepada insurans ini oleh kerana orang bukan Islam di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat kepada insurans takaful. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, setakat ini terdapat dua pengendali takaful di Malaysia yang menawarkan perlindungan Takaful Keluarga, alternatif kepada insurans hayat dan Takaful Am, alternatif kepada insurans am. Seperti juga urusan kewangan secara Islam yang lain, perkhidmatan takaful terbuka kepada semua lapisan masyarakat tidak kira bangsa atau agama. Malahan ciri perkongsian untung pelan-pelan takaful menjadikan

pelan-pelan takaful pilihan yang menarik bagi masyarakat termasuk masyarakat bukan Islam.

Masyarakat bukan Islam dianggarkan menyumbang sebanyak 7% daripada jumlah caruman takaful. Terdapat juga badan-badan korporat yang memilih untuk menyertai pelan-pelan takaful, terutamanya pelan-pelan Takaful Am bagi melindungi harta benda mereka. Walaupun begitu pengendali takaful terus berusaha untuk meningkatkan lagi kesedaran orang ramai terhadap faedah-faedah yang diperolehi daripada penyertaan pelan-pelan takaful supaya sistem takaful benar-benar berupaya menjadi satu alternatif yang berkesan kepada rakyat Malaysia seluruhnya di samping sistem insurans *conventional* yang sedia wujud. Terima kasih.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak takaful bercadang menjual insurans perjalanan kepada jemaah-jemaah haji dari segi *cover* untuk, dengan izin, kemalangan.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya sebutkan tadi, ada dua jenis iaitu syarikat Takaful Keluarga dan syarikat Takaful Am. Syarikat Takaful Am meliputi motor, kebakaran dan sebagainya. Dan cadangan Yang Berhormat supaya syarikat takaful *cover* jemaah haji, saya rasa satu cadangan yang cukup baik dan Takaful akan mengambil kira pandangan ini. Dan, Insya -Allah kita akan berikan perhatian dan saya rasa cadangan ini cukup baik dan kita akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya. Terima kasih.

7. **Dato' Ting Check Sii** minta Menteri Tenaga, Komunikasi Dan Multimedia menyatakan bilangan syarikat asing dan tempatan dalam MSC, jumlah pelaburan dan sektor yang diceburi.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sebanyak 313 syarikat telah mendapat status MSC, di mana 278 syarikat telah pun beroperasi. Daripada jumlah 278 syarikat ini, 172 syarikat adalah milik majoriti tempatan. 98 adalah syarikat milik majoriti asing dan 8 syarikat usahasama tempatan dan asing. Sementara jumlah nilai pelaburan keseluruhannya sehingga tahun 1999 adalah sebanyak RM3,416 million atau RM3.416 bilion. Sektor yang diceburi oleh syarikat-syarikat ini adalah seperti berikut; Perisian Pembangunan Multimedia Kreatif, Telekomunikasi, Sistem Integrasi dan Sistem Elektronik. Sekian, terima kasih.

8. **Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sejauhmanakah kejayaan telah dicapai mengenai hasil kajian yang dibuat oleh FRIM-SIRIM dalam usaha supaya sumber asli dalam negeri ini dapat dijadikan produk komersial yang bermutu tinggi.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. FRIM dan SIRIM masih giat menjalankan kajian untuk menghasilkan produk-produk komersial bermutu tinggi iaitu syampu rambut, syampu badan dan penghindar serangga daripada sumber asli khususnya Sri Wangi. Setakat ini produk-produk komersial yang mengandungi sampel minyak 'Sintronela' daripada Sri Wangi dalam konsentrasi yang berlainan telah diformulasikan dan kajian stabiliti serta penerimaan pengguna sedang dijalankan. Proses seterusnya ialah kajian semula aktiviti biologi ke atas produk akhir.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dengar herba produk. Herba ini merupakan produk yang meningkat dari segi penjualan peringkat antarabangsa. Malaysia terkenal dengan pertumbuhan herba. Jadi, saya ingin tahu dari pihak kementerian, berapakah jenis-jenis herba yang dipatenkan oleh penduduk-penduduk kita di tempat kita ini terutama FRIM untuk ianya dijadikan sebagai bahan asli kita supaya orang lain tidak dapat meniru.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya tidak mendapat angka berapakah herba-herba yang telah pun dipatenkan tetapi berdasarkan terdapat hampir 2,000 spesies tumbuhan yang mempunyai nilai perubatan yang disokong oleh pelbagai institusi penyelidikan, kewangan, latihan dan sebagainya. Maka industri konkrit yang dijalankan untuk memastikan khazanah genetik daripada tumbuhan tidak hilang daripada atau tanpa pemuliharaan dan dimanfaatkan secara optimum. Jadi, masa ketika ini, FRIM belum lagi dapat menentukan paten-paten yang telah pun dikemukakan dan kita berharap melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti mendokumentasikan keseluruhan maklumat tumbuhan ubatan dan juga menubuhkan pusat-pusat cemerlang di dalam penyelidikan sebatian semulajadi seperti *National Biodiversity Center* dan *National Medicine Of Plant Research Center* juga untuk merancang strategi penyelidikan dan juga memberikan keutamaan kepada problem solving reserch, maka kita berharap daripada maklumat-maklumat yang kita dapatkan ini bolehlah kita buat paten-paten supaya boleh dapat dijadikan industri yang boleh membawa manfaat kepada pengusaha-pengusaha kita.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kerjasama yang dibuat oleh pihak FRIM dengan Kerajaan Negeri Sarawak dalam kajian kayu jenis '*bintangor*' untuk mencegah penyakit *AIDS*. Kalau FRIM dari segi penanamannya.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih, Yang Berhormat. Buat ketika ini saya belum dapat apa-apa laporan hasil daripada kerjasama di antara FRIM dengan jabatan dari negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, saya akan kemukakan tentang aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan apa juga kemajuan yang kita dapat daripada hasil usahasama itu secara bertulis.

9. Tuan Khoo Lay Hin minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan bercadang melaksanakan cadangan seorang Profesor Madya Universiti Malaya supaya bilangan kakitangan kerajaan dikurangkan sebanyak separuh tetapi gaji setiap orang dinaik 100% supaya efisiensi dapat dipertingkatkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]: Tuan Yang di-Pertua, dari segi teorinya, satu daripada cara baik meningkatkan efisiensi adalah melalui pengurangan bilangan kakitangan. Namun demikian, pengurangan bilangan kakitangan tidak dapat dilakukan dengan begitu mudah kerana pengambilan kakitangan dalam perkhidmatan awam dibuat berdasarkan beban kerja yang kian bertambah. Pengurangan kakitangan semata-mata akan menjejaskan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan awam.

Bilangan anggota dalam perkhidmatan awam tidak termasuk angkatan tentera dan polis adalah 775,273 orang pada bulan Oktober 1999. Dari jumlah ini 45% berada dalam klafikasi pendidikan serta perubatan dan kesihatan. Bilangan guru dan personel perubatan dan kesihatan tidak dapat dikurangkan memandangkan permintaan bagi kedua-dua perkhidmatan berkenaan terus meningkat dengan penambahan dalam bilangan penduduk. Permintaan bagi perkhidmatan-perkhidmatan lain juga terus meningkat dengan peningkatan dalam bilangan penduduk. Dalam keadaan sedemikian, adalah tidak realistik bagi kerajaan mengurangkan kakitangan sebanyak 50%.

10. Datuk William Lau Kung Hui minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kriteria bagi mengeluarkan permit lesen senapang patah (shotgun) kepada ahli-ahli RELA dan bilangan permit yang dikeluarkan kepada ahli-ahli RELA sektor II, Sibu Sarawak.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran lesen senjata api kepada anggota RELA adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria berikut:-

- (i) ahli RELA berumur di antara 23 tahun hingga 54 tahun;
- (ii) sihat tubuh badan dan tidak cacat anggota;
- (iii) telah menjadi ahli RELA tidak kurang daripada lima tahun;
- (iv) tidak mempunyai rekod jenayah
- (v) telah menghadiri kursus asas dan tempatan RELA;
- (vi) mesti mendapat sokongan Pegawai RELA Daerah, Pengarah RELA Negeri dan Ketua Pengarah RELA Malaysia; dan
- (vii) lulus tapisan keselamatan polis dan mendapat kelulusan lesen senjata api daripada pihak polis.

Bilangan lesen senjata api, senapang patah yang dikeluarkan kepada anggota RELA bagi sektor II, Sibul, Sarawak adalah sebanyak 13 laras.

Dato' Haji Mazlan bin Abu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kenapakah ahli-ahli RELA di negara ini dibekalkan dengan senapang patah yang telah ketinggalan zaman iaitu satu laras dan berusia lebih daripada 40 tahun?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, semua senjata api yang dibekalkan masih boleh berfungsi walaupun 40 tahun ataupun 50 tahun, yang penting

Tuan Yang di-Pertua: Betulkah ada itu?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, itu yang dia soal. Kalau masih boleh digunakan, maknanya boleh ditembak dan kalau tembak orang boleh mati kenanya, kita boleh gunakan tetapi oleh sebab keadaan-keadaan yang tertentu dan sampai masa yang tertentu dan kita mampu menggantikan dengan yang baru, kita akan ganti yang baru, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Adakah setakat ini terdapat kes-kes salah guna senapang patah oleh pasukan RELA?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Dalam pengetahuan kita, kita tidak dapat mengetahui dan tidak pun sampai ke pengetahuan kita bahawa ada anggota RELA yang salah guna senapang patah ini tetapi kalau terdapat salah guna serta salah laku,

maka anggota RELA ini akan diambil tindakan dan senapang patah kepunyaannya akan dirampas oleh pihak polis.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Telah dilaporkan di negeri Sarawak tidak berapa lama dahulu terdapat orang tempatan membeli senapang buatan sendiri daripada negara jiran dan soalan tambahan saya ialah bagaimana mereka ini mendapati peluru untuk digunakan menembak dengan senapang ini?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini tidak terbabit dengan soalan RELA, tetapi sebenarnya saya tidak tahu bagaimana dia boleh beli peluru kerana senapang pun dia beli daripada buatan tempatan. Mungkin juga saya dapat andai bahawa peluru juga dibuat oleh orang tempatan. Sebab kalau dia hendak beli peluru daripada pihak yang mempunyai lesen, dia mesti ada mempunyai lesen ataupun orang yang mempunyai lesen telah membeli peluru ini dan membenarkan orang itu menggunakannya. Ini adalah satu kesalahan. Dan kalau Ahli Yang Berhormat mengetahui bahawa terdapat satu transaksi yang tidak sihat ini, kita juga akan mengambil tindakan kepada orang yang telah salah guna kemudahan yang diberikan oleh kerajaan kepada pihak yang berkenaan.

11. Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta Perdana Menteri menyatakan apakah jaminan khidmat kebajikan dan kos yang tidak membebankan untuk masyarakat yang berpendapatan rendah ekoran dasar-dasar penswastan terutama sekali kesan akibat kecenderungan kerajaan menjadikan pendidikan dan kesihatan sebagai bahan komoditi.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan mengambil berat mengenai kesan sesuatu projek penswastan terutamanya yang melibatkan pengenaan caj kepada pengguna seperti bekalan air, pendidikan, kesihatan, bekalan elektrik dan sebagainya. Sehubungan ini, bagi melindungi kepentingan pengguna, syarikat yang mengambil alih perkhidmatan seperti ini dikenakan syarat-syarat dan terma-terma yang ketat termasuk di antaranya kadar caj yang munasabah dan tidak membebankan pengguna dan kenaikan kadar caj tersebut hanya boleh dibuat selepas mendapatkan kelulusan kerajaan dan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti.

Di dalam pengkorporatan IJN contohnya, caj perubatan bagi golongan yang berpendapatan rendah adalah diberikan subsidi atau ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui kalau inilah hasrat kerajaan supaya ianya tidak membebankan rakyat jelata, bagaimana pula dengan penswastaaan air di Kelantan? Apakah masalah yang timbul di sana kerana saya difahamkan Kerajaan Persekutuan terpaksa membiayai atau membantu, saya ingin penjelasan dari segi kedudukan apakah sebab-sebabnya, adakah ia gagal dan adakah ia mendatangkan faedah kepada rakyat jelata?

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, penswastaaan air di Kelantan ini adalah urusan kerajaan negeri, yang saya jawab tadi bagi pihak Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, sebagaimana kita sedia maklum, oleh kerana kekurangan kepakaran Kerajaan Negeri Kelantan, maka penswastaaan air di negeri Kelantan telah dikaji semula dan telah dibuatkan tawaran yang baru kepada syarikat tertentu. Jadi, untuk makluman lanjut, saya minta notis untuk mendapatkan kenyataan daripada Kerajaan Negeri Kelantan.

12. To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad [di bawah P.M. 23(2)] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah kementerian akan mengawasi dan menentukan para usahawan yang mendapat kontrak di luar negara lebih bertanggungjawab dan melaksanakan projek mereka dengan cemerlang bagi menjamin penganugerahan kontrak yang berterusan dan terus menambah tukaran asing kita serta mengharumkan nama negara kita.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memutuskan supaya semua memorandum persefahaman dan perjanjian usahasama yang ditandatangani oleh usahawan Malaysia di luar negara didaftarkan terlebih dahulu dengan Kedutaan Malaysia di negara-negara yang berkenaan. Pindaan ini adalah bertujuan untuk mengawasi usahawan Malaysia yang mendapat kontrak serta yang melaksanakan projek usahasama di luar negara melaksanakan projek dan kontrak yang diperolehi dengan sebaik-baiknya.

Langkah ini juga bertujuan membolehkan kerajaan mengetahui sebarang masalah yang timbul dan membantu pihak syarikat yang terlibat sekiranya perlu. Menerusi langkah tersebut juga, kerajaan berharap lain-lain syarikat di negara tersebut

berpeluang mendapat pengesahan dari Kedutaan Malaysia mengenai latar belakang pelabur-pelabur Malaysia yang mereka berhajat menandatangani MoU dan perjanjian usahasama. Sementara itu satu jawatankuasa telah ditubuhkan di MITI untuk meneliti dan menyemak setiap MoU dan perjanjian usahasama yang dicadangkan untuk ditandatangani di negara asing serta disaksikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, menteri-menteri atau wakil-wakil kerajaan. Sekian.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Saya ingin mengetahui dari pihak kerajaan berapakah jumlah MoU ini yang gagal begitu sahaja setelah ianya ditandatangani antara dua pihak di hadapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di hadapan menteri-menteri lain dan adakah mereka ini disenaraihitamkan supaya tidak lagi berbuat MoU dengan pihak kedua di luar negara kerana ianya memalukan kita dan apakah sebab-sebabnya perkara ini gagal begitu?

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkara yang besar, jadi, kita tidak ada angka-angka berapa MoU yang gagal sebelum ini ditubuhkan dan didaftarkan sebab di negara-negara asing ada yang memandangkan MoU adalah satu dokumen yang bukan mempunyai *legal effect*, jadi dia sebarang sign sahaja, sebarang tandatangan lepas itu dia pun lupakan itu. Jadi, perkara ini sudah dibetulkan, sekarang hanya syarikat-syarikat yang benar-benar ingin melabur atau mengadakan satu projek di negara itu dibenarkan menandatangani MoU atau perjanjian usahasama.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan projek-projek yang telah dilaksanakan di negara-negara luar oleh syarikat-syarikat kita, adakah aduan diterima oleh kementerian ini tentang syarikat-syarikat yang tidak menjalankan tanggungjawab mereka sehingga negara kita mendapatkan satu nama yang buruk. Terima kasih.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, di sini kita mesti memisahkan projek-projek luar dengan syarikat-syarikat yang melaksanakan usahasama di dalam bidang kilang, perindustrian atau perdagangan. Kepada projek-projek luar seperti membangunkan jalan, membina jalan, membangunkan pembinaan, pembangunan itu dijalankan dengan baik misalnya di negara-negara Afrika, Amerika Selatan atau di mana-mana negara, ini kita tidak mempunyai apa-apa rungutan atau kompelin dari

mana-mana. Tetapi syarikat-syarikat yang terlibat dalam perindustrian dan perdagangan, syarikat-syarikat ini mempunyai masalah, kadang-kadang kesalahan itu adalah di pihak syarikat-syarikat kita, tetapi ada juga di pihak-pihak syarikat yang lain. Ini tidak mencemarkan nama Malaysia, mereka sebagai sebuah syarikat negara yang menggalakkan pelaburan di luar negara ini menerima nama yang baik di dunia ini.

13. To' Puan Wan Sri @ Wan Asiah binti Ahmad minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) bagaimanakah jadual pelaksanaan Lebuhraya Pantai Timur Pahang-Terengganu, kos pembinaannya dan adakah kontraktor sudah dilantik; dan
- (b) bilakah kerja-kerja akan bermula.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Lebuhraya Pantai Timur mengikut perancangan asal adalah dari Karak di Pahang sehingga Chendering di Terengganu sejauh 338 kilometer. Walau bagaimanapun, projek ini akan dilaksanakan di bahagian Pahang dahulu iaitu dari Karak ke sempadan negeri Terengganu sejauh 169 kilometer. Kos pembinaan lebuhraya ini ialah sebanyak RM2,620 juta dan kontraktor yang dilantik bagi bahagian lebuhraya di negeri Pahang ialah MTD Capital Berhad. Projek ini akan dimulakan dengan kerja-kerja pembinaan jajaran di negeri Pahang dan dijangka siap dalam tempoh tiga setengah tahun. Setakat ini, dokumen kontrak sedang dimuktamadkan dan kerja-kerja dijangka bermula setelah perjanjian ditandatangani.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya memohon penjelasan kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan atau soalan tambahan?

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Soalan tambahan dan penjelasan. [Ketawa] Kita merakamkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah menyiapkan dan menganugerahkan projek ini secara konsesi kepada MTD Capital Berhad. Tetapi sebelum ini ada projek-projek konsesi yang tidak melibatkan keterlibatan kontraktor bumiputera. Jadi, bolehkah kerajaan menjelaskan pada hari ini daripada projek yang kita anggarkan keseluruhannya hampir RM3 bilion ini, berapa peratuskah ataupun

bagaimanakah keterlibatan kontraktor bumiputera di peringkat subkontrak. Walaupun kita tahu MTD sudah bumiputera tetapi bagaimanakah hendak diterjemahkan lagi di peringkat pelaksanaan program kerajaan khususnya Kementerian Kerja Raya untuk meletakkan kontraktor bumiputera di dalam melaksanakan projek di peringkat subkontrak. Terima kasih.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Terima kasih, Yang Berhormat. Seperti yang telah diberikan jawapan sebentar tadi, bahawa dokumen kontrak ini sedang dimuktamadkan dan masih lagi dalam peringkat perundingan. Jadi, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sememangnya menjadi sebahagian daripada perkiraan kerajaan sebelum sebarang perjanjian ditandatangani secara muktamad dengan pihak yang terlibat.

14. Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan harga pasaran antarabangsa petroleum telah naik, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji harga minyak petrol tanpa plumbum yang pada kini adalah pada harga RM1.10 seliter.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa mengawasi dan mengkaji perkembangan harga petroleum di pasaran antarabangsa. Setakat ini kerajaan masih mengekalkan harga runcit petrol tanpa plumbum pada paras RM1.10 seliter. Terima kasih.

15. Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah keberkesanan masyarakat menggunakan Biro Pengaduan Awam dan nyatakan sepuluh jenis aduan dan jumlah pengadu bagi tempoh tahun 1997, 1998 dan 1999.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]: Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 1997 hingga tahun 1999 10,882 orang telah menggunakan perkhidmatan Biro Pengaduan Awam. Sebanyak 4,907 telah disiasat dan 1,052 didapati berasas dan diberi khidmat rawat pulih.

Biro Pengaduan Awam telah berjaya menyelesaikan 71 kes aduan dalam tempoh tidak melebihi tiga bulan. Kategori jenis aduan yang diterima terhadap perkhidmatan awam ialah:-

- (i) kelewatan menjalankan urusan rasmi ataupun tiada tindakan - 71.8% ;

- (ii) tindakan tidak adil – 8.5% ;
- (iii) kekurangan kemudahan awam – 2% ;
- (iv) kepincangan dasar dan kelemahan undang-undang – 0.3% ;
- (v) salah guna kuasa ataupun penyelewengan – 0.9% ;
- (vi) salah laku anggota awam – 3.2% ;
- (vii) kegagalan mengikut prosedur yang ditetapkan – 2.2% ;
- (viii) khidmat nasihat – 10.1% ; dan
- (ix) kegagalan penguatkuasaan - 3.4%

Jumlah aduan yang diterima bagi tempoh 1997 ialah 3,697 aduan. Dalam tahun 1998 – 3,631 aduan dan pada tahun 1999 – 3,564 aduan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Saya ingin mengetahui daripada kes-kes ini dan kita ucapkan tahniah kerana 25% daripada 4,427 siasatan adalah sah dari segi perbuatannya bersalahan dengan peraturan kerajaan. Jadi, saya ingin mengetahui di dalam kes-kes ini adakah wujud di mana pegawai-pegawai kakitangan kerajaan yang tidak mengikut dasar-dasar kerajaan secara sengaja kerana ianya dihasut oleh parti-parti pembangkang dan apa pula tindakan-tindakan yang telah diambil kepada mereka terutama sekali yang tidak efisien kerana 71% adalah diakibatkan oleh kelewatan dan sebagainya. Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap pekerja-pekerja yang bersabit dengan masalah-masalah ini?

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, kes aduan yang diterima daripada pihak awam tentang masalah seperti mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak banyak dari segi apa yang kita dapat kumpul daripada tahun-tahun yang telah disebutkan tadi. Dengan kes-kes di mana pegawai-pegawai kerajaan tidak mengetahui dasar kerajaan, adalah menjadi dasar kerajaan juga untuk memberi maklumat kepada mereka, untuk memberi kursus-kursus seperti yang kita adakan di INTAN dan sebagainya supaya dasar kerajaan ini difaham oleh pegawai-pegawai kerajaan dan saya fikir ini tidak akan menambahkan kepada kes aduan dan akan didapati kurang oleh kerana kerajaan mengambil tindakan-tindakan yang perlu.

16. **Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor** minta Perdana Menteri menyatakan syarikat atau agensi yang menjadi tempat Tabung Haji melabur serta jumlah pelaburan di setiap syarikat atau agensi tersebut.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan identiti korporat dan Dasar Pelaburan Lembaga Tabung Haji, semua pelaburan yang diceburi oleh Tabung Haji adalah dalam pelaburan yang halal, berdaya maju, berisiko rendah dan berpotensi memberi pulangan yang tinggi. Tumpuan pelaburan Tabung Haji ialah pelaburan yang berpotensi dan meyakinkan yang merangkumi pelaburan saham jangka panjang dan jangka pendek di Bursa Saham Kuala Lumpur, dalam sektor-sektor ekonomi seperti perindustrian, perkhidmatan, barangan pengguna, pembinaan, perladangan serta pemilikan hartanah.

Sehingga 31 Disember 1999, Tabung Haji telah melabur di dalam lebih 140 buah syarikat jangka panjang termasuk syarikat bersekutu dan anak syarikat dengan jumlah pelaburan RM3 bilion manakala jumlah pelaburan Tabung Haji dalam saham jangka pendek iaitu saham urus niaga adalah RM915 juta menjadikan keseluruhan pelaburan saham Tabung Haji sehingga 31 Disember 1999 berjumlah RM3.91 bilion.

Untuk membacakan nama-nama syarikat ini akan mengambil masa yang lama tetapi saya ingin meyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa pelaburan Tabung Haji diuruskan dengan penuh berhemah dan mengikut dasar-dasar yang disebutkan di atas.

Selain daripada itu, Tabung Haji juga melabur secara aktif dalam instrumen-instrumen pelaburan kewangan Islam, seperti bon, nota korporat, sijil pelaburan kerajaan, akaun bank mudarabah dan bill of acceptance. Jumlah pelaburan dana Tabung Haji setakat 31 Disember 1999 adalah RM2.2 bilion. Tabung Haji mempunyai pelaburan yang agak besar dalam sektor-sektor perladangan terutamanya kelapa sawit dan hartanah. Salah satu adalah melalui anak syarikat Tabung Haji yang mengusahakan pembangunan tanah untuk industri berteknologi tinggi iaitu hi-tech di Negeri Sembilan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari ini soalan-soalan yang telah pun dijawab banyak sedikit daripada hari-hari biasa, hari yang terdahulu. Ini barangkali dengan sebab kurang sedikit soalan tambahan hari ini. Jadi, saya percaya Yang Berhormat Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen yang datang untuk menjawab sangat sukacita dengan saya hari ini kerana mereka berpeluang bangun dan menjawab kerana saya dengar juga mengatakan Pengerusi ini beri bebas sangat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengemukakan soalan tambahan banyak sangat. Cuma empat atau lima orang sahaja Menteri ataupun Timbalan Menteri dapat bangun menjawab. Jadi, saya percaya

mereka berpuas hati sedikit hari ini kerana ramai sedikit berpeluang bangun dan menjawab. *[Tepuk]*

Masa untuk soalan-soalan bagi Jawab Lisan telah pun selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 27 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUT TEKNOLOGI MARA (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. *[4 Mei 2000]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Pendidikan, sila sambung jawapan.

11.06 pagi.

Menteri Pendidikan [Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyambung jawapan berkenaan ulasan dan isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan Rang Undang-undang Institut Teknologi MARA (Pindaan) 2000, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada ahli-ahli yang menyuarakan pendapat yang rata-ratanya memberikan sokongan kepada pindaan Akta Institut Teknologi MARA yang dibaca kali kedua.

Pada 4 Mei, di Dewan ini saya telah pun menjawab perkara-perkara berhubung dengan aspek akademik seperti hubungan dengan industri dan persoalan kenapa UiTM mengurangkan jumlah jam pengajaran agama Islam (UIS). Mengenai pengurangan jam kredit UIS, sebenarnya UiTM hanya menyelaraskan jumlah jam kredit sama seperti IPTA lain. UiTM tidak mengurangkan input keagamaan kerana ianya diganti dengan mata pelajaran agama Islam yang bercorak profesional seperti Undang-undang Keluarga Islam, Perbankan Islam, Seni Bina Islam dan lain-lain lagi. Selain daripada pengajaran formal, aktiviti keagamaan juga diterapkan di dalam

Program Hal Ehwal Pelajar seperti Amalan dan Asas Sosial Islam (ADASI), Program Bimbingan Fardu Ain (BIFA) dan Program Sahsiah Rupa Diri dan Bina Insan. UiTM juga tidak mengurangkan mata pelajaran UIS kepada tiga jam seperti yang didakwa tetapi kepada 6 jam kredit yang diajar dalam tiga semester.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan-soalan dan isu-isu lain yang dikemukakan demi untuk memudahkan jawapan dan sekali gus menjimatkan masa, saya akan menjawab dan mengupas pandangan Ahli Dewan mengikut tajuk. Saya akan bermula dengan menjawab pertanyaan yang berkaitan dengan kewangan dan infrastruktur UiTM yang telah dibangkitkan oleh, antara lain, Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin, Yang Berhormat Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor, Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli dan Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan. Ahli-ahli Yang Berhormat ini telah menyuarakan kebimbangan dari segi peruntukan kepada UiTM untuk berperanan sebagai universiti.

Dalam hal ini sukacita dimaklumkan pihak kementerian sedia maklum akan keperluan peningkatan infrastruktur. Bantuan telah pun disalurkan melalui program one-off untuk tujuan penyelenggaraan dan pengubahsuaian. Pihak kementerian juga akan menambah peruntukan pengurusan dengan bertambahnya bilangan pelajar. Rancangan sedang diatur untuk mengkhaskan peruntukan yang mencukupi bagi pembangunan UiTM dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Buat masa ini 12 projek pembangunan UiTM sedang dilaksanakan yang menelan belanja hampir RM1 bilion.

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah menyatakan kebimbangan bahawa dengan pengkorporatan UiTM kadar yuran akan dinaikkan. Untuk makluman, UiTM telah pun dikorporatkan pada tahun 1996. Sehingga kini UiTM sebenarnya meminta para pelajar menyumbangkan sejumlah yang minimum, malah ada yang dikecualikan langsung daripada memberi sumbangan bergantung kepada pendapatan keluarga masing-masing. Pihak kerajaan ingin memberi jaminan bahawa yuran UiTM adalah lebih rendah berbanding dengan IPTA yang lain.

Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim juga telah memberi saranan supaya kolej bersekutu yang mengendalikan program UiTM tidak mengenakan yuran yang tinggi. Pihak UiTM sentiasa memantau yuran yang dikenakan oleh kolej bersekutunya yang berjumlah 22 buah. Setakat ini kajian menunjukkan yuran yang dikenakan oleh kolej bersekutu UiTM adalah yang terendah jika dibandingkan dengan yuran yang dikenakan oleh IPTS lain di Malaysia bagi kursus yang sama.

Tuan Yang diPertua, isu kedua yang saya ingin jawab ialah yang berkaitan dengan hal ehwal akademik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor, Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli.

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah bertanya berapakah bilangan pensyarah UiTM yang berkelulusan Ph.D. Setakat ini jumlah pensyarah yang berkelulusan Ph.D ialah 238 orang sementara mereka yang di dalam pengajian Ph.D ialah 150 orang. Kepada pertanyaan sama ada mereka yang berkelulusan Ph.D juga dihantar berkhidmat di kampus cawangan, jawapannya adalah ya, jika kehadiran mereka diperlukan mereka juga akan dihantar berkhidmat di kampus cawangan. Nisbah pensyarah dengan pelajar pula ialah 1:17 dan kadar ini insya-Allah, akan dikurangkan kepada 1:15 iaitu nisbah yang dianggap paling unggul.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz pula bertanya apakah fokus atau bidang utama pengajian di UiTM. Beliau mencadangkan UiTM menjadi "Harvard Malaysia". Terdapat tiga bidang utama yang ditawarkan di UiTM iaitu Sains dan Teknologi, Sains Pengurusan dan Sains Kemasyarakatan. Seperti Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz sedia maklum, beberapa bidang profesional seperti Seni Bina, Seni Lukis, Pengurusan Hotel, Sains Komputer, Sains Gunaan, Teknologi Maklumat adalah di antara bidang yang dipelopori oleh UiTM. Bidang Perakaunan Undang-undang dan Seni Persembahan juga diberi tumpuan oleh UiTM sesuai dengan keperluan masyarakat masa kini.

Yang Berhormat Dato' Ghazi mencadangkan diperkenalkan bidang akademik Pemikiran Kreatif dan mewujudkan Seni Bunyi Suara dan Lagu. Secara kebetulan bidang-bidang ini telah pun menjadi sebahagian daripada kurikulum di Fakulti Seni Lukis, Seni Reka dan Seni Persembahan. Melalui Program Pengajian Berbentuk Modular yang diperkenalkan oleh UiTM, mata pelajaran ini juga boleh diambil oleh mereka yang mengikuti kursus lain seperti Kejuruteraan, Perniagaan dan sebagainya.

Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim menyarankan UiTM mengendalikan kursus-kursus yang bercorak penyelidikan. Dengan kedudukannya sebagai universiti, tentu sekali UiTM perlu menawarkan lebih banyak kursus di peringkat pasca siswazah yang memerlukan pendidikan. Setakat ini UiTM menawarkan 8 jenis kursus di peringkat Ph.D.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan disiplin pelajar UiTM, sebenarnya tahap disiplin pelajar UiTM boleh dikatakan amat memuaskan. Dengan bilangan enrolment melebihi 70,000 dari kalangan anak-anak muda, amatlah sukar memastikan tidak ada langsung masalah disiplin. Di kampus induk UiTM sepanjang tahun 1999, hanya 90 pelajar daripada sejumlah 26,000 dihadapkan kepada jawatankuasa tatatertib. Disiplin pelajar pada keseluruhannya adalah terkawal dan peraturan yang terdapat dalam Akta Institusi Pendidikan Tinggi (Tatatertib) 1976 iaitu Akta 174 serta sistem pengawa yang diamalkan mampu membanteras gejala-gejala yang tidak diingini itu.

Selain daripada itu pelajar-pelajar dilengkapi dengan pengetahuan asas dalam agama Islam melalui kursus UIS dan ADASI yang membolehkan mereka menjauhkan diri daripada terlibat dengan masalah disiplin. Aktiviti kokurikulum dan riadah yang digalakkan oleh UiTM juga membantu pelajar untuk mengisi ruang masa yang terluang dengan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang berfaedah.

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan telah membangkitkan aspek hal ehwal kakitangan di mana beliau memaklumkan bahawa terdapat segelintir kakitangan UiTM dan pensyarahnya memihak kepada parti pembangkang. Beliau seterusnya mencadangkan pihak UiTM mengambil tindakan. Saranan ini saya rasa telah diterima dan dilaksanakan oleh UiTM. Selain daripada menasihati kakitangan yang terlibat, saya difahamkan telah ada staff yang dipanggil dan dihadapkan ke jawatankuasa tatatertib. Untuk makluman Dewan, seramai 4 orang staff telah dihadapkan ke jawatankuasa tatatertib berkaitan dengan kes yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat Tuan Haji Rosli.

Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin pula memohon supaya pindaan 18(a) ditarik balik kerana beliau tidak bersetuju kuasa UiTM untuk menubuhkan kampus-kampus cawangan di luar negara dimansuhkan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kuasa itu dimansuhkan seperti juga di IPTA-IPTA lain untuk membolehkan UiTM menumpukan perhatian memperkukuhkan kampusnya dan kampus-kampus cawangannya di negara ini demi kepentingan masyarakat Malaysia khususnya, masyarakat bumiputera. UiTM masih boleh meluaskan penawaran kursusnya ke luar negara tanpa terlibat dengan penubuhan kampus cawangannya sendiri di sana.

Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu membangkitkan persoalan tentang Fasal 17 di mana Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 tidak terpakai bagi UiTM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institut Teknologi Mara ditubuhkan pada tahun 1976 di bawah Akta Institut Teknologi MARA 1976 (Akta 173). Apabila timbul cadangan untuk menaikkan taraf ITM kepada universiti, kerajaan memutuskan bahawa kenaikan taraf itu hendaklah dibuat melalui pindaan kepada Akta Institut Teknologi MARA 1976. Keputusan ini adalah sejajar dengan matlamat yang hendak dicapai bila ITM ditubuhkan pada awalnya iaitu mengkhususkan ITM bagi pelajar Melayu dan pelajar anak negeri Sabah dan Sarawak. Ini juga dengan sendirinya menjawab gesaan Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu supaya kemasukan ke ITM dibuka kepada bukan bumiputera. Keputusan untuk meminda Akta 173 bagi maksud yang telah disebutkan memerlukan apa-apa pemakaian AUKU bagi ITM dikecualikan dalam mengelakkan berlakunya pertindihan dan kekeliruan antara Akta Institut Teknologi MARA 1976 dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan tempoh hari. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat menaikkan taraf ITM kepada universiti khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN
(1999) 2000**

Bacaan Kali Yang Kedua

11.21 pagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1999 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk Maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibaca kali yang kedua sekarang

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM12,504,384,376 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1999 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual pada rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat 1999 adalah berjumlah RM12,504,820,776, Daripada jumlah tersebut sebanyak RM12,504,384,376 diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang undang-undang ini mana kala bakinya sebanyak RM436,400 adalah perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2, rang undang-undang tersebut adalah seperti berikut:

Tambahan sebanyak RM11,975.8 juta di bawah Maksud B.30 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun untuk dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan daripada Akaun Hasil Disatukan.

Tambahan sebanyak RM206.9 juta di bawah Maksud B.26 Kementerian Pendidikan untuk perbelanjaan berikut:

- (a) Sebanyak RM19.8 juta untuk bayaran bantuan khas 1998 dan imbuhan tahunan 1999, bagi semua institusi pengajian tinggi awam dan sebanyak RM187.1 juta untuk bayaran imbuhan tahunan 1999, bagi kakitangan di bawah Kementerian Pendidikan.

Tambahan sebanyak RM170.00 juta di bawah Maksud B.36 Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk perbelanjaan berikut:

- (a) sebanyak RM52.1 juta bagi pasukan PDRM menjaga keselamatan dan ketenteraman awam semasa dan selepas Pilihan Raya Umum Kesepuluh, yang telah diadakan pada 29 November 1999 yang lalu;
- (b) sebanyak RM110.7 juta untuk menampung bayaran emolumen bagi pengisian jawatan, kenaikan pangkat dan bayaran imbuhan tahunan 1999; dan
- (c) sebanyak RM7.2 juta untuk bayaran elaun perjalanan, bayaran di bawah sistem pukal yang melibatkan bekalan air, elektrik, telefon, bayaran pos, penyewaan dan penyelenggaraan kereta-kereta Spanco, bekalan minyak untuk pasukan PDRM di darat, pasukan marin dan pasukan unit udara.

Tambahan sebanyak RM36.6 juta di bawah Maksud B.4, Suruhanjaya Pilihan Raya untuk membiayai sebahagian perbelanjaan bagi menjalankan Pilihan Raya Umum Kesepuluh, pada 29 November 1999.

Tambahan sebanyak RM35.5 juta di bawah Maksud B.29, Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk perbelanjaan berikut:

- (a) sebanyak RM21.0 juta untuk memberi bantuan kewangan kepada Alam Flora bagi menanggung kos yang tidak diambil kira dalam pembayaran yuran perkhidmatan oleh Pihakberkuasa Tempatan bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan bandar yang dilaksanakan oleh Alam Flora di zon tengah;
- (b) sebanyak RM10.0 juta untuk menyelesaikan bayaran balik hasil kerajaan yang terlebih pungut berhubung dengan urusan perkhidmatan am seperti bayaran sewa rumah, bayaran pas kerja dan sebagainya; dan
- (c) sebanyak RM4.5 juta untuk membolehkan Bahagian Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri melaksanakan program khas pemantapan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM19.5 juta di bawah Maksud B.51 Kementerian Luar Negeri untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (a) sebanyak RM2.0 juta untuk emolument bagi kakitanganambilan tempatan, bayaran imbuhan, insentif kepada kakitangan awam dan bayaran insentif tugas kewangan;
- (b) sebanyak RM4.8 juta untuk bayaran elaun perjalanan dan sara hidup pegawai bagi menjalankan tugas rasmi serta pertukaran dan bayaran pukal tiket penerbangan MAS;
- (c) sebanyak RM185,550 untuk pembelian alat-alat bagi kedutaan Malaysia luar negeri iaitu pembelian janakuasa di Dhaka, sistem PABX di Hague untuk Y2K Compliance dan kamera keselamatan di Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London;
- (d) sebanyak RM9.1 juta untuk membiayai pemberian kepada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi menampung kerugian urusan pertukaran mata wang asing, pemberian sumbangan kepada pertubuhan antarabangsa dan bantuan kepada negara-negara luar; dan
- (e) sebanyak RM3.4 juta untuk bayaran tunggakan cukai harta Kompleks Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura.

Tambahan sebanyak RM13.6 juta di bawah Maksud B.40, Jabatan Penjara untuk perbelanjaan berikut:

- (a) sebanyak RM11.6 juta untuk membiayai bayaran emolument bagi pengisian jawatan 860 jawatan warder, bayaran bantuan khas kewangan, bayaran insentif menjalankan tugas kewangan, bil-bil utiliti, bekalan ransom banduan yang meningkat, penyelenggaraan kenderaan dan pergantian peralatan stor yang terbakar di Sabah; dan
- (b) sebanyak RM2.0 juta untuk membiayai bayaran imbuhan tahunan tahun 1999.

Tambahan sebanyak RM7.0 juta di bawah Maksud B.16, Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk menampung bayaran bantuan khas kewangan kepada kakitangan kerajaan, perbelanjaan berkaitan dengan operasi membendung Japanese Encephalitis

(JE) di Bukit Pelandok serta untuk penyelenggaraan helikopter Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Tambahan sebanyak RM7.4 juta di bawah Maksud B.44, Kementerian Penerangan untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (a) Sebanyak RM5.5 juta untuk bayaran premium dan cukai tanah kepada Kerajaan Negeri Selangor dan Sabah bagi tapak bangunan Radio Tiga Shah Alam, Selangor dan Pejabat Penerangan Papar di Sabah; dan
- (b) Sebanyak RM1.9 juta untuk melaksanakan Aktiviti Gerak Daya, Dewan Undangan Negeri Sabah.

Tambahan sebanyak RM5.7 juta di bawah Maksud B.42 – Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (a) sebanyak RM1.2 juta sebagai pemberian bagi Kempen Gerakan Keluarga Bahagia. Kempen ini bertujuan memberi kesedaran kepada setiap lapisan masyarakat tentang pentingnya ikatan kekeluargaan dan peranan keluarga dalam masyarakat bagi pembangunan negara;
- (b) sebanyak RM3.0 juta sebagai pemberian kepada Urusetia PINTAS bagi membanteras masalah sosial; dan
- (c) sebanyak RM1.5 juta sebagai pemberian kepada Malaysian Humanitarian Nutrition Foundation iaitu sebuah organisasi NGO bagi melaksanakan aktiviti kemanusiaan seperti mewujudkan hospice untuk pesakit-pesakit yang tidak berkeupayaan sembuh.

Tambahan sebanyak RM5.5 juta di bawah Maksud B.47, Kementerian Pengangkutan untuk menjelaskan baki tuntutan subsidi kepada Keretapi Tanah Melayu Berhad atas kerugian yang dialami bagi perkhidmatan kereta api penumpang yang tidak ekonomik bagi tahun 1998.

Tambahan sebanyak RM5.3 juta di bawah Maksud B.19, Kementerian Pertanian untuk membiayai bayaran insentif bagi kakitangan menjalankan tugas kewangan dan Bantuan Khas Kewangan kakitangan awam.

Tambahan sebanyak RM4.5 juta di bawah Maksud B.17 – Kementerian Belia dan Sukan untuk membiayai beberapa program yang dilaksanakan untuk Penawaran Sukan Asia 2006 dalam tahun 1999.

Tambahan sebanyak RM3.4 juta di bawah Maksud B.45, Kementerian Sumber Manusia untuk perbelanjaan berikut:

- (a) sebanyak RM1.7 juta untuk membiayai bayaran insentif bagi kakitangan yang menjalankan tugas kewangan dan Bantuan Khas Kewangan 1999 serta perbelanjaan bagi perhubungan dan utiliti bagi Jabatan Buruh Semenanjung dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja; dan
- (b) sebanyak RM1.7 juta untuk membiayai bayaran emolumen ibu pejabat Jabatan Tenaga Rakyat dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) yang melibatkan bayaran gaji tenaga pengajar baru dan juga penyelarasan gaji berikutan kenaikan pangkat tenaga pengajar sedia ada dan untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan terutama bekalan makanan kepada pelatih-pelatih ILP.

Tambahan sebanyak RM2.4 juta di bawah Maksud B.35 Kementerian Dalam Negeri pula untuk membiayai perbelanjaan yang berkait dengan Pilihan Raya Umum Kesepuluh yang telah diadakan pada 29 November 1999.

Tambahan sebanyak RM1.5 juta di bawah Maksud B.33 Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta untuk perbelanjaan berikut:

- (a) sebanyak RM1.3 juta bagi membiayai perbelanjaan mengurus Unit Informasi Harta Tanah Negara (NAPIC) yang baru ditubuhkan dan mula beroperasi pada 1 Oktober 1999. NAPIC adalah berperanan sebagai agensi pusat untuk mengumpul maklumat secara mandatori bagi mewujudkan satu pengkalan data yang lengkap dan kemas-kini mengenai harta; dan
- (b) sebanyak RM268,380 untuk menampung bayaran imbuhan tahunan 1999.

Tambahan sebanyak RM1.1 juta di bawah Maksud B.48 Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk menampung bayaran imbuhan tahunan 1999 kakitangan Jabatan Kemajuan Masyarakat.

Tambahan sebanyak RM1.0 juta di bawah Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai Program Latihan Guru Yayasan Islam Kelantan.

Tambahan sebanyak RM1.0 juta yang merupakan tambahan kecil untuk membiayai pelbagai perkhidmatan di bawah Maksud-maksud B.10 Jabatan Peguam Negara, B.24 Jabatan Muzium dan Antikuiti, B.38 Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, B.41 Jabatan Pertahanan Awam dan B.50 Kementerian Pembangunan Usahawan.

Tuan Yang di-Pertua, butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat 1999 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 2000 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3A Tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin]:

Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perbelanjaan Tambahan bagi Perkhidmatan Tahun 1999 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk Maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin.

11.34 pag i.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut sama dalam perbincangan Perbekalan Tambahan Tahun (1999) 2000 dan saya akan menyentuh hanya B.19 – Kementerian Pertanian.

Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertanian yang berjaya menganjurkan seminar sehari mengenai peluang-peluang pelaburan dalam sektor pertanian pada 24 April yang lalu. Malaysia telah pun mengimport makanan daripada luar negara berjumlah di antara RM11 bilion hingga RM12 bilion setiap tahun. Dalam Dasar Pertanian Negara 3 (DPN3) 1998 hingga 2010, kerajaan akan berusaha untuk menukarkan sektor pertanian menjadi sektor yang moden, dinamik dan kompetitif yang akan didorong oleh sektor swasta, teknologi dan pasaran. Trend baru pertanian ke arah bersekala besar, moden, produktiviti tinggi dan menggunakan teknologi tinggi untuk pasaran eksport.

Matlamat kerajaan untuk menurunkan jumlah import sebanyak separuh dalam masa lima tahun dan menjelang tahun 2010 merupakan proaktif yang membanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua perancangan dan matlamat ini tidak akan berjaya seandainya 12 agensi di bawah kementerian ini tidak dirombak. Banyak di antara mereka melaksanakan aktiviti yang bertindih, sebagai contoh kesemua jabatan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan, Pertubuhan Peladang termasuk juga FAMA melaksanakan aktiviti pemasaran berasingan dan tidak bersepadu. Kalau dahulu kita dengar nama 'modus operandi' dan "pusat gerak tani" sebagai penyelaras dalam semua aktiviti pertanian di bawah Kementerian Pertanian tetapi ianya sudah pun berkubur dan semua agensi di bawahnya bergerak secara berasingan. Dalam negara yang mempunyai sumber yang terhad, kerajaan seharusnya menyediakan satu pasukan penggerak yang bukan sahaja proaktif tetapi perlu bersatu padu di antara agensi.

Tuan Yang di-Pertua, sesudah kerajaan menetapkan dasar dan hala tuju melalui Dasar Pertanian Negara Ketiga, terdapat beberapa kekangan utama di dalam memajukan industri ini. Di antara masalah yang dihadapi oleh usahawan tani bagi mencebur diri dalam sektor ini adalah berkaitan dengan tanah, bukan sahaja sukar untuk mendapat tanah yang sesuai dengan sesuatu komoditi pertanian, maksud saya kalau kita hendak menanam nenas, mestilah mempunyai tanah jenis gambut, kalau kelapa mestilah tanahnya yang berpasir, kalau kolam ikan hendaklah kawasannya mempunyai sumber air yang mengalir dan sebagainya. Tetapi kita terlupa bahawa kekangan lain adalah "peraturan tanah" dan "cukai tanah" merupakan di antara perkara-perkara yang membantutkan industri ini untuk berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, kita ambil contoh, yang pertama berkaitan dengan peraturan tanah. Tanah dusun adalah tidak dibolehkan untuk menanam getah atau kelapa sawit dan begitulah sebaliknya. Bagaimanakah hasrat kerajaan untuk mempelbagaikan aktiviti pertanian di dalam kawasan yang sama. Walaupun pada masa yang kerajaan memperkenalkan "integrated approach" dengan izin. Manakala cukai tanah pula sering kali kedengaran rungutan daripada usahawan tani akan berhadapan dengan cukai yang tinggi, apabila tanah untuk tujuan pertanian bertukar kepada status tanah industri. Sebagai contohnya pengeluaran pertanian melalui hydroponic dan contoh lain adalah ladang ternakan ayam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sekejap ya. Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut peraturan mesyuarat 6(3) saya meminta Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman mempengerusikan majlis ini.

JDato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman *mempengerusikan Mesyuarat*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Datuk Long bin Jidin: Walaupun aktiviti-aktiviti serupa ini merupakan aktiviti intensif dan moden tetapi kos pengeluarannya adalah sangat tinggi dan setiap bahan keluarannya adalah sangat fragile dan mudah rosak, tidak seperti kilang membuat skru, bolt dan nut dan sebagainya. Kalau ianya tidak laku dalam tempoh masa yang tertentu usahawan tani akan mengalami kerugian. Tambahan lagi dengan cukai tanah yang tinggi menyebabkan ramai usahawan tani tidak berminat untuk mencebur diri dalam industri pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kerajaan menyediakan pelbagai insentif dan kemudahan kepada sektor swasta, kerajaan juga tidak seharusnya lupa terhadap usahawan kecil tani yang mempunyai tanah di antara satu hingga tiga ekar tanah. Walaupun tanah mereka ini tidak luas, tetapi dengan gabungan tanah, tenaga dan usaha, saya yakin dengan formula yang sama ke arah menuju pertanian komersial akan dapat dicapai. Peranan Pertubuhan Peladang yang mempunyai ramai ahli sudah pasti mempunyai banyak tanah, kalau mereka ini digabungkan mestilah ia akan mencapai matlamat seperti yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan pada masa akan datang, setiap inci tanah pertanian yang hendak diluluskan perlulah disyaratkan membenarkan agensi-agensi pembangunan tanah pertanian, boleh diberi hak untuk kegunaan pertanian seperti yang disyaratkan. Di samping itu juga melalui Jabatan Pertanian perlulah mengemukakan 'Pelan Struktur Pembangunan Pertanian' di dalam sesuatu daerah mengikut profil-profil dan 'series' tanah dan kesesuaian dengan jenis tanaman mengikut nasihat pakar. Selain daripada itu kerajaan melalui jabatan di bawah Kementerian Pertanian boleh meretapkan zon-zon tertentu, setiap aktiviti disertakan perancangan pembangunan pada masa sekarang dan akan datang. Semua ini adalah memudahkan usahawan tani yang berminat untuk mendapat maklumat dan membuat perancangan bagi pembangunan sesuatu komoditi pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjadikan Malaysia sebagai negara pengeluar pertanian sama ada kegunaan negara atau pasaran eksport kerajaan seharusnya

mewujudkan satu pasukan pegawai yang pakar dalam bidang penggredan mutu keluaran maka nan melalui agensi masing-masing ataupun mewujudkan jabatan penggredan dan kawalan mutu keluaran pertanian, bagi memenuhi piawaian antarabangsa. Ini mengelakkan keluaran kita direject atau ditolak apabila dieksport dan mengalami kerugian kepada petani-petani kita.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan di atas tadi beberapa perkara perlulah diberi perhatian seperti:

- (i) semua agensi perlu dirombak, dikenal pasti bidang tugas masing-masing;
- (ii) masalah mendapatkan tanah yang sesuai dengan komoditi;
- (iii) cukai tanah yang berpatutan terutama apabila dimasukkan dalam kategori perindustrian;
- (iv) mensyaratkan kurniaan tanah-tanah pertanian boleh dimajukan oleh mana-mana agensi pembangunan pertanian;
- (v) penggabungan tanah-tanah petani kecil dimajukan secara berkelompok dan berskala besar.
- (vi) menentukan zon-zon dan profil serta siries kegunaan tanah melalui Pelan Struktur Pembangunan Tanah dalam sesuatu daerah; dan
- (vii) mewujudkan khidmat pakar dalam penggredan dan mutu atau jabatan penggredan dan kawalan mutu keluaran pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, perhatian yang perlu seperti yang saya nyatakan tadi, sedikit sebanyak dapat membantu hasrat kerajaan untuk melihat sektor pertanian menjadi elemen penting bagi pertumbuhan Malaysia di hari mendatang. Dengan itu saya turut menyokong. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya jemput Yang Berhormat Marimuthu.

Tuan Marimuthu a/l Nadeson: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya membahaskan akta belanjawan, Akta Perbekalan 2000. Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya saya ingin memajukan beberapa soalan tentang pengurniaan peruntukan ibadat yang berjumlah RM236,900,000. Secara seimbas pada tahun 1956 suatu lembaga yang diketuai oleh Lord Red telah dibentuk. Setelah membuat beberapa pindaan ke atas Rang Perlembagaan Suruhanjaya Red ini Kerajaan Persekutuan telah menerima Perlembagaan Malaysia. Salah satu

daripada perkara dalam Perlembagaan ini mengatakan Islam dijadikan agama resmi tetapi rakyat bebas mengamalkan agama masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, kebebasan untuk mengamalkan kepercayaan beragama masing-masing sehingga hari ini telah berjaya mewujudkan satu masyarakat majmuk di negara Malaysia. Akan tetapi sejak kebelakangan ini segala peruntukan bagi kuil, tokong, gereja dan lain-lain rumah ibadat tidak diberikan peruntukan langsung. Setiap kali saya dan rakan-rakan seperjuangan saya meluluskan sedikit peruntukan bagi membaiki atau membaharui bangunan lama kuil tokong, gereja mahupun rumah ibadat lain kami menerima surat jawapan daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri mengatakan bahawa unit ini tidak dapat meluluskan peruntukan untuk projek-projek kuil tersebut kerana bertentangan dengan keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, wakil rakyat mahupun Adun digunakan membiayai projek-projek keagamaan bukan Islam.

Justeru itu peruntukan Belanjawan 2000 yang dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Shafie bin Mohd. Salleh merangkap Timbalan Menteri Kewangan I pada muka surat 14, dengan izin point ke 23 yang mengatakan bahawasanya "...di samping itu kerajaan juga memberi bantuan kepada pengembangan agama lain di negara kita. Bagi tujuan ini kerajaan telah menyediakan peruntukan setiap tahun bagi membina dan membesarkan kuil, tokong, gereja dan lain-lain rumah ibadat. Langkah-langkah sentiasa diambil untuk mengukuhkan keyakinan beragama serta menghayati prinsip moral dan akhlak sebagai tunjang kekuatan dan ketahanan dalam membina sebuah masyarakat Malaysia yang mempunyai keyakinan diri serta berperibadi mulia."

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. saya sungguh terharu dan terhutang budi di atas keprihatinan negara kepada agama selain daripada agama resmi seperti mana yang telah diperutuskan oleh Yang Berhormat dalam perutusan Belanjawan 2000 ini. Saya yakin wakil MIC secara keseluruhan masyarakat India ingin mengetahui bagaimanakah kami, iaitu para pemimpin MIC boleh menangani masalah kaum India di mana menurut kajian di peringkat sekolah menunjukkan dengan izin gengsterisme di kalangan anak-anak muda India semakin meningkat tahun demi tahun. Ini menunjukkan pengukuhan, keyakinan beragama serta menghayati prinsip moral dan akhlak sebagai tunjang kekuatan dan ketahanan dalam membina sebuah masyarakat majmuk yang mempunyai keyakinan diri serta

berperibadi mulia. Tidak wujud langsung di kalangan anak-anak muda India disebabkan ketiadaan bantuan dalam mengembangkan agama lain di negara ini.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Yang Berhormat, Yang Berhormat kata tadi tidak wujud langsung, itu tolong sama ada satu fakta atau satu – cuba bacakan sekali lagi tidak wujud langsung itu, maknanya dalam masyarakat India belia India tidak ada langsung nilai budaya yang sihat. Cuba baca, baca sekali lagi.

Tuan Marimuthu a/l Nadeson: Tidak wujud langsung di kalangan anak-anak muda India disebabkan ketiadaan bantuan dalam mengembangkan agama lain di negara kita.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Itu betul fakta itu ya.

Tuan Marimuthu a/l Nadeson: Bolehkah saya mengetahui sebab-sebab mengapa keadaan sebegini yang mana peruntukan bagi kuil, tokong, gereja dan rumah ibadat lain telah dibekukan ataupun dimansuhkan. Akhir kata saya sungguh gembira Yang Berhormat Dato' Dr. telah mengeluarkan perkara ini dalam peruntukan Belanjawan 2000 lalu. Saya berharap Yang Berhormat Dato' Dr. akan membawa masalah ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan mendapat persetujuan memberi laluan bagi pembiayaan menerusi peruntukan untuk tujuan pengembangan agama lain di negara berbilang kaum ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya kaum India kurang sekali mendapat manfaat daripada pembangunan ekonomi. Mereka telah jauh ketinggalan dalam berbagai sektor seperti guna tenaga, pendidikan, perdagangan dan perindustrian. Demikian juga dengan penyertaan ekuiti mereka yang berada pada kadar 1.5% sejak tiga dekad yang lalu. Majoriti daripada tenaga buruh India misalnya di dapati dalam beberapa sektor perladangan di mana keadaan pekerjaan dan mutu hidup amat tidak memuaskan. Kadar kemiskinan di sektor perladangan juga amat tinggi. Perkembangan kemahiran keusahawanan juga rendah. Kerajaan perlu mengambil kira penyertaan kaum India yang lebih bermakna dalam semua bidang. Bagi mencapai matlamat ini penekanan perlu diberikan kepada pendidikan, latihan, pilihan kemahiran, modal pelaburan, kemudahan kredit, pasaran dan perkembangan ciri-ciri keusahawanan yang baik. Kerajaan perlu memastikan kaum India tidak ketinggalan dalam mana-mana program kerajaan dan sentiasa memantau perkembangan dasar pencapaian kaum India di negara ini. Tuan Yang di-Pertua

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Minta laluan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Yang Berhormat Rosli.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, tadi kita dengar seolah-olah dinyatakan oleh Yang Berhormat sahabat saya bahawa kaum India telah ketinggalan yang begitu amat sangat terutama sekali dalam bidang pembangunan usahawan, pendidikan dan juga masalah kemiskinan. Apakah pandangan Yang Berhormat bahawa ada tokoh-tokoh besar dalam perdagangan dan perniagaan ini terdiri daripada kaum India dan juga ada banyak di antara usaha-usaha kerajaan di dalam mengenalpasti membebaskan kaum India daripada kemiskinan. Apakah pandangan Yang Berhormat sama ada dasar yang kita buat bersama ini tidak baik untuk kaum India di negara kita ataupun sebaliknya. Itu saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Marimuthu a/l Nadeson: Terima kasih, Yang Berhormat. Ini pandangan saya sebab Dasar Ekonomi Baru menunjukkan masyarakat India ketinggalan di belakang. Ini pandangan saya dan pandangan ekonomi negara kita.

Dalam usaha mempertingkatkan penglibatan kaum India dalam aktiviti ekonomi kerajaan perlulah membayangkan pemberian pelesenan untuk tujuan-tujuan perniagaan stesen minyak, penjualan bekalan baja, kontrak kerajaan, dealership dan francais, pembangunan perumahan, penglibatan dalam program pengswastaan dan permit-permit turut perlu dibayarkan dalam bidang teksi, bas kilang, lori, bas pesisiran, pengendalian sekolah memandu, eksport dan import. Kontrak untuk kontraktor kaum India perlu diwujudkan dan contohnya, kontrak kerajaan peringkat Persekutuan, kontrak badan-badan berkanun, kontrak agensi swasta, kontrak kerajaan negeri dan kontrak pengusaha tempatan.

Untuk segala usaha di atas, kerajaan perlu ada satu garis panduan kuota yang jelas untuk menggalakkan sebarang ketidakmungkinan yang boleh timbul. Hanya melalui usaha seperti ini, ketidakseimbangan penyertaan ekonomi yang wujud di kalangan kaum India dapat diperbaiki. Adalah perlu disedari bahawa pertumbuhan ekonomi yang sihat dengan pengagihan yang saksama merupakan satu syarat bagi penyusunan semula yang menghendaki satu pendekatan nasional terhadap usaha dan inisiatif. Sebarang usaha yang menghalang penyertaan seseorang warganegara daripada mana-mana kaum dalam sektor ekonomi atau menafikan hak mana-mana

kaum atau individu adalah bercanggah dengan semangat Perlembagaan dan Rukun Negara dan bertentangan dengan cita-cita perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek penting dasar negara selama ini adalah untuk memastikan kekayaan yang diagihkan dikongsi secara seimbang dan adil di kalangan semua rakyat Malaysia. Untuk mengagihkan kekayaan, kerajaan telah berjaya mengubah ekonomi supaya terus berkembang melalui perusahaan dan perniagaan tetapi apa yang jelas adalah tidak seimbang antara dan sesama kaum dalam hak milik, hak penyertaan dalam sektor perladangan dan perindustrian masih wujud dan kedudukan kaum India memang menonjol dalam isu ini.

Sebenarnya, langkah-langkah penyusunan semula modal telah diiktiraf oleh kerajaan sebagai satu dimensi utama penyusunan semula masyarakat di Malaysia. Pemilikan modal asas penting untuk membiayai aktiviti ekonomi dan seterusnya membantu menjalankan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan. Keupayaan sesuatu kaum memiliki modal yang tinggi boleh membantunya menjanakan lebih dan mengukuhkan penyertaan secara terus dalam aktiviti ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang jelas adalah sepanjang tempoh masa Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN), langkah-langkah kerajaan dalam penyusunan semula modal bagi kaum India di negara ini tidak pernah diambil dalam perhatian untuk langkah-langkah sewajarnya. Sebenarnya, boleh dikatakan penyusunan semula modal saham tidak pernah wujud untuk kaum India bagi memperkukuhkan kedudukan modal asas mereka. Kedudukan memiliki ekuiti mereka tidak pernah melebihi 1.5% sejak kemerdekaan. Malah, boleh dikatakan sebahagian besar daripada ekuiti ini tertumpu kepada sebilangan kecil perniagaan kaum India. Ini bukanlah perkembangan positif memandangkan wujudnya ketidakseimbangan dalam pemilikan modal dan pembangunan satu masyarakat tidak boleh diletakkan hanya kepada beberapa tokoh perniagaan dari kalangan kaum India.

Kaum India masih memerlukan bantuan kerajaan dalam isu penyusunan semula modal ini. Mereka tetap menjunjung kerajaan yang memerintah dalam setiap pilihan raya, malangnya nasib mereka masih menjadi tanda tanya. Apa yang dicadangkan ini adalah peranan dan sumbangan kaum India dalam pembangunan ekonomi negara ini diambil perhatian sewajarnya oleh kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Kewangan. Walaupun kerajaan telah

mengiktiraf tentang kedudukan sosio-ekonomi golongan kaum India sebagai masih ketinggalan dan kemajuan yang dicapai oleh mereka tidak setanding dengan pencapaian kaum-kaum lain.

Seterusnya, kerajaan berjanji dalam melaksanakan dasar pembangunan ekonomi (DPN), keperluan golongan kaum India ini akan diberi perhatian yang sewajarnya untuk membolehkan mereka mendapat manfaat yang saksama daripada pertumbuhan ekonomi dan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan. Malangnya, tempoh masa yang sama tidak memperlihatkan apa-apa program kerajaan yang spesifik untuk membantu kaum India di negara ini.

Oleh yang demikian, kerajaan perlulah melakukan sesuatu langkah yang lebih tersusun dan sentiasa memantaunya sehingga benar-benar membawa kemajuan kepada kaum India negara ini. Sekian sahaja. Saya menyokong penuh Akta Perbekalan 2000. Sekian sahaja.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Marimuthu. Sekarang saya persilakan Tuan Rosli bin Mat Hassan.

12.00 ptg.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1999 bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh banyak kementerian dan saya turut menyokong cadangan ataupun pandangan daripada kerajaan dan ada beberapa kementerian yang saya rasa saya ingin memberi sedikit pandangan berkenaan beberapa dasar yang harus dilihat secara pragmatik dan serta-merta oleh kerajaan iaitu beberapa kementerian termasuk Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan saya juga bersimpati dengan rakan saya, Yang Berhormat Marimuthu membicarakan masalah peluang-peluang yang disediakan oleh kerajaan melalui masyarakat India di negara kita.

Kalau begitulah rintihan rakan kita dalam kumpulan masyarakat India dan saya rasa secara totalnya memang keterlibatan kaum India di negara kita telah meningkat maju kalau dibandingkan selepas DEB bermula tahun 1970. Walaupun ada masalah-masalah yang dikemukakan itu ada masalah, serupalah juga dengan usahawan Melayu di negara kita. Usahawan bumiputera dan usahawan Melayu di

negara kita memang dijadikan sebagai satu daripada teras dalam Dasar Ekonomi Baru bermula pada tahun 1970.... Datuk Azah senyum dengan saya - saya hilang point ini.

Tuan Yang di-Pertua, serupalah juga dengan usahawan bumiputera dan usahawan Melayu di negara kita dan kita kena yakin seluruh usahawan Melayu di negara kita telah direncanakan oleh kerajaan sebagaimana hasrat dan iltizam sebuah parti politik dinamakan UMNO. Saya terpaksa sentiasa menyebut parti politik ini kerana bermula daripada 1969 apabila kita berhadapan dengan masalah kaum di negara kita, terutama sekali kaum Cina dan kaum Melayu di negara kita, maka DEB telah diketengahkan sebagai satu daripada dasar yang saya rasa tidak meninggalkan komponen masyarakat minoriti tetapi oleh kerana ketika itu mungkin ekonomi orang Melayu yang menjadi teras sebanyak lebih daripada 55%, masyarakat Melayu di negara kita harus diperdekat dan dipereratkan hubungannya dengan kaum-kaum lain di negara kita yang mana diletakkan sasaran dalam dasar iaitu supaya kita mewujudkan 30% pemilikan ekuiti ataupun perdagangan dalam serba serbi di dalam DEB.

Walaupun telah habis tamat tempoh pada tahun 1990 pun, kedudukan orang Melayu walaupun telah ada dasar pun masih tidak tercapai. Dan untuk pengetahuan rakan-rakan kita dalam Dewan yang mulia ini, melalui pakatan strategi antara kaum di negara kita khususnya melalui sebuah parti politik dinamakan Barisan Nasional yang telah menunjangi masalah perpaduan kaum di negara kita pada hari ini, maka masalah ini akan terus berterusan. Jadi, kita telah diberi penekanan baru iaitu DPN (Dasar Pembangunan Nasional) dan kita tidak tahu apakah bentuk dasar selepas ini. Tetapi pokoknya ingin kita jelaskan bahawa bangsa Melayu khususnya yang menjadi 55% dalam komponen masyarakat berbilang kaum di negara kita masih jauh ketinggalan daripada penekanan dasar yang masih ada pada negara kita.

Jadi, dengan bersetuju dengan beberapa pendekatan untuk kaum India dan beberapa kaum lain tetapi kerajaan mesti mempunyai satu gagasan baru dalam menterjemahkan DEB dan DPN, sama ada ia dilihat sebagai satu dasar yang gagal ataupun tidak tetapi pokoknya target 30% tidak tercapai dalam masa tempoh 20 tahun dan sekarang hampir 30 tahun dan apakah dasar-dasar yang dikemukakan oleh kerajaan seperti Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang diperkenalkan oleh Kementerian Kewangan dan Kementerian Pembangunan

Usahawan, pun kita lihat terpinggir dalam menterjemahkan di peringkat jabatan, di peringkat bank, di peringkat serba serbi.

Sekarang kita ada beberapa tajuk seperti hendak mengetengahkan kelas menengah Melayu yang kita tahu pada tahun lepas, Kementerian Pembangunan Usahawan hanya dapat mengetengahkan tidak sampai pun 100,000 kelas menengah Melayu dalam keadaan komponen masyarakat kita khususnya bumiputera dan Melayu melebihi daripada 50%. Orang Melayu hanya mementingkan dan mahu melihat gagasan 30% walaupun komponen dalam masyarakat hanya 55%.

Jadi, dalam soal ini kita minta semua peringkat terutama sekali di peringkat kementerian-kementerian yang mempunyai hubung kait dengan pembangunan usahawan, yang berhubung kait dengan masalah mengadakan pencapaian khususnya kelas menengah Melayu dan apatah lagi sebuah dasar yang penting yang dilahirkan melalui DPN iaitu masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Sekarang ini kita tidak dengar lagi kita bercakap masalah ini. Sama ada dasar ini wujud dan kita meminggirkan adalah satu kelemahan di peringkat pelaksanaan oleh pihak kerajaan.

Dua tiga hari lepas kita dapat baca surat khabar, Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin selaku Menteri Kewangan meminta usahawan bumiputera khususnya Melayu secara khusus ia itu usahawan Melayu di bawah seminar yang dianjurkan oleh Dewan Perniagaan Melayu Johor, meminta usahawan bumiputera tidak lagi bergantung kepada pengaruh politik.

Secara positifnya pandangan Yang Amat Berhormat Tun Daim boleh diterima tetapi secara relatifnya pandangan itu harus dilihat dalam bentuk *secondary* dan beberapa tapisan-tapisan lain walaupun ada beberapa sokongan yang kita lihat bahawa orang Melayu harus keluar daripada pergantungan kepada politik. Ingin saya tegas di Dewan yang mulia ini, tidak ada seorang pun usahawan Melayu di negara kita bermula pada tahun 1970 yang berdagang, berniaga dan 'berusahawan' di negara kita ini lari daripada pengaruh politik dan usahawan Melayu pun lahir oleh pengaruh politik yang ditunjangi oleh UMNO. Kita mahu tegaskan bahawa pengagihan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan begitu baik tetapi mungkin di peringkat penterjemahan dan peringkat pelaksanaannya mungkin tidak dapat ditunaikan oleh sebahagian daripada usahawan Melayu.

Di peringkat awal 70-an kita nampak kerajaan menekankan kepada koperasi pun tidak berjaya untuk membangunkan bumiputera. Kemudian dalam tahun 80-an kita banyak menggabungkan usahawan bumiputera sesama sendiri untuk menjayakan projek-projek dan menjayakan pembangunan usahawan di peringkat mereka sendiri pun kurang berjaya. Dan mutakhir kita nampak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pimpinan negara memberi fokus kepada individu bumiputera dan kita dapat nampak ada sedikit perubahan tetapi kesan masyarakat, kesan sosialnya harus dilihat sebagai sebuah tandatanya. Kita rasa bangga di atas pencapaian beberapa usahawan bumiputera, ahli-ahli korporat bumiputera terutama sekali dalam mengendalikan beberapa sektor strategik di negara kita, terutama sekali dalam pengangkutan udara umpamanya, pembinaan automobil, dalam sektor automobil umpamanya, di dalam sektor-sektor hartanah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian kita 22% telah dipaparkan di dada akhbar tetapi kita mesti ingat ianya dimiliki tidak sampai 4%-5% oleh individu bumiputera dan lebih daripada 17% dan 18% telah dipunyai oleh badan-badan berkanun yang diusahakan oleh kerajaan yang secara totalnya dimiliki bersama oleh agensi amanah kerajaan dan juga individu pelabur-pelabur bumiputera secara keseluruhannya. Pokoknya sekarang pencapaian bumiputera secara individu jauh daripada target dan sasaran yang dikehendaki DEB, DPN, apatah satu dasar yang harus kita bentuk selepas ini.

Jadi, saya meminta, Tuan Yang di-Pertua, kepada kerajaan supaya dapat menilai semula beberapa dasar yang penting, yang harus dilaksanakan dengan serta-merta, iaitu pengaruh politik memang kita perlukan untuk meletakkan bumiputera ini bersekali dengan sasaran yang kita kehendaki. Walaupun dalam peringkat pelaksanaan membangunkan usahawan itu mungkin kita mahu membiarkan mereka meningkatkan pengurusan mereka, pengurusan peribadi mereka, pengurusan rumahtangga mereka kerana kita tahu ada sebahagian kita apabila telah berjaya mempunyai banyak masalah, beberapa ahli-ahli korporat kita - saya tidak payah sebut nama dan kita harap pemilihan yang dibuat oleh pucuk pimpinan bukan sahaja melihat kejayaan dari segi *economic viability* semata-mata tetapi mestilah melihat kejayaan bangsa, kejayaan negara dan kejayaan vision - dasar kerajaan itu secara keseluruhannya. Jadi, kita juga mahu kerajaan menilai semula beberapa dasar terutama sekali penterjemahan daripada DPN itu melalui masyarakat perdagangan dan

perindustrian bumiputera dan kelas menengah Melayu yang kita nampak mutakhir ini agak terpinggir di peringkat pelaksanaan sama ada ia tidak dijalankan oleh serius oleh Kementerian Pembangunan Usahawan ataupun mungkin tidak dilaksanakan di peringkat Kementerian Kewangan, itu saya kurang maklum tetapi rata-rata bercakap bahawa kita agak terhakis dari segi pendekatan dalam menjayakan program pembangunan usahawan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, dalam apa pun kita bercakap memang kita kurang puas hati tetapi sasaran ini telah dipersetujui supaya 30% bilakah akan kita capai? Ini satu soalan yang “pragmatik” dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya mencadangkan sekiranya di peringkat pelaksanaan kita mesti mengenal pasti bukan sahaja di peringkat kita menjayakan korporat bumiputera yang gergasi tetapi yang menjadi masalah sekarang walaupun kita banyak di antara dana melebihi daripada 40 dana yang diusahakan oleh kerajaan melalui pengurusan Bank Negara dan Kementerian Kewangan tetapi kita senantiasa dapat melihat kelemahan di peringkat pelaksanaan. Mungkin dari segi mekanismenya kurang berkesan ataupun usahawan Melayu ini memang tidak layak untuk mendapat mana-mana dana yang disediakan oleh kerajaan. Kita tidak mahu usahawan Melayu dihina dan dalam kita hendak memenuhi tuntutan dasar tetapi kita usahawan Melayu diberi pembelaan dalam masa yang sama kita mahu usahawan Melayu juga bersama-sama menterjemahkan dasar yang dikehendaki oleh kerajaan.

Jadi, dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, latihan dan sikap usahawan bumiputera secara totalnya harus dilihat dalam bentuk pengurusan. Saya yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri senantiasa bercakap walaupun dasar kita sediakan, walaupun program kita sediakan, walaupun dana kita sediakan, tetapi kalau kita tidak mempunyai daya pengurusan yang baik dan cemerlang akhirnya kita akan gagal.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan - walaupun kita sudah banyak institut pembangunan usahawan tetapi tidak salah pada hari ini saya mencadangkan supaya usahawan kecil dan sederhana ini melalui koordinasi beberapa kementerian, kalau tidak nampak sebagai seolah-olah tidak ada koordinasi di antara Kementerian Perdagangan Antarabangsa (MITI), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Kewangan, beberapa sektor di dalam Jabatan Perdana Menteri tidak dapat disusun dengan secara baik. Jadi, saya mencadangkan kepada kerajaan dengan menggabungkan beberapa kementerian ini

supaya kita dapat fokus kepada satu sasaran supaya kita dapat menjayakan dasar yang kita sama-sama hendak pada tahun 1970 itu dapat kita sasarkan dalam beberapa tahun yang mendatang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan satu bentuk akademi usahawan bumiputera harus dilihat sebagai satu akademi yang memantau kedudukan usahawan terutama sekali usahawan kecil dan sederhana. Yang korporat, yang besar-besar itu kita tidak ada masalah besar kerana mereka dapat menyediakan dana yang cukup untuk menguruskan kakitangan mereka dan sebagainya. Tetapi usahawan kecil dan sederhana bumiputera perlu kita meletakkan pengaruh politik, pengaruh kuasa kerajaan yang ada pada kita supaya mereka ini dapat dipantau dari masa ke semasa satu jumlah volume perniagaan mereka, satu jumlah dan kuantiti usahawan ini dapat kita pertahankan, dapat kita tonjolkan kerana tidak lain tidak bukan adalah untuk memenuhi tuntutan dasar ekonomi baru yang kita mahu sekurang-kurangnya 30% di dalam DEB itu dapat kita laksanakan. Ini harus diterima oleh semua pihak dan saya berkeyakinan pimpinan dan juga kementerian-kementerian dapat menilai ini sebagai satu pandangan yang strategik supaya dasar yang kita laksanakan ini dapat kita penuhi sebagai tuntutan bersama kita.

Jadi, dengan kata-kata itu saya sudahi ucapan saya dengan turut menyokong Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan (1999) 2000 pada hari ini. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat....ya, silakan.

12.13 tgh.

Tuan Zainal bin Rampak: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Setiausaha Parlimen bersabit dengan beberapa jabatan dan kementerian yang saya anggap ianya adalah merupakan satu pembentangan yang pragmatik, yang merupakan satu rancangan bagi tujuan untuk membantu negara dan juga jabatan-jabatan berkenaan bergerak, berfungsi seperti mana yang diharapkan oleh rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin untuk menyentuh beberapa perkara termasuk juga dengan izin, Kementerian Pendidikan dan dalam pembentangan ini juga saya ingin mengemukakan beberapa pandangan yang termasuknya 'Kementerian Tanah Galian' yang saya kira tidak ada dalam Rang Undang-undang ini tetapi perlu saya

nyatakan ada beberapa perkara yang saya fikir penting, yang saya boleh ertikan, saya boleh masukkan dalam B.33 - Jabatan Penilaian Perkhidmatan Harta ataupun termasuk juga dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana ianya ada hubungkait dengan Kementerian Tanah dan sebagainya dan juga termasuk dalam kenyataan saya ini ialah Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Penyata Tahunan Tahun 1997, Lembaga Jurukur Tanah Semenanjung, berikutnya disebut lembaga yang telah dikemukakan di Dewan yang mulia ini, sebagai Kertas Statut 13 Tahun 2000.

Saya ingin menyatakan Tuan Yang di-Pertua, bahawa penyata tahunan ini dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini untuk 1997 dan saya melihat daripada laporan-laporan semua jabatan kebanyakannya telah begitu maju mengemukakan laporan mereka ada yang tahun 1998 dan ada juga tahun 1999. Tetapi saya melihat Lembaga Jurukur Tanah Semenanjung mengemukakan laporan tahunan mereka tahun 1997, begitu ganjil. Saya kita sesuatu yang kita harus fikirkan bagaimana jabatan ini harus memastikan mengikut 'peraliran' kehendak Dewan dan juga kehendak negara laporan-laporan sedemikian harus seiring, sejalan dengan mana-mana jabatan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958, iaitu Akta 458 berikutnya disebut "akta telah diwujudkan bagi pelesenan dan pengawalan Jurukur Tanah dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya." Bagi tujuan pelaksanaan akta ini, peraturan-peraturan Jurukur Tanah Berlesen 1959 berikutnya ini disebut peraturan-peraturan telah diluluskan oleh Menteri yang berkenaan. Penyata tahunan 1997, lembaga ini hendaklah dibaca dan ditafsirkan mengikut peruntukan undang-undang dan peraturan yang dinyatakan dalam akta dan peraturan-peraturan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada beberapa isu berkaitan laporan dan penyata kewangan. Satu, faedah bank. Lembaga telah memperolehi faedah simpanan tetap sebanyak RM28,539,220 dan faedah icon semasa sebanyak RM129,040. Wang faedah yang diperolehi daripada wang upah ukur yang didepositkan Jurukur Tanah berlesen dengan lembaga. Wang upah ukur pula sebenarnya wang daripada tuan tanah yang memohon Jurukur Tanah Berlesen menyukat tanah masing-masing. Dengan yang demikian, perolehan faedah bank daripada wang upah ukur mempunyai beberapa implikasi. Di antaranya ialah:

- (i) Oleh kerana wang rakyat dikumpulkan dan faedah diperolehi daripadanya maka adalah wajar sekiranya faedah bank ini dipulangkan kembali kepada tuan tanah. Kebanyakan mereka ini Tuan Yang di-Pertua, datang dari kalangan orang miskin luar bandar dan sebagainya. Sekiranya wang ini tidak dikembalikan kepada tuan tanah ianya hendaklah dikreditkan ke dalam akaun lot tanah berkenaan di Pejabat Tanah, dengan cara ini wang ini boleh digunakan untuk membayar cukai tanah bagi lot-lot tersebut;
- (ii) Apabila lembaga menggunakan wang tuan tanah sebagai sumber pendapatan dengan memperolehi faedah bank daripada wang ini, maka akan berlaku percanggahan kepentingan dari pandangan saya, iaitu conflict of interest dengan izin, di dalam pelaksanaan fungsi lembaga sebagai pihak yang menyelia dan mendisiplinkan Jurukur Tanah berlesen supaya kerja Jurukur Tanah berlesen ini dibuat mengikut jadual yang ditetapkan. Ini adalah kerana lembaga akan mengaut keuntungan kewangan yang lebih besar sekiranya Jurukur Tanah berlesen lambat atau tidak menjalankan tugas mereka kerana wang tuan tanah akan berada lebih lama lagi dalam akaun lembaga; dan
- (iii) Oleh kerana tunggakan kerja ukur akan menghasilkan faedah bank yang tinggi maka secara teori dan lebih menguntungkan lembaga daripada segi kewangan untuk mempunyai Jurukur berlesen yang kurang dan tidak berkeupayaan untuk menyiapkan tunggakan kerja ukur supaya faedah bank yang tinggi dapat terus dinikmati.

Walaupun teori ini baik bagi mengukuhkan lagi kedudukan kewangan lembaga, namun ianya amat buruk sekali kepada masyarakat. Ini adalah sekiranya teori seperti ini diamalkan berterusan, tanah akan lambat disukat dan masalah rakyat lewat mendapatkan surat hak milik tanah akan terus meruncing dan inilah menjadi buah mulut di kalangan rakyat jelata terutama sekali di kalangan orang-orang miskin. Graduan-graduan ukur tanah akan menghadapi kesukaran mendapatkan lesen untuk mengamalkan kerja sebagai juruukur tanah berlesen kerana mengikut teori ini

pertambahan juruukur tanah berlesen akan membawa kepada persaingan untuk mendapatkan dan menyiapkan kerja-kerja ukur. Ini akan menyebabkan tunggakan kerja ukur menjadi kurang dan kesannya lembaga akan kurang mendapat faedah bank.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, pertambahan juruukur tanah berlesen adalah amat sihat dan baik untuk masyarakat kerana saingan yang sihat antara juruukur tanah berlesen akan membawa manfaat untuk masyarakat di mana kerja ukur akan dapat siap dan mutu perkhidmatan juga akan meningkat dari masa ke semasa. Oleh kerana faedah bank sebanyak hampir RM29 juta diperolehi daripada duit pungutan tuan tanah, ada baiknya pihak lembaga menyenaraikan jumlah lot yang telah dipungut upah ukurnya tetapi tidak dijalankan ukuran dalam tempoh enam bulan seperti mana yang dikehendaki dalam peraturan-peraturan. Jumlah tunggakan kerja ukur ini hendaklah ditunjukkan dalam laporan tahunan lembaga ini pada tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, pihak lembaga juga perlu menjelaskan mengapa tindakan disiplin tidak diambil terhadap juruukur tanah berlesen sedangkan tunggakan kerja ukur adalah sebegitu tinggi sehingga dapat menghasilkan faedah bank sebanyak hampir RM29 juta.

Tuan Yang di-Pertua, juruukur tanah bertauliah amat kurang didaftarkan dalam negara kita. Pada tahun 1997 hanya seramai 16 orang sahaja didaftarkan oleh lembaga sebagai juruukur tanah bertauliah. Perkara ini amat membimbangkan bukan sahaja kerana tunggakan kerja ukur yang begitu tinggi di Semenanjung Malaysia malah angka pendaftaran serendah ini boleh mematahkan motivasi graduan-graduan ukur untuk mempraktikkan profesion mereka. Sepatutnya graduan baru harus diberikan pendaftaran secepat mungkin kerana profesion ukur memerlukan orang yang kuat, sihat dan cergas untuk membuat kerja ukuran di lapangan-lapangan tertentu terutama sekali di luar bandar.

Saya amat berharap pihak kerajaan memberi perhatian sewajarnya kerana satu kajian yang dijalankan bagi tempoh tahun 1978 hingga 1996 telah mendapati hanya lebih kurang 4% daripada graduan sahaja didaftarkan sebagai juruukur tanah berlesen bagi tempoh 18 tahun tersebut. Itu saya nyatakan sekali lagi 4% bagi tempoh 18 tahun. Lembaga seharusnya memikul tanggungjawab yang telah dia manahkan kepadanya oleh kerajaan kerana tujuan untuk lembaga diwujudkan adalah untuk melesen dan mengawal juruukur tanah berlesen dan bukannya melembabkan proses

pendaftaran. Oleh kerana hanya lebih kurang 4% daripada graduan telah didaftarkan sebagai juruukur tanah berlesen seperti kajian di atas maka pada hari ini terdapat ramai graduan, Tuan Yang di-Pertua, yang tidak berdaftar. Ada di antaranya telah graduan 22 tahun yang lampau. Ini adalah satu suasana yang amat menyedihkan kerana harapan ibu bapa dan masyarakat telah berkecai apabila program-program kerajaan yang telah berjaya melahirkan sebegitu ramai graduan untuk menemui kegagalan di peringkat pendaftaran sebagai juruukur tanah berlesen.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat simpati terhadap nasib yang menimpa profesion ukur tanah dan pada masa yang sama saya merasa amat hairan dengan kerumitan graduan ukur tanah untuk mendapatkan pendaftaran mereka. Saya pun tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, apakah sebab yang tertentu. Apakah perkara ini harus kita biarkan berterusan berlaku. Dan apakah sebab yang tertentu mengapa mereka tidak mendapat lesen. Adakah satu-satu dasar atau satu-satu polisi yang ditetapkan oleh orang-orang tertentu bagi menyekat graduan juruukur tanah ini untuk berdaftar mendapatkan lesen dan seterusnya berkhidmat untuk negara.

Di dalam profesion perubatan, Tuan Yang di-Pertua, yang melibatkan nyawa manusia sekalipun seorang graduan hanya perlu menjalani tempoh housemanship selama satu tahun untuk melayakkan untuk mendaftar manakala seorang pemegang ijazah undang-undang daripada institut pengajian tinggi dalam negeri ini hanya perlu tempoh chambering selama 9 bulan sahaja untuk melayakkannya mendaftar. Dengan yang demikian, adalah sangat ganjil bagi profesion yang melibatkan penanaman batu sempadan. Graduan yang telah mempunyai ijazah selama 20 tahun masih belum didaftarkan oleh lembaganya.

Tuan Yang di-Pertua, sijil dan laporan Ketua Audit Negara, peringkat 4 Sijil Ketua Audit Negara menyatakan bahawa sijil ini hendaklah dibaca bersama dengan laporan Ketua Audit Negara. Mengapakah lembaga hanya mengetengahkan highlight kenyataan yang terpilih yang terkandung pada sijil sedangkan ia tidak menerangkan tentang dua masalah besar yang dinyatakan oleh laporan Ketua Audit Negara.

(i) Simpanan tetap RM448 juta –

Lembaga mendakwa bahawa ia mempunyai simpanan tetap sebanyak RM448 juta iaitu satu jumlah yang sangat besar. Bagaimanapun ketetapan dakwaan ini tidak dapat disahkan oleh pihak Ketua Audit Negara. Ini adalah kerana sijil pengesahan simpanan dari 12 buah

bank yang berjumlah sebanyak RM177 juta atau 40% daripada RM440 juta tidak dikemukakan. Memandangkan ini melibatkan jumlah wang rakyat yang sangat besar maka pihak lembaga wajib menerangkan kedudukan wang sebanyak RM177 juta ini dengan jelas dan terang.

- (ii) Perbezaan jumlah pada penyata wang tunai (credit account) – Baki menurut penyata akaun RM12.60 juta. Baki menurut buku tunai lembaga RM6.05 juta. Perbezaan RM655 juta. Pihak lembaga bertanggungjawab menerangkan kedudukan wang sebanyak RM655 juta ini. Pihak lembaga juga wajib menerangkan kenapa penyata pengurusan bank tidak disemak dan tidak disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab.

Kedua-dua persoalan ini melibatkan jumlah wang rakyat khususnya tuan-tuan punya tanah, Tuan Yang di-Pertua, kalangan mereka yang berpendapatan rendah, miskin dan di luar bandar yang sangat banyak. Rakyat berhak mengetahui apakah terdapat kecuaiian dalam pengurusan kewangan lembaga ini. Penggunaan wang lembaga tidak menurut peraturan akta. Daripada laporan tahunan dan penyata kewangan tahun 1997 didapati lembaga telah, antara lain, pernah membelanjakan wang bagi tujuan yang tidak diperuntukkan dalam akta. Contohnya perbelanjaan ini:

- (i) Pembelian komputer bernilai RM14,620,565 - maksud muka surat 12 pada lampiran tersebut.
- (ii) Pembelian alat pengukur bernilai RM14,627,046 - muka surat 12 pada lampiran.
- (iii) Pelbagai perbelanjaan dan bantuan kewangan untuk juruukur tanah berlesen bernilai RM1,714,118 - jadual 3, muka surat 10.
- (iv) Penyelenggaraan dan perbelanjaan komputer bernilai RM1,012,628 - jadual 1, muka surat 8.
- (v) Pengendalian latihan komputer bernilai RM355,000 - jadual satu muka surat 8.
- (vi) Kos penyelidikan dan pembangunan bernilai RM309,530 - jadual 1 muka surat 8.

Lembaga adalah sebuah badan kawalan dan pentadbiran, dengan izin, regulatory administrative body dengan fungsi utamanya untuk melesenkan juruukur serta mengawal mereka. Lembaga bukan sebuah badan yang bergiat cergas untuk

menjalankan kerja-kerja pengukuran. Dengan yang demikian, pembelian komputer dan alat pengukur masing-masing bernilai lebih daripada RM14 juta adalah tidak bersesuaian malah bercanggah dengan tujuan lembaga ini diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, juruukur tanah berlesen telah mendapat bantuan kewangan daripada lembaga walhal tidak ada peruntukan mengenai perkara ini dalam akta tersebut. Pencetakan diari, Tuan Yang di-Pertua, telah dilaksanakan dengan kos RM606,300, jadual 3 muka surat 10 walhal lembaga bukannya diwujudkan untuk tujuan pencetakan diari. Lembaga juga telah melibatkan diri dalam mengendalikan latihan komputer serta penyelidikan walhal tujuan penubuhannya bukan sebagai badan latihan atau penyelidikan. Kerajaan telah mewujudkan pelbagai institusi lain bagi tujuan ini, contohnya institut pengajian tinggi tempatan dan Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN). Adalah amat jelas, Tuan Yang di-Pertua, lembaga telah terpesong jauh daripada tujuan pewujudannya sebagai regulatory administrative body yang diamanahkan untuk menjalankan aktiviti asasnya iaitu tujuan perlesenan dan kawalan juruukur tanah berlesen.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini mohon kepada pihak yang terlibat khususnya Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung, Kementerian Tanah dan Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengatasi masalah yang telah saya bangkitkan dalam ucapan saya.

Sambil itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh satu lagi kementerian iaitu kementerian yang rapat dengan pergerakan kesatuan sekerja iaitu Kementerian Sumber Manusia, P.45. Dalam jawapan yang telah dijelaskan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia minggu lepas, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita telah mendengar 39,000 siswazah tidak mendapat pekerjaan - menjadi penganggur. Dan kita telah juga mendengar penjelasan daripada kementerian berkenaan bahawa Jabatan Pendaftaran Pekerjaan akan mengambil tindakan-tindakan tertentu bagi menolong graduan-graduan yang berkenaan untuk mendapatkan kerja. Bukan sahaja graduan, Tuan Yang di-Pertua, tidak memperolehi pekerjaan malahan saya fikir kalangan mereka yang tidak graduan juga susah untuk mendapatkan kerja kerana persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana cara untuk mereka menghubungi Jabatan Pendaftaran Pekerjaan.

Saya telah membangkitkan perkara ini banyak kali. Sewajarnya Kementerian Sumber Manusia mengambil tindakan untuk menubuhkan Jabatan Pendaftaran Pekerjaan di tempat-tempat strategik, kawasan-kawasan perindustrian bagi membolehkan pekerja mendaftarkan diri untuk mencari pekerjaan. Dalam masa yang sama membolehkan juga pihak majikan – pengurusan untuk menghubungi jabatan yang berkenaan bagi mendapatkan tenaga pekerja. Sepatutnya Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftaran Pekerjaan mewujudkan computerize dan dengan adanya computerize ini, Tuan Yang di-Pertua, pihak majikan akan dapat melihat dari komputer yang ada saluran-saluran yang menyatakan jumlah pekerja yang mencari pekerjaan dan apa kerja yang mereka cari, kekosongan yang wujud bagi membolehkan pekerja memilih apakah kerja yang sesuai untuk mereka dan juga majikan sendiri untuk memilih pekerja-pekerja yang telah mendaftar dengan jabatan yang berkenaan.

Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tahu cuma di pejabat di peringkat pusat, di peringkat Ibu Pejabat Pendaftaran Pekerjaan sahaja mempunyai komputer tetapi tidak di Pejabat-pejabat Pendaftaran Pekerjaan di ceruk rantau dalam negeri. Saya mohon supaya Kementerian Sumber Manusia mengambil tindakan dengan secepat mungkin bagi membolehkan pembelian komputer, dengan mengadakan komputer di tiap-tiap Jabatan Pendaftaran Pekerjaan di setiap daerah dan saya jangkakan Tuan Yang di-Pertua, kalau ini dapat dilaksanakan pekerja-pekerja terutama sekali lepasan sekolah menengah akan dapat melihat apakah peluang-peluang pekerjaan yang ada, di mana mereka boleh bekerja dan soal pengangguran akan dapat dikurangkan dari masa ke semasa. Walaupun hari ini kita melihat graduan sahaja tetapi di peringkat yang lain seperti yang telah saya katakan tadi kedapatan mereka yang lepasan sekolah menengah, lepasan sekolah rendah masih lagi tidak mendapat pekerjaan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, soal saya juga ingin membangkitkan sekali lagi oleh kerana saya tidak mendapat jawapan yang begitu terang dan jelas, yang positif ke arah mana tujuan Kementerian Sumber Manusia ini untuk mengatasi kes-kes pembuangan kerja. Semalam sahaja, hari Ahad yang baru ini, saya telah dihubungi beberapa pekerja yang bekerja dengan sebuah syarikat ‘gander’ di Seremban kawasan Yang Berhormat. Sebanyak 74 pekerja telah dibuang kerja, ditamatkan perkhidmatan dan ada di antaranya kalangan wanita Tuan Yang di-Pertua. Wanita dipanggil bila mana mengandung, pengarah atau pengurus perjawatan

katanya: “kamu mesti berhenti kerja, letak jawatan” dan terjadilah beberapa pertukaran percakapan dan oleh kerana wanita ini seorang diri dalam pejabat beliau maka, terpaksa wanita ini menulis surat berhenti dengan sendiri dan saya telah menasihati beliau supaya membuat laporan di bawah Seksyen 20, *consumptive dismissal* kerana Tuan Yang di-Pertua, kalau syarikat bertindak untuk mengurangkan tenaga pekerja sepatutnya syarikat tidak harus mengambil tenaga pekerja baru tetapi malangnya 14 *white collar workers*, kolar putih ditamatkan perkhidmatannya, masuk sembilan yang lain yang datang dengan serta merta bekerja dalam syarikat tersebut. Datangnya daripada syarikat di mana pengurus perjawatannya bekerja masa dahulu dan dia bawa kroni-kroni dia masuk kerja dalam syarikat tersebut menggantikan pekerja yang telah ditamatkan pekerjaan dan dengan dibayar gaji yang lebih tinggi daripada gaji pekerja yang telah berkhidmat setahun, dua tahun yang lepas.

Saya berharap saya dapat jumpa Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan oleh kerana pekerja ini datang dari kawasan beliau, supaya mendapat pertolongan daripada mengemukakan perkara ini kepada pihak yang berkuasa. Satu perkara yang serius. Jadi, soalnya yang hendak saya kemukakan Tuan Yang di-Pertua, ialah soal melengkapkan Jabatan Perhubungan Perusahaan. Saya yakin Tuan Yang di-Pertua, kes yang berlaku di Seremban ini kalau dilaporkan Jabatan Perhubungan Perusahaan dan dirujuk ke Mahkamah Perusahaan akan memakan masa begitu panjang bagi seseorang pekerja untuk mendapatkan keputusan. Hari ini kalau sesuatu kes buang kerja di bawah Seksyen 20 tidak ada penyelesaian di Jabatan Perhubungan Perusahaan dirujuk ke Mahkamah Perusahaan oleh menteri yang berkenaan kesnya akan hanya di *mention*, disebut satu tahun akan datang dan hearing nya, berbicaraannya akan makan dua tahun.

Kita bayangkanlah Tuan Yang di-Pertua, bagaimana masalah yang dihadapi oleh pekerja. Kenapa tidak Kementerian Sumber Manusia melengkapkan lebih banyak pegawai-pegawai yang bertauliah, berkebolehan untuk mengendalikan kes ini, juga termasuk Hakim-hakim Mahkamah Perusahaan dilantik lebih banyak supaya kes-kes pembuangan kerja ini dapat dipercepatselesaikan dan pekerja tersebut tahu untung nasibnya sama ada ianya akan balik bekerja semula ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu banyak perkara yang telah berlaku dalam masalah kaum pekerja. Kadangkala, saya hendak bercakap Tuan Yang di-Pertua, orang cakap sudah berbuih mulut saya bercakap tetapi pandangan serius tidak diambil

dan keadaan mengatakan bahawa saya bercakap seolah-olah saya selalu membuat kritikan kepada kementerian. Sebenarnya kritik saya ini adalah kritikan membina, *constructive criticism* demi untuk memperbaiki jentera negara, demi untuk kepentingan rakyat yang menyokong kerajaan hari ini. Itu soal yang saya nyatakan pada tiap kali supaya dengan adanya perkara ini diselesaikan dengan secepat mungkin, rakyat berasa lega dan berasa terima kasih kepada kerajaan, perkara ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin dan syarikat juga tahu sama ada syarikat akan diminta mengambil semula pekerja tersebut bekerja ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mencadangkan kalau boleh kita rombak sistem industrialization negara kita itu di mana seseorang yang dibuang kerja mesti diselesaikan dalam masa tiga bulan, saya ingin mengembalikan cadangan saya, dalam masa tiga bulan perkara ini hendaklah diselesaikan. Sebulan mesyuarat di antara pihak majikan dan kesatuan, kalau sudah selesai dirujuk di Jabatan Perhubungan Perusahaan dalam masa sebulan hendaklah diselesaikan. The third month kalau tidak selesai dibawa ke Mahkamah Perusahaan untuk penyelesaian. Dalam satu bulan, Mahkamah Perusahaan secara automatik dirujuk tidak lagi mengguna kuasa menteri di bawah Seksyen 26(2) Akta Perhubungan Perusahaan secara automatik dirujuk ke Mahkamah Perusahaan dan on the third month Mahkamah Perusahaan dengan izin, menyelesaikan masalah ini dan pihak yang membuat complain, membuat aduan, dapat penyelesaian dengan secepat mungkin dan pihak majikan juga boleh tahu sama ada mereka akan diminta ambil bekerja pekerja yang dibuang kerja atau tidak. Dengan ini pihak syarikat tidak akan mengambil orang baru untuk menggaji dalam syarikat yang menggantikan pekerja yang telah dibuang kerja.

Ini satu sistem yang kita harus lihat Tuan Yang di-Pertua, saya ingat barangkali Kementerian Sumber Manusia, sebab saya katakan dahulu sepatutnya pihak Kementerian Sumber Manusia must be at par, dengan izin, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebab yang lagi satu menarik pelabur asing, yang lagi satu menstabilkan keharmonian perhubungan perusahaan yang diharapkan oleh pelabur-pelabur asing untuk menjalankan perusahaan dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk mendapatkan jawapan daripada Kementerian Sumber Manusia secara yang lebih positif, menerangkan apakah langkah-langkah yang harus dibuat dan tindakan-tindakan yang harus diambil bagi menolong pekerja-pekerja. Kadangkala Tuan Yang di-Pertua, kedapatan isteri kena

buang, suami kena buang, dua-duanya penganggur, apa jadi nasib keluarga tersebut. Kalaupun ada isteri bekerja, suami telah kena buang kerja, ini masalah masyarakat, masalah yang dihadapi, kita harus memandang lebih serius untuk menolong pekerja-pekerja yang telah ditamatkan pekerja dan menolong keluarga mereka. Mereka adalah semua rakyat. Dengan tindakan-tindakan yang positif ini Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan saya percaya warga kerja akan dapat menyatakan pandangan mereka lebih positif terhadap kerajaan dan menolong kerajaan serta menyokong kerajaan untuk menggerakkan jentera pentadbiran negara ini lebih berkesan dan juga mempopulartikan negara dan parti yang memerintah demi untuk kepentingan kesejahteraan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu isu yang hendak saya kemukakan ialah soal..., saya telah menyatakan masa yang lepas iaitu B.36 - Anggaran Penambahan 'Rang Undang-undang Polis Diraja Malaysia' dan saya selalu ditemui oleh kakitangan-kakitangan polis di mana juga dan mereka selalu menyatakan tugas dan tanggungjawab mereka ialah untuk menyelamatkan dan mempertahankan kepentingan negara. Kita juga selalu mengatakan terima kasih kita setiap kali kita berucap, Tuan Yang di-Pertua sendiri, saya dengar banyak kali menyatakan penghargaan kita kepada angkatan polis tetapi bagaimanakah imbuhan mereka? Pendapatan mereka? Tidakkah kerajaan memikirkan, menimbangkan untuk mengasingkan gaji polis ini daripada gaji SSB yang termaktub dalam Skim Saraan Baru diwujudkan satu skim yang berasingan. Skim yang lebih inovatif, lebih prihatin, lebih memikirkan kepentingan mereka iaitu skim gaji yang kita anggap boleh menyemarakkan lagi produktiviti angkatan polis negara kita terhadap perkhidmatan mereka.

Saya mencadangkan sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, supaya pihak kerajaan dan Kementerian Dalam Negeri khususnya supaya memikirkan perkara ini, menimbangkan perkara ini bagi memastikan bahawa Skim Saraan Baru (SSB) ini diasingkan daripada dijalankan atau dilaksanakan dalam perkhidmatan polis negara ini dan kerajaan hendaklah memikirkan sesuatu, mengkaji semula pendapatan anggota polis ini terutama sekali soal kehidupan mereka, pengorbanan yang telah dibuat oleh mereka demi untuk berkhidmat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang hendak saya sebutkan iaitu soal pencen kakitangan awam ini. Kita telah mendengar jawapan daripada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi, saya mencadangkan pencen kakitangan

awam ini terutama di kalangan golongan sokongan dinaikkan kepada RM500 paling kurang. Kita telah mendapat jawapan mengatakan bahawa kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan pencen kakitangan awam di kalangan golongan sokongan kepada RM500 dan kata Timbalan Menteri bahawa pencen yang dibayar di kalangan golongan sokongan ialah sebanyak paling rendah RM180. Kita bayangkanlah Tuan Yang di-Pertua, RM180 sekarang apa yang kita boleh buat bagi menyara anak-anak. Saya takut Tuan Yang di-Pertua, kalau keadaan ini tidak berubah, kita tahu masyarakat negara kita, golongan muda. Kita tidak tahu..., Tuan Yang di-Pertua akan pencen, saya juga akan pencen, semua akan pencen dalam Dewan Negara ini suatu hari kelak, kita akan duduk tempat yang kita tidak tahu di mana tempat kita akan duduk, sama ada anak kita akan menjaga kita, kita belum tahu, kita berhempas-pulas mencari rezeki menjaga mereka, memberi pelajaran kepada mereka tetapi kita tidak tahu sama ada mereka ini akan menjaga kita masa tua kelak. Akan datang next generation, dengan izin, dengan wujudnya globalisasi, dengan wujudnya peredaran masa, saya tidak tahu golongan muda akan menyara kita semua, akhirnya satu hari kelak Tuan Yang di-Pertua, kita semua akan berhijrah ke rumah orang tua.

Dari itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan memikirkan semula kalau boleh, kalau tidak laksanakan sekarang, laksanakan - buat kajian, saya mencadangkan supaya kerajaan buat kajian, buat kajian dari sekarang mencari jalan demi untuk memperbaiki keadaan dan mempertingkatkan lagi pendapatan warga tua ini. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat orang-orang luar negeri macam Jepun, orang-orang Eropah, kalau kita lihat masa tua, dia menghabiskan masa hayat mereka melawat, makan baik dan sebagainya dan got long life expectation.

Hari ini kita lihat Tuan Yang di-Pertua, kalangan warga tua yang pencen, yang dapat RM180 apa kerja mereka Tuan Yang di-Pertua, tidak lain dan tidak bukan menjadi jaga waktu malam. Mata yang sudah kabur, penglihatan yang kurang dapat melihat, menjadi jaga dan akhirnya mereka akan terbunuh. Kita lihat berapa banyak kes yang berlaku dalam negara kita, di Melaka, mereka terpaksa umur 65 tahun terpaksa jadi jaga, Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Hendak tanya sedikit Yang Berhormat adakah had umur hendak jadi jaga ini?

Tuan Zainal bin Rampak: Tidak ada Tuan Yang di-Pertua. Banyak syarikat swasta terutama sekali security guard yang ditubuhkan mereka akan mengambil muda

yang umur serendah-rendah, yang setua-tua sekali, siapa sanggup untuk bekerja dia akan ambil dengan bayaran pendapatan yang rendah, RM180, RM200 dan sebagainya. Saya telah menilai semuanya dan mereka semua datang berjumpa dengan saya menyatakan minta saya menyuarkan perkara ini. Saya berterima kasihlah kepada kerajaan kerana melantik saya jadi Senator kerana saya dapat berucap dalam Dewan ini, melahirkan perasaan orang-orang seperti ini untuk mendapat pertimbangan, untuk mendapatkan perhatian supaya sesuatu boleh dilakukan memperbaiki nasib mereka dari masa ke semasa.

Tujuan kita, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Dewan ini kalau saya hendak bandingkan di antara Dewan ini dengan Dewan Rakyat, saya lebih suka duduk dalam Dewan ini. It is a more professional thinking, dengan izin, dalam usaha kita untuk membaiki masyarakat. Jadi, saya berharaplah kepada Perdana Menteri yang prihatin terhadap nasib rakyat dan menteri-menteri yang lain dan kabinet dan sebagainya supaya memikirkan perkara ini, mengkaji semula cadangan-cadangan yang dikemukakan demi untuk kepentingan rakyat jelata yang kita wakili. Merekalah yang akan memilih wakil-wakil, merekalah yang akan memilih kerajaan untuk menentukan kestabilan politik negara ini, di kalangan rakyat yang berpendapat rendah. Golongan yang kaya segelintir. It is not so far good in term of power to elect the government. Tetapi terletak kepada rakyat jelata yang berpendapat rendah yang mempunyai kuasa untuk memilih kerajaan.

Jadi, saya bercakap ini dengan saya rasa jelas, iklas dan merayu kepada kerajaan memikirkan perkara ini dan mengkaji semula pendapatan warga tua, pencen warga tua. Itulah sebab saya selalu menyebut supaya umur bersara ini dilanjutkan menjadi genap 60 tahun. Dengan adanya genap 60 tahun mereka boleh terus menyambung bekerja dengan kerajaan mendapat pendapatan yang digaji oleh sama ada swasta ataupun kerajaan. Dengan hal yang demikian, saya rasa mereka mempunyai keselesaan dalam masa jangka panjang untuk menyara keluarga mereka dan hidup dalam suasana yang lebih ceria seperti mana juga pekerja-pekerja swasta atau kerajaan yang bersara dari negara-negara luar.

Kalau kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, kerana Tuan Yang di-Pertua juga seorang yang selalu melawat luar negeri, melihat luar negeri dan kita melihat orang datang dari luar negeri, bagaimana warga tua datang. Petang semalam pun saya pergi ke Johor Bahru naik kapal terbang. There are few Japanese, dengan izin, wanita tua

dengan beg masing-masing. Dan saya tahu mereka adalah merupakan orang-orang yang berpencen, orang yang bersara. Mereka boleh melancong. Dalam hal ini, saya tidak mengharapkan orang-orang kita melancong ke luar negeri. Saya mengharapkan mereka dapat hidup menyara diri mereka, bukan anak-anak mereka.

Jadi, inilah kita harus fikirkan dan kerajaan harus fikirkan supaya keadaan mereka ini dapat dijaga dan nasib mereka akan dapat dipandang oleh kita. Mereka ini tidak dapat bersuara. Bila seorang itu pencen dia tidak ada union, tidak ada kesatuan, cuma ada persatuan pencen tetapi it is not so effective. They have no collective bargaining power, dengan izin, tidak ada kuasa merunding. Mereka seolah-olah macam kelab house. Itu sahaja yang ada pada mereka. Kitalah sebagai Ahli Dewan Negara dan lebih baik daripada Dewan Rakyat - saya tidak merendahkan Dewan Rakyat, tetapi lebih daripada Dewan Rakyat untuk menyuarakan suara-suara rintihan mereka dalam Dewan ini untuk mendapatkan pandangan daripada kerajaan.

Saya mohon, Tuan Yang di-Pertua, menyokong rang undang-undang ini untuk diluluskan. Dalam masa yang sama saya berharap supaya kementerian bila memberi jawapan, kenyataan-kenyataan, pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Dewan ini supaya diberikan perhatian secara lebih serius. Saya amat merasa dukacita kadangkala kita tengok the last part ucapan setengah-setengah Timbalan Menteri so fast, katanya 'saya menghargai segala pandangan'. Just 'menghargai' it is not satisfied to me ataupun rakan-rakan lain, dengan izin. There should be some constructive and making a point. Ada perkara yang baik diberi jawapan demi untuk kepentingan, pandangan orang luar yang mewakili kita dan orang luar tidak mengangap kita a slipping partner dalam Dewan ini. I think this is an issue yang hendak saya nyatakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Zainal bin Rampak. Saya minta Yang Berhormat Puan Jamilah.

12.55 tgh.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi saya mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2000. Saya sentiasa dan saya cukup prihatin masalah pendidikan dan insya-Allah, saya akan membincangkan terus menerus masalah pendidikan kerana Rasulullah S.A.W. mengingatkan kepada para ibu, ayah terutamanya dengan pesanan hadis yang

berbunyi [*membaca sepotong hadis*] *"hendaklah kamu bentuk anak-anak kamu dan hendaklah kamu mengajar anak-anak kamu."*

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyentuh beberapa perkara dalam perbahasan ini. Pertamanya, saya ingin menyentuh B.26 di bawah Kementerian Pendidikan. Berdasarkan peruntukan yang begitu besar diterima oleh kementerian ini maka kita harapkan keperluan pendidikan dapat dipenuhi dan diperuntukkan bukan sekadar tertumpu di sekolah-sekolah yang serba lengkap seperti sekolah bestari yang terpilih yang kebanyakannya telah memuaskan dari segi prasarana dan infrastrukturnya. Saya merayu kepada kerajaan supaya memberi perhatian yang lebih terhadap sekolah-sekolah yang serba kekurangan di mana berlakunya ketidakcukupan bilik darjah yang menyebabkan wujudnya kelas terapung dan sebagainya.

Di samping itu, sekarang masih terdapat sekolah-sekolah yang terpaksa menggunakan makmal-makmal sains sebagai kelas mereka, dan apabila makmal tersebut perlu untuk digunakan oleh kelas yang lain bagi mata pelajaran sains maka murid-murid tersebut terpaksa pindah ke kelas lain pula. Oleh itu, hampir lima minit atau sepuluh minit masa akan terbuang disebabkan perpindahan kelas, sedangkan masa pembelajaran di sekolah hanyalah 35 minit atau 45 minit sahaja. Oleh itu, saya amat mengharapkan agar peruntukan bagi pembangunan pendidikan pada masa yang akan datang perlu mengutamakan sekolah-sekolah yang serba kekurangan. Kerana walau di mana pun anak kita berada mereka perlu diberi keadilan dalam penerimaan kemudahan pendidikan seperti sekolah-sekolah di bandar yang lengkap dengan komputer, surau, pagar-pagar yang cantik, padang permainan yang luas serta kelengkapan bilik darjah dan keselesaan bilik guru.

Sekolah-sekolah di luar bandar yang jauh di pedalaman juga dahagakan kemudahan dan kelengkapan seperti ini. Kita dapati sekarang berlaku ketidakseimbangan pembangunan pendidikan antara sekolah bandar di luar bandar. Sebenarnya saya selalu suka dan minat turun ke desa-desa pedalaman dan saya meninjau sendiri, bukan setakat di kertas ini sebagai bahan saya paparkan.

Kita merasa amat dukacita kerana masih terdapat lagi sekolah-sekolah yang tidak mendapat bekalan elektrik dan jauh sekali untuk menggunakan komputer dan alat berhawa dingin. Di sini saya ingin mencadangkan agar sekolah-sekolah yang tidak memperolehi bekalan elektrik secara biasa akan dibekalkan dengan janakuasa ataupun generator, dengan izin, yang dapat menampung atau berfungsi 24 jam.

Memandangkan keadaan negara kita yang tidak menentu, kadang-kadang panas dan kadang-kadang sejuk, saya ingin mencadangkan agar kipas-kipas dipasang di setiap bilik darjah untuk keselesaan pelajar. Saya amat mengharapkan kepada kerajaan dalam merangka Rancangan Malaysia Kelapan ini penuhilah keselesaan dan cita rasa anak-anak kita di bangku sekolah. Faktor pembangunan pendidikan di kawasan luar bandar perlu diberi tumpuan yang lebih kerana kita tidak dapat menafikan ketidakseimbangan yang masih wujud sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada perkara B.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Saya tertarik untuk menyentuh....

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ya, saya ingat tepatlah kerana perenggan baru ini. Jadi, kita tangguhkan Majlis sehingga jam 2.30 petang.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Puan Jamilah binti Ibrahim hendak sambung lagi? Silakan.

2.33 ptg.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya sambung sedikit lagi dalam turut membahaskan Belanjawan Tambahan bagi tahun 2000.

Maksud B.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Saya tertarik untuk menyentuh berkaitan Kempen Gerakan Keluarga Bahagia. Hakikatnya pada hari ini institusi kekeluargaan semakin runtuh dan kadar perceraian semakin meningkat. Hubungan antara anggota keluarga semakin renggang akibat dari kesibukan kerjaya masing-masing kerana dalam keluarga sekarang kebanyakan ibu-ibu adalah bekerja untuk menampung pendapatan perbelanjaan keluarga. Oleh itu anak-anak semakin terbiar dan terpaksa menguruskan diri iaitu tidak seperti zaman kita dahulu di mana ibu-ibu menjadi pengurus rumahtangga dan menyediakan makan, minum, pakaian dan sebagainya.

Di sini bukanlah hasrat saya untuk menyalahkan ibu-ibu yang bekerja kerana ia merupakan satu tuntutan yang juga perlu dilaksanakan. Tetapi saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan dapat memikirkan bagaimana caranya untuk mengerat kembali institusi keluarga ini. Sebagai contoh, andai kata kalau dapat pelaksanaan waktu kerja selama 5 hari seminggu dapat di'apply'kan supaya dua hari yang berikutnya boleh dimanfaatkan bersama keluarga. Kita amat memerlukan institusi keluarga yang mantap, oleh itu pendidikan keibubapaan perlu diberikan kepada ibu bapa agar mereka lebih berkeyakinan dalam memberikan pendidikan kepada anak-anak kerana anak-anak kita mempunyai prilaku yang berbeza di antara satu sama lain yang perlu ditangani secara halus dan secara bijaksana.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menafikan bahawa peningkatan gejala sosial di kalangan anak-anak muda adalah disebabkan kegagalan institusi keluarga. Kesedaran perlu ditanam di kalangan ibu bapa dari masa ke semasa agar mereka tidak hanya memikirkan kerjaya masing-masing sahaja. Saya ingin mencadangkan agar masjid juga digunakan sebagai tempat untuk mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan. Contohnya, apa salahnya sebulan sekali diadakan program qiamulail ataupun berjaga malam untuk beribadat, khususnya untuk ibu bapa dan anak-anak, agar dengan mendekatkan diri kepada Allah hati-hati kita lebih tenang serta memikirkan perkara positif dalam hidup di perantauan dunia yang bersifat sementara. Kerajaan pula perlu menyalurkan peruntukan untuk tujuan tersebut.

Kita perlu yakin bahawa bagi membanteras gejala sosial ini cara yang terbaik ialah kita memberikan pendidikan agama kepada anak-anak. Kerana setakat ini pelbagai mekanisme, kaedah dan pendekatan yang telah diambil oleh pihak kerajaan tetapi masalah gejala sosial semakin meningkat. Perkara ini dapat dibuktikan dengan bertambahnya penghuni pusat pemulihan akhlak, meningkatnya pusat pemulihan dadah, bilangan pesakit AIDS terus meningkat, peratus hamil di luar nikah, meminum minuman keras di kalangan remaja. Di sini saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan berkaitan iktiviti yang telah dilaksanakan dan juga yang masih dalam peringkat perancangan ke arah menjayakan kempen gerak sedar kepada keluarga bahagia dan juga ke arah membanteraskan gejala sosial.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh perkara B.44 iaitu Kementerian Penerangan. Berkaitan dengan kementerian ini saya ingin memfokuskan kepada program TV. Saya ingin mencadangkan agar program-program termasuk

filem atau drama yang ditayangkan agar lebih menjurus kepada tujuan pendidikan termasuk ke arah pembentukan akhlak yang sihat dan bukan untuk tujuan hiburan semata-mata. Anak-anak kita begitu gemar menonton dan sudah semestinya mereka turut terpengaruh dengan apa sahaja paparan yang terdapat dikaca TV. Filem-filem yang diimport dari luar negara banyak yang mengandungi unsur-unsur negatif yang seterusnya membantu ke arah peningkatan daya hidup yang tidak sihat.

Sudah tiba masanya pihak kerajaan menggalakkan pengeluaran-pengeluaran filem atau penerbit-penerbit filem tempatan untuk menghasilkan karya yang bermutu yang dapat dimanfaatkan oleh kita semua dengan menunjukkan aspek positif yang boleh memberi pengajaran, teladan serta iktibar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar program yang berkaitan dengan agama di pertingkatkan masa siarannya kerana kalau dibandingkan dengan nisbah program hiburan ianya terlalu kecil. TV1 misalnya program agama hanya 8% sedangkan program hiburan 35%, begitu juga TV3 hanya 2% untuk program agama dan 52% program hiburan.

Kita tidak mahu anak-anak kita ditanamkan budaya suka berhibur semata-mata tetapi pengisian rohani amat perlu diberikan peningkatan dan penekanan. Adalah baik program TV sekarang dikurangkan program-program berbentuk hiburan dan ditambahkan waktu berita ataupun program dokumentari dan program-program khusus untuk pendidikan kepada anak-anak kecil, para remaja, juga kepada dewasa dan orang tua.

Akhir sekali, saya ingin merayu kepada Kementerian Penerangan agar mengkaji semula waktu berita. Seperti waktu Berita Perdana yang disiarkan pada jam 8.00 hingga ke 9.00 ataupun 9.30 malam kerana antara jam 7.00 ke -9.00 malam kebanyakan orang-orang dewasa dan orang-orang yang agak larut umurnya kemungkinan mereka berada di masjid untuk solat berjemaah ataupun di surau-surau di samping mereka ikuti dengan perbualan mesra dan kuliah-kuliah. Manakala yang suri-suri rumah pada waktu tersebut mereka bertungkus-lumus berada di dapur bagi menyediakan makan malam, maklumlah ibu-ibu dan pekerja-pekerja kadangkala kita prihatin kerana kembalinya mereka di rumah dengan pangkuan anak-anak dan kerenah yang menjadi banyak masalah terpaksa mereka selesaikan masalah ini apabila mereka balik di rumah lebih kurang jam 6.30 ataupun 7.00 baru berada di rumah.

Jadi, saya rasa memandangkan Berita ini merupakan program yang menjadi tuntutan ramai, haruslah diubah suai kan penjadualannya agar rakyat dapat melihat berita-berita semasa dan seterusnya. Jadi, saya rasa setakat itu sahajalah yang dapat saya bersama-sama memberi pandangan dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) 2000 dan saya turut menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

2.41 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) 2000 yang berjumlah RM12,504,820 ini kerana kita dapati keprihatinan kerajaan bagi menentukan pengurusan pihak kerajaan berjalan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik hati dengan peruntukan yang diberi kepada Suruhanjaya Pilihan Raya sebanyak RM36.6 juta semata-mata bagi menentukan Suruhanjaya Pilihan Raya dapat bergerak untuk menentukan demokrasi wujud di negara ini dengan tidak ada syak wasangka dari mana-mana parti sekali pun.

Saya juga tertarik hati untuk menentukan pilihan raya berjalan dengan baik dan kita ucapkan terima kasih. Polis Diraja Malaysia telah diberi peruntukan khas RM52.1 juta menjaga keselamatan dan ketenteraman awam semasa dan selepas pilihan raya umum ke sepuluh yang telah diadakan pada 29 November 1999 dahulu dan begitu juga dengan Kementerian Dalam Negeri di peruntukkan RM2.36 juta untuk membiayai perbelanjaan yang berkait dengan pilihan raya umum yang sama.

Jadi, semuanya ini adalah bagi hendak menentukan pilihan raya kita di antara parti-parti yang bertanding berjalan dengan baik dan tidak ada masalah. Saya hendak ucapkan tahniah kepada pihak polis kerana memang benar dalam pilihan raya yang lalu, pilihan raya umum yang ke sepuluh tidak ada masalah. Walau bagaimanapun, suka saya menyarankan untuk mengelakkan supaya tidak timbul masalah yang besar-besar ini pada masa yang akan datang, supaya kempen pilihan raya itu disingkatkan sedikit, tidak sampai ke hari esok hendak mengundi, malam ini jam 12.00 pun boleh lagi berkempen. Kerana saya perhatikan dari segi on the ground, dengan izin, dari segi apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua, kempen itu berterusan sampai pukul 3.00 pagi atau 4.00 pagi pada masa pilihan raya umum yang lalu.

Jadi, kalau boleh, kalau sekiranya pilihan raya hari Sabtu, kita minta pihak kerajaan hari Jumaat itu tidak ada kempen lagi dah, jadi 24 jam atau 48 jam, dua hari

sebelum itu tidak payah berkempen, kita relax, kita rehat, lepas itu kita tentu buang undi di hari pengundian. Jadi, ini akan melegakan sedikit tension, ketegangan antara parti-parti. Begitu juga, saya rasa elok perhatian juga diberi kepada hari membuang undi kerana kalau ikut contoh pada masa pilihan raya kecil di Sanggang, saya perhatikan pada masa hari pembuangan undi itu, hari Sabtu itu, dia sengaja membuatkan traffic jam di kawasan bandar Mentakab supaya kemungkinan parti pembangkang berbuat demikian supaya tidak ada pengundi-pengundi keluar atau berani keluar mengundi pada pagi itu. Tetapi, syukur alhamdulillah, tidak ada kejadian yang berlaku, mereka keluar mengundi sebelah petang. Jadi, ini amat merupakan satu amalan kepada kita supaya apabila kita berkempen, tidak wujud perkara-perkara yang dapat menegangkan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan terutama Jabatan Peguam Negara yang juga diberi peruntukan RM373,000 kos anggota perwakilan Malaysia ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa. Saya ingin mengetahui kerana ianya ada berkaitan dengan kekebalan dari proses undang-undang oleh seorang Special Rapporteur Suruhanjaya Hak Asasi Manusia iaitu Param Cumaraswamy. Saya difahamkan juga sekarang ini Param Cumaraswamy yang menimbulkan masalah besar semacam ini, yang mungkin dari segi tinjauannya berat sebelah masih lagi dilantik oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menjadi Special Rapporteur dalam Suruhanjaya Hak Asasi Manusia.

Kita tidak mahu mana-mana pihak terutamanya seorang warga negara Malaysia yang sangsi dengan hak asasi di Malaysia ini. Kita telah melantik Suruhanjaya Hak Asasi Manusia di Malaysia di mana mereka bertanggungjawab kepada Yang di-Pertuan Agong dan Tan Sri Musa Hitam sendiri bekas Timbalan Perdana Menteri dilantik sebagai Pengerusi, saya lihat wakil-wakil yang dilantik di dalam jawatankuasa itu semuanya orang yang boleh memberikan keadilan dan kesaksamaan yang amat hebat, timbul seorang manusia yang bernama Param Cumaraswamy yang memperkecil-kecilkan hak asasi di negara kita ini.

Di Dewan yang mulia ini, pernah saya katakan hak asasi manusia ini ia bergantung kepada tahap piawaian yang digunakan oleh sesebuah negara. Kalau kita tinjau di Australia pun hak asasi Orang-orang Asli, the aborigines, dengan izin, di Australia pun tergendala, banyak yang terpenjara mandatori atas sebab-sebab yang begitu kecil di Western Australia dan juga di northern territory dan begitu juga di

Amerika Syarikat, yang kena tangkap sungguhpun orang kulit putih yang banyak menggunakan dadah crack mengikut laporan suruhanjaya di sana tetapi yang kena tangkap 70% orang kulit hitam. Dan yang banyak sekali daripada 1.8 juta manusia yang ditangkap di Amerika, 50% atau 900,000 adalah orang kulit hitam.

Jadi, hak asasi manusia di mana-mana sahaja ada pencabulan ada ketetakannya. Tetapi saya lihat special Rapporteur Param Cumaraswamy, peninjauannya kepada negara kita ini seolah-olah tidak wujud hak asasi manusia dan kini Param Cumaraswamyjuga, minta prejudis, Tuan Yang di-Pertua, telah pun disaman oleh civil suit oleh beberapa peniaga besar di negara kita. Tetapi sungguhpun perkara ini masih belum lagi diputuskan, beliau terus dilantik oleh PBB untuk menjadi Special Rapporteur kepada penggal yang ketiga iaitu dua tahun lagi.

Begitu juga saya ingin Peguam Negara Malaysia mengkaji laporan yang membidas Malaysia iaitu *Justice in Jeopardy - Malaysia in 2000*, 121 muka, Tuan Yang di-Pertua, membidas Malaysia dari segi kehakimannya iaitu oleh tiga orang wakil daripada Persatuan Peguam Antarabangsa (IBA) atau pusat bagi kebebasan hakim dan peguam dan juga Persatuan Peguam Komanwel, mereka datang ke sini membuat satu laporan, selepas itu tanpa merujuk kepada sistem kehakiman kita iaitu pejabat-pejabat itu, terus buat laporan 121 muka membidas kehakiman negara.

Saya minta pihak Peguam Negara mengkaji laporan ini dan kalau sekiranya tidak tepat, kita buat bantahan dan kalau perlu kita ambil tindakan mahkamah kerana ini memperkecilkan dari segi sistem kehakiman yang wujud di negara kita ini dan memang jelas dan nyata sekali ianya berkemungkinan besar berat sebelah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara seperti ini saya mintalah Jabatan Peguam Negara mengkaji dan kalau perlu mengambil tindakan apa cara sekali pun bagi menentukan maruah dan martabat bangsa yang merdeka ini, yang 43 tahun merdeka terpelihara di muka dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik hati dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang mendapat tambahan RM1.138 juta, pemberian bagi Kempen Gerakan Keluarga Bahagia.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, keluarga bahagia di negara kita ini amat penting, ianya merupakan institusi yang terkecil untuk menentukan kebahagiaan negara itu sendiri. Ia bermula daripada keluarga. Jadi, kalau peruntukan yang sekecil yang semacam ini, RM1.138 juta ini, saya rasa ia tidak memadai. Saya minta Kementerian

Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dalam era globalisasi dan liberalisasi, semuanya berkehendakkan kepentingan material lebih daripada kepentingan kebahagiaan. Ini kalau kita lihat indeks kehidupan kualiti hidup kita sekarang ini pun sudah berbeza. Saya hendakkan institusi keluarga ini, kalau boleh mesti dikemaskinikan lagi kerana kita tahu seperti yang sahabat saya sebut, Yang Berhormat Senator Tuan Zainal Rampak misalnya, sekarang sudah wujud satu trend di mana budaya-budaya timur, the eastern value, dengan izin, budaya-budaya orang Asia yang dahulunya menghormati orang-orang tua, ibu bapa dan sebagainya, dituntut oleh semua agama, agama Islam, Hindu, Budha, Confucianism, Taoism, semua menuntut penghormatan anak-anak kepada orang-orang tuanya – sudah longgar dah, sudah tidak seperti dahulu lagi. Seheinggakan yang memeranjatkan kita ramai daripada orang-orang Melayu sendiri yang tidak pernah berlaku dahulu ini, menghantar ibu tua, bapa tua ke rumah orang-orang tua, tersisih dan terpinggir mereka ini sekarang.

Walhal ini merupakan tanggungjawab, kalau ikut agama kita, tanggungjawab anak kepada ibu bapa, sudah longgar dan selagi wujud globalisasi dan liberalisasi yang berleluasa ini, dari segi persaingan untuk mencari kebahagiaan material lebih meningkat dan saya bimbang benar kalau sekiranya tidak wujud satu-satu pendekatan baru, paradigma baru bagi menentukan warga tua yang semakin meningkat.

Saya difahamkan sekarang ini masuk lebih kurang 6%, ianya terus akan meningkat lebih daripada itu – 7% atau 8%, orang yang 60 tahun ke atas ini dan ini merupakan bebanan kepada anak-anak sebelum ianya menjadi bebanan kepada kerajaan. Jadi, kalau sekiranya nilai-nilai kekeluargaan seperti ini diwujudkan tidak retak unit keluarga itu sebagai satu institusi, insya-Allah, keluarga tua dapat dijaga oleh kita sendiri dan kalau perlu kita beri peruntukan-peruntukan pelepasan cukai pun saya rasa elok Kerajaan Malaysia menimbangkan berapa pelepasan sekarang ini yang diberi kepada ibu bapa yang sakit, berapa pelepasan cukai yang diberi kepada kita untuk menjaga ibu bapa kita di hospital dan sebagainya kerana kalau ini dibuat, saya yakin dan percaya anak-anak kita sekarang ini akan dapat memelihara warga tua yang semakin meningkat – di seluruh dunia semakin meningkat.

Saya juga ingin kerajaan mengkaji pula dari segi konsep pencennya kerana pencen ini, Tuan Yang di-Pertua, ianya merupakan satu, dengan izin, postponement of the burden of expenditure to the next generation. Sebenarnya kita membawa ke

hadapan tanggungjawab bebanan membiayai, fasalnya orang-orang akan datang terpaksa membayar mereka yang pencen berterusan. Kalau sekiranya sekarang ini kita sudah meningkat umur, kalau ikut dari segi kajian, orang-orang di Malaysia, entah macam mana seluruh dunia pun begitu, wanitanya lebih panjang umur, pukul rata daripada lelaki. Saya pun tidak tahu macam mana perkara ini boleh berlaku, wanita pukul rata hidup lebih lama daripada lelaki. Mungkin lelaki kena kerja kuat, itu saya tidak tahu, sehinggakan sampai umur 72 tahun atau 74 tahun dan orang lelaki 70 tahun. Perbezaannya antara 3 atau 4 tahun. Jadi, kalau sudah meningkat, pencen yang bersara umur 55 tahun, bererti dia ada 20 tahun pukul rata pembiayaan pencen yang diberi dan kita tidak mahu orang-orang pencen ini, dengan izin, condemn to poverty, atau menentukan mereka hidup di dalam kemiskinan.

Kalau tahap kemiskinan sudah meningkat kepada RM360 dan mungkin pada satu ketika nanti sampai RM500, kita tidak mahu seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak, tidak mahu sesiapa pun terutama warga pencen yang mendapat pencen kurang daripada tahap kemiskinan kerana ini satu kedaifan bagi kita. Dengan negara yang maju, pertumbuhannya meningkat. Kalau sebelum krisis kewangan, pukul rata 8.5% ,kini sudah meningkat hampir 6%. Kita tidak mahu melihat setelah berkorban nyawa dan jiwa kepada negara selama 20 tahun hingga 30 tahun sehingga pencen umur 55 tahun, lepas itu tergolong di dalam golongan orang yang miskin kerana tahap kemiskinan RM360 dan mungkin RM500 kemudian. Jadi, kita hendak tentukan tidak ada pencen di negara Malaysia di mana mereka mendapat dari segi bulanannya, pencennya kurang daripada tahap kemiskinan ini tadi. Kalau perlu akta diwujudkan, kita wujudkan akta.

Bererti minimum level, Tuan Yang di-Pertua, tahap yang paling rendah ialah tahap kemiskinan. Kalau tahap kemiskinan diunjurkan pada RM360 orang-orang yang pencen yang mendapat kurang daripada RM500 automatik sahaja dapat RM500. Itu maksudnya, ada mekanisme. Jadi, tahap kemiskinan itu berubah dari masa ke semasa. Ya, saya tahu ia relative kepada satu-satu keadaan tetapi kalau wujud formula semacam itu tidak wujud warganegara-warganegara dalam lingkungan pencen yang tergolong di dalam kumpulan yang miskin.

Jadi, ini tentu sahaja merupakan kecanggihan pemikiran. Kita perlu pemikiran baru. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, jangan wujudkan pencen, kita masukkan kesemua pekerja membuat caruman kepada KWSP – baik dalam kerajaan mahupun

swasta ataupun buat dua caruman, satu caruman pihak kerajaan, satu caruman menerusi KWSP. Jadi, mereka ini dapat pencen dari segi sumber di mana wang yang dicarum oleh kita dan majikan dapat digunakan untuk membiayai masa depan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik hati dengan Kementerian Luar Negeri – mengemaskinikan dari segi keselamatan pejabat kita. Saya tengok di sini, dia telah membuat kamera keselamatan di Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London dan juga membuat compliance Y2K di Dunhalk, The Hague. Lepas itu membeli alat-alat kedutaan Malaysia di luar negeri. Dalam keadaan sekarang ini setelah wujudnya penculikan warganegara kita di sempadan dan sebagainya, saya hendak menyeru kepada Kementerian Luar Negeri bagi menentukan kedutaan-kedutaan kita dari segi pejabat mahupun kediaman rasmi pesuruhanjaya ataupun ambassador kita ini, duta besar kita ini dilengkapi dengan keselamatan kerana saya bimbang benar kalau wujud satu ketika nanti di mana duta kita sudah pernah kena tangkap sekali, di Perukah atau di Chile, saya sudah lupa – di Latin Amerika sana, ada tersangkut dalam satu program, dia jadi tebusan. Jadi, kita tidak mahu perkara ini berlaku dan gunakanlah sedikit sebanyak kewangan untuk membuat satu kajian secara menyeluruh di kedutaan-kedutaan kita di seluruh dunia ini. Kita kaji dari segi keselamatan mereka supaya mereka tidak diganggu-gugat oleh mana-mana pihak.

Saya juga tertarik hati dengan pembiayaan cukai tunggakan kepada Kompleks Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura. Singapura ini selalu sangat timbul, saya hairan, tidak adakah satu formula di mana kita tidak payah membayar cukai di tempat dia, dia tidak payah bayar cukai di tempat kita kerana cukai di tempat lain, macam Singapura dari segi pembiayaan ini lebih tinggi daripada kita. RM3.4 juta ini saya tidak tahu berapa tahun tunggakannya dan kita hendak tahu berapa banyak mereka membayar cukai kepada kita di negeri kita ini. Kalau perlu kita buat *pro quid quo*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, buat sama-sama. Kalau dia caj kita S\$100,000 di sana, kita caj di sini 100,000 equivalent Singapura di sini – maknanya kalau S\$2.4, RM240,000 dan begitu juga di London. Kalau London caj kita base daripada satu persegi keluasan kawasan masing-masing atau apa cara sekalipun, kita buat cara begitu. Jadi, formula yang sama. Kalau tidak, Malaysia tempat yang murah sedikit daripada tempat-tempat lain akan rugi serugi-ruginya, walhal kita hendak menentukan wujudnya satu tempat di mana kita boleh mengibarkan bendera kedaulatan sesebuah negara. Jadi, elok sangatlah kedutaan-kedutaan kita di luar

negara dan kedutaan-kedutaan asing di negara kita diberikan satu formula yang boleh mengimbangkan cukai-cukai ini.

Saya ingin hendak bertanya kepada pihak kerajaan apa sudah jadi kepada tanah yang dipunyai oleh Keretapi Tanah Melayu di Singapura kerana saya tengok di sini, ianya ada kaitan. Keretapi Tanah Melayu di bawah peruntukan Kementerian Pengangkutan terpaksa membayar subsidi RM5.5 juta dalam perkhidmatan kereta api penumpang yang tidak ekonomik bagi tahun 1998. Sebenarnya Keretapi Tanah Melayu mempunyai aset yang paling baik di Singapura. Jadi, Singapura dengan kita ini apa sudah jadi. Dalam surat-surat khabar dan media massa saya tengok pelbagai cerita wujud antara Malaysia dengan Singapura – tentang air di Johor, sekarang ini tentang tanah Keretapi Tanah Melayu kita di Singapura, lepas itu wujud pula bagaimana pegawai-pegawai Imigresen kita duduk diberi satu bangku, satu meja – diperkecil-kecilkan untuk memproses keluar masuk warganegara asing ke negara kita dan sebagainya.

Jadi, kita sebenarnya dari segi persahabatan kita dengan Singapura yang kita anggap sahabat ini terlalu banyak perkara yang merumitkan, yang akan memecah-belahkan perpaduan yang telah wujud setelah wujudnya sejarah zaman Temasik dahulu lagi. Zaman-zaman Raja Hussin dahulu yang sekarang ini istana pun sudah tidak ada. Jadi, ke manakah jasa baik antara kedua negara ini, ke manakah benda itu pergi? Kita hendakkan Kementerian Luar Negeri, negara kita Malaysia dengan Singapura ini menghubungkan kembali – memperkuatkan lagi persahabatn supaya tidak timbul perkara remeh-temeh di mana kita balas ini, dia balas itu. Saya difahamkan Singapura sekarang ini ada dua, tiga kapal selam. Entah hendak buat apa saya tidak tahu.

Saya hendak tanya Kementerian Pertahanan kerana wujud di sini satu Jabatan Pertahanan Awam, kecil sahaja peruntukannya. Saya hendak tahu bagaimanakah kita mengolah kembali ketahanan negara kita setelah kita dicerobohi secara penculikan yang dibuat di Sipadan. Apakah peranannya Jabatan Pertahanan Awam ini, yang kini kita tambah, sungguhpun tidak banyak RM37,690 tetapi the notion, Tuan Yang di-Pertua, ketahanan negara itu ianya ada kaitan dengan Rela seperti yang disebutkan tadi senapang patah yang mungkin 40 tahun tetapi boleh lagi menembak. Apakah konsep ketahanan negara kita dan sekarang ini kita tengok, Tuan Yang di-Pertua, kementerian menyebutkan kita hendak meningkatkan kecanggihan ketahanan negara

tetapi kawalan di sempadan tidak wujud dengan begitu kemas sehinggakan dapat orang menculik kita.

Saya hendak tahu apakah tahap kecanggihan kementerian yang berkaitan untuk menentukan ketahanan negara sentiasa terpelihara, adakah ia mempunyai satu kaedah baru di mana wujud war games misalnya, computerized ini satu peperangan yang tidak payah pergi..., berperang secara virtual, kita buat peperangan secara virtual, menggunakan kaedah komputer.

Saya difahamkan wujud CCCI - communication, command,... dan sebagainya telah wujud di negara kita, kita beli daripada U.K dalam satu persefahaman tetapi adakah ianya digunakan dan dikaitkan dengan kecanggihan komputer simulation dari segi tentera laut dengan tentera udara. Adakah ianya mempunyai satu pendekatan bersepadu begitu dan kalau wujud, tidak perlu kita ramai dari segi perajurit-perajurit kerana semuanya canggih belaka sekarang ini. Kita tidak perlu mempunyai ramai standing army, misalnya Tuan Yang di-Pertua, tidak tahu berapa batalion kita ada sekarang ini.

Mengikut kecanggihan yang wujud di sektor angkatan udara, angkatan laut berkemungkinan pula the chief of the armed forces, Ketua

Tuan Yang di-Pertua: Turus,

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:Ketua Turus Angkatan Tentera tidak semestinya daripada askar-askar jalan kaki ini, askar-askar [*Disampuk*] Askar darat, tidak semestinya. Ia mungkin askar daripada tentera laut atau mungkin daripada tentera udara seperti yang berlaku di Amerika Syarikat, joint chief of staff, Chairman of the Chief ..., semuanya bertukar di Australia, di U.K bertukar kerana ianya, piawaiannya berasaskan bukan kepada saiz, jumlah anggota tetapi dari segi kecanggihan teknologi yang diguna. Maknanya teknologi tentera laut, teknologi tentera udara, teknologi tentera darat, siapa yang lebih canggih, siapa yang lebih ke depan dari segi pemikiran untuk menentuai angkatan tentera kita di negara ini. Jadi, ini perlu kita buat paradigma yang berbeza sekarang ini dalam kita melangkah ke alaf baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik hati dengan Kementerian Pendidikan yang mempunyai penambahan sebanyak RM187 juta untuk bayaran imbuhan tahunan kepada Kementerian Pendidikan dan RM19 juta digunakan untuk institut pengajian tinggi awam. Jadi, Kementerian Pendidikan Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya

kita hendak memperluaskan dan mempertingkatkan sistem pendidikan kita, kita kena overhaul, saya sudah berbincang beberapa kali perkara ini, kita kena overhaul semula, kaji semula. Kita terpaksa mewujudkan satu laporan khas. Saya hendak sebutkan kali ini kerana saya minta benar laporan ini dibuat oleh pihak kerajaan untuk menentukan sistem pendidikan negara kita sejajar dengan era globalisasi, liberalisasi, ekonomi, mempunyai pendekatan yang lebih berbeza daripada peringkat bawahan, peringkat bawah sekali, peringkat pendidikan serendah-rendahnya, prasekolah.

Saya hendakkan kalau di peringkat prasekolah itu ambil alihlah tidak perlu wujud KEMAS, Pasti, Taski – tidak kiralah apa pun ‘ti’, ambil alihlah oleh Kementerian Pendidikan kerana ianya merupakan sebagai sistem arus perdana pendidikan negara sendiri.

Jadi, bermula daripada situ wujudkanlah pula supaya tidak ada sekolah yang didiskriminasi untuk mendapat segala kemudahan yang canggih, yang tidak ada elektrik, mesti ada elektrik, ini mesti buat secepat mungkin. Lepas itu kita tentukan bagaimana hendak mencapai 70% sains, 30% sastera ini. Dahulu 60 – 40%, kita sudah jump, kita hendak tingkatkan 70 hingga 30%. Bagaimana, apa caranya? Kalau perlu import guru-guru daripada India, guru-guru daripada England, guru-guru daripada U.K mana-mana pun import. Pasal ini adalah satu saingan, inilah yang kita hendak bekal kepada generasi sekarang supaya mereka mempunyai daya saing, jaya jadi diri yang boleh berketrampilan untuk bersetanding dengan mereka yang hendak bersaing dengan kita daripada luar. K-ekonomi ini global, siapa yang banyak ilmu pengetahuan, orang itu lebih pandai, orang itu lebih meningkat.

Jadi, wujudkan satu sistem pendidikan yang berupa begitu dan menentukan juga kecanggihan sistem pendidikan kita di negara sama dengan tempat-tempat lain. Kalau ditengok sekarang, saya amat terperanjat, saya ingatkan kita begitu terkedepan sekali dari segi pencapaian sistem pendidikan, dari segi perniagaan. Dahulu, kelmarin saya katakan Universiti Teknologi MARA dijadikan Harvard Malaysia. Lepas itu saya tengok survey yang dibuat oleh *News Week* baru-baru ini, saya tengok universiti yang terkedepan sekali dalam Business Study ialah Australia, India, Philippines, Thailand dan Singapura. Kita dapat nombor pembelajaran secara penuh masa, (full time) nombor 35. University of Malaya nombor 36, Malaysian graduate School of Business, mengikut *Asia Week* ini. Selepas itu dari segi Program Jarak Jauh atau dari

segi part time, separuh masa kita dapat nombor 20 dan 21 dan 29 termasuk Universiti Sains Malaysia .

Jadi, rupanya dari segi tahap pencapaian kita tidak sampai yang kita umumkan kepada dunia, kita hendak canggih dan sebagainya, rupanya kita corot lagi ke belakang, jauh ke belakang lagi. Dikalahkan oleh Philippines, Singapura itu memanglah canggih, India – canggih dari segi teknologinya, kita jauh ke belakang, nombor 35, 36.

Jadi, usaha ke tahap mana yang kita hendak buat untuk ianya sampai kepada kurang-kurangnya 10 ke bawah, nombor sepuluh pun tidak apa, the top ten. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini terpaksa kita kaji semula, kalau benar-benar kita hendakkan tempat kita, negara kita mempunyai pusat pendidikan yang canggih, maka barulah kita dapat menarik bukan sahaja pensyarah-syarah daripada luar yang mempunyai kaliber, daripada India kah, daripada Harvard kah, Cambridge kah Oxford datang ke sini, mengajar tetapi kita juga dapat pelajar-pelajar dari rantau ini. Sekarang ini kalau kita tidak canggih, dia mungkin ramai yang pergi ke Philippines, ke Thailand, ke Singapura atau ke Bandung, Indonesia.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini terpaksa kita buat dengan secepat mungkin dan teratur, wujudkanlah satu lagi laporan selepas Laporan Rahman Talib, selepas Laporan Razak, wujudkan satu lagi laporan ‘Laporan Musa’. Jadi, barulah lengkap untuk kita mengatasi masalah-masalah baru dalam ekonomi baru, dalam ekonomi ‘k’ dan sebagainya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mohonlah pihak kerajaan mengambil kira perkara-perkara yang saya sebutkan tadi supaya dapat kita bersama-sama menentukan masa depan negara yang kita kasihi ini setanding dengan negara-negara lain dalam persaingan k-ekonomi, globalisasi yang kita hadapi sekarang. Terima kasih.

3.08 ptg.

Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya turut sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2000. Saya tertarik untuk menyentuh perkara B.14 berkaitan Suruhanjaya Pilihan Raya, Operasi Pilihan Raya. Walaupun pilihan raya telah selesai tetapi ramai di antara kita yang tidak berpuashati dengan pihak pengurusan SPR. Terutama dari segi aspek pemerosesan daftar pemilih yang baru serta terdapat pelbagai kelemahan yang kita sedia maklum seperti terdapat masalah

pertindihan kad pengenalan iaitu orang yang berbeza tetapi memiliki kad pengenalan yang sama.

Masih terdapat nama mereka yang sudah meninggal dunia tetapi masih tersenarai dalam daftar pemilih. Di samping itu, perkara seterusnya berlaku ialah apabila nama pengundi yang tidak semena-mena dipindahkan ke negeri atau kawasan lain di mana pengundi tersebut tidak pernah memohon untuk berpindah kawasan dan sebagainya.

Adakah masalah yang tersebut berlaku disebabkan kurang peruntukan yang diterima oleh SPR yang menyebabkan kakitangan tidak mencukupi atau kos untuk memberi latihan tidak memadai, terutama dalam aspek penggunaan teknologi maklumat termasuk komputer. Saya bangkitkan isu ini kerana berlakunya kelambatan memproses daftar pemilih yang baru pada sesi yang lepas walaupun pemrosesannya yang dilakukan dengan penggunaan komputer dan sebagainya. Di sini saya ingin penjelasan daripada pihak kerajaan apakah jaminan yang boleh diberikan bagi memastikan perkara ini tidak berulang lagi pada pilihan raya yang akan datang. Kita bimbang sekiranya kelemahan ini tidak dapat diatasi segera maka apabila pilihan raya selesai akan timbul petisyen-petisyen yang dibuat sama ada di pihak kerajaan mahupun pembangkang sendiri.

Untuk makluman sidang Dewan saya yakin ketidakpuasan yang wujud ini bukan sahaja ditimbulkan oleh pihak pembangkang tetapi juga ahli-ahli UMNO sendiri. Oleh itu yang penting dalam soal ini ialah bukan mencari siapa yang silap tetapi berusaha untuk mendapatkan punca masalah dan langkah mengatasi yang segera perlu difikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada Butiran B.7 iaitu berkaitan dengan Pembangunan Pendidikan Islam. Dalam konteks ini saya ingin menarik perhatian berkenaan dengan pendidikan di kalangan anak-anak kita yang berada di sekolah menengah agama negeri dan sekolah menengah agama rakyat. Saya terpenggil untuk menyentuh perkara ini di bawah JAKIM kerana telah beberapa kali isu ini ditimbulkan di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Tetapi tiada jawapan yang tepat diberikan setakat ini termasuk untuk menjadikan sekolah ini sebagai sekolah bantuan kerajaan. Kita semua maklum bahawa lebih daripada 100 ribu anak-anak kita yang menuntut di sekolah-sekolah tersebut. Saya merayu kepada kerajaan melalui JAKIM agar meningkatkan bantuan yang dihulurkan dan

seterusnya membantu menyediakan guru yang terlatih untuk mata pelajaran KBSR. Peruntukan untuk latihan guru juga perlu dihulurkan agar anak-anak kita yang berada di sekolah tersebut akan menerima pendidikan yang berkualiti.

Sudah sampai masanya kita memikirkan tentang masa depan anak-anak tersebut. Apakah salahnya bantuan ditambah walaupun sekolah-sekolah tersebut bukan milik kerajaan pusat. Pada pendapat saya kesungguhan individu untuk mewakafkan tanah untuk tujuan pendidikan dan kesanggupan untuk menjadi tenaga pengajar di sekolah-sekolah tersebut walaupun dengan kadar gaji yang rendah sekurang-kurangnya telah dapat membantu pihak kerajaan untuk mengurangkan kos pendidikan. Sekarang guru-guru tersebut memerlukan latihan dari masa ke semasa bagi membantu memantapkan diri mereka untuk menjadi guru yang berkesan sebagaimana guru-guru yang lain. Saya amat dukacita sekiranya sentimen politik dicampuradukkan dengan tujuan pendidikan sehingga sebahagian pelajar terpaksa menjadi mangsa.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang Butiran B19 berhubung dengan Kementerian Pertanian. Sektor pertanian merupakan sektor yang perlu digerakkan dan boleh menjadi sektor yang penting sekiranya ia mampu dirancang dan diuruskan dengan baik. Negara kita yang mempunyai tanah-tanah yang subur tidak seharusnya tanah-tanah pertanian ditukar status demi untuk melaksanakan projek perumahan dan sebagainya. Kita perlu berusaha untuk mengurangkan import makanan negara oleh itu dengan peruntukan yang ada saya mencadangkan agar penyelidikan pertanian perlu diperbanyakkan bagi mendapat penemuan baru yang seterusnya dapat membantu memajukan lagi sektor pertanian. Saya mohon penjelasan berkaitan dengan insentif yang diberikan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan pertanian iaitu adakah insentif yang diberikan bagi mereka yang menjalankan penyelidikan atau untuk aspek-aspek yang lain.

Sudah tiba masanya bidang pertanian termasuk ternakan dijadikan satu pekerjaan yang menguntungkan dan seterusnya dapat menarik anak-anak muda yang berpendidikan tinggi yang dikatakan 39,000 orang yang masih menganggur untuk melibatkan diri dalam bidang ini. Saya berpendapat sekiranya insentif diberikan dan bantuan kewangan dihulurkan di samping kemudahan tanah pertanian yang ada, anak-anak muda kita yang terpelajar akan dapat mewujudkan satu kaedah pertanian

moden yang mampu membuahkan hasil yang berkualiti. Seterusnya melipatgandakan pengeluaran pertanian.

Berkaitan dengan pertanian juga kita tidak seharusnya menge tepikan aktiviti perikanan. Kita semua maklum aktiviti perikanan tidak dapat dilaksanakan sepanjang tahun kerana terdapat musim tengkujuh yang menghalang para nelayan untuk mencari rezeki di laut. Oleh itu sewajarnya peruntukan yang ada untuk bidang perikanan ini digunakan sebahagian untuk menyediakan bilik-bilik beku bagi menampung penyimpanan hasil-hasil tangkapan agar ia tidak terputus sewaktu musim tengkujuh. Kebiasaannya apabila hasil tangkapan tiada, permintaan ikan tinggi maka harga ikan akan melambung naik yang turut menjejaskan perbelanjaan isi rumah.

Oleh itu demi kepentingan untuk semua pihak termasuk para nelayan agar pendapatan mereka tidak terjejas dan para pengguna agar harga ikan tidak melambung naik di pasaran. Maka pelan perancangan jangka masa panjang adalah perlu dilaksanakan agar import dari Thailand juga dapat dikurangkan.

Akhir sekali saya ingin menyentuh Butiran B.48 Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Pembangunan kawasan luar bandar perlu diberi perhatian yang serius untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan membantu meningkatkan pendapatan penduduk.

Perhatian untuk menyediakan kemudahan infrastruktur adalah perlu seperti jalan yang bertar untuk kemudahan pengangkutan bagi memasarkan industri kampung atau hasil pertanian. Pada pendapat saya orang kampung bukanlah meminta lebu raya tetapi memadai jalan raya untuk kemudahan mereka dan anak-anak ke sekolah. Bekalan elektrik serta bekalan air yang bersih agar kesihatan mereka lebih terjamin dengan memiliki keperluan asas yang sempurna. Maka kampung-kampung tersebut akan dapat diperindahkan dan dapat menjadi tarikan para pelancong untuk melihat atau menikmati cara hidup di kampung. Walaupun tidak ada rumah-rumah banglo tetapi dapat diperindahkan dengan rumah papan tradisional yang begitu unik. Setakat ini sahaja yang ingin saya sentuh dalam ucapan saya pada hari ini, sekian saya turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan bagi tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Dato'

3.19 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Perbekalan Tambahan tahun 1999. Seperti yang kita sedia maklum Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini sahaja kita meluluskan Akta Perbekalan Tahun 2000 di mana kita telah meluluskan sebanyak RM36.8 bilion bagi belanjawan tahun ini. Apabila kita lihat dari segi amaun yang diminta sebagai tambahan bagi tahun 1999 saya sangat terkejut melihat bahawa amaun yang diminta ialah satu amaun yang begitu besar iaitu RM12.5 bilion. Kalau dibandingkan dengan amaun yang kita telah luluskan baru-baru ini untuk tahun 2000 ini merupakan satu amaun yang sebanyak 30%.

Dari segi perancangan, saya harapkan bahawa semua kementerian mengambil berat tentang permintaan mereka dan kalau boleh kurangkan permintaan tambahan kerana kalau tiap-tiap kali kita merancang untuk sesuatu dan kita minta tambahan, itu bermakna perancangan kita kurang memuaskan dan dari segi keadaan sekarang di mana kita ada komputer, kita ada perancangan yang begitu baik, kalau kita melihat satu permintaan yang lebih kurang 30% daripada belanjawan yang telah diluluskan, ini memang merupakan seolah-olah kita tidak merancang dengan betul sehingga kita kena meminta begitu banyak.

Dari amaun yang telah diminta itu, sungguhpun saya lihat B.30 iaitu sumbangan kepada tabung-tabung tertentu ialah satu jumlah yang begitu banyak, lebih kurang RM12 bilion (RM11.7 bilion). Kalau sumbangan-sumbangan ini telah dirancang awal, kenapa ia tidak diminta semasa kita meluluskan belanjawan bagi tahun 1999 dan bukan diminta sebagai satu tambahan. Sungguhpun saya menyokong supaya Akta Perbekalan Tambahan 1999 ini diluluskan, Saya minta bahawa perhatian dan teguran yang saya berikan tadi diambil kira supaya pada masa hadapan janganlah meminta begitu banyak seolah-olah kita tidak merancang dengan baik. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Zainudin.

3.23 ptg.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya meminta keizinan untuk turut serta secara ringkas membahaskan peruntukan tambahan bagi tahun 1999. Pertama sekali, saya ingin menyertai perasaan yang telah dicurahkan oleh Yang Berhormat Dato' Aziz tadi mengenai perlantikan semula Param Cumaraswamy

sebagai *Special Rapporteur* di United Nations, di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Saya hanya ingin tahu sejauh manakah peranan Wisma Putra dalam soal ini?

Apakah peranan yang telah dijalankan secara berkesan kerana menurut apa yang didakwa oleh Param Cumaraswamy sepertimana yang telah disiarkan oleh *The Sunday Star* bahawa perlantikannya tidak perlu mendapat persetujuan daripada Kerajaan Malaysia dan di samping itu beliau juga menuduh bahawa usaha-usaha telah dijalankan oleh Malaysia untuk menggagalkan perlantikannya semula dari segi *technical point* tentang pentafsiran mengenai *transition probation* mengenai tempoh kedudukannya atau kadar masa perkhidmatannya.

Dia mensifatkan bahawa ini adalah sebagai *personal vendetta* oleh Kerajaan Malaysia, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya, katanya kita gagal dan Kerajaan Malaysia telah begitu kecewa di atas kegagalan ini. Saya tidak perlu memberikan latar belakangnya, saya hanya ingin mempersoalkan sejauh manakah kejayaan ataupun usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak Wisma Putra dalam meyakinkan bahawa Cumarasamy tidak lagi berkredibiliti untuk mewakili kita di UN.

Selain dari itu, saya juga ingin menyentuh tentang peruntukan kepada Polis Diraja Malaysia. Saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak polis yang telah mengambil langkah-langkah yang aktif bagi memulihkan semula imejnya sejak menghadapi masalah daripada bulan Oktober 1998. Saya rasa usaha-usaha untuk memulihkan imej ini yang lebih perlu ditekankan, yang boleh memperbaiki semula imej polis sendiri ialah dengan usaha pihak polis sendiri untuk meningkatkan usaha-usaha memerangi jenayah, memerangi masalah-masalah sosial yang kita hadapi dan manusia akan melupakan kesilapan yang lalu dan tentunya akan lebih mengingatkan keagungan-keagungan dan juga kecemerlangan perkhidmatan polis dari masa ke semasa.

Hal yang telah berlalu itu yang menggambarkan pihak polis sebagai bertindak dengan keras dan sebagainya telah pun dapat kita lihat bahawa tindakan-tindakan pihak negara lain lebih dahsyat lagi seperti yang kita lihat sendiri di kaca TV, di akhbar-akhbar di mana hanya untuk mengambil seorang kanak-kanak Cuba, pihak tentera Amerika telah menggunakan kekerasan yang lebih dahsyat lagi, yang kita dapat bandingkan, sedangkan keadaan yang dihadapi oleh pihak polis kita pada masa mengambil tindakan yang keras adalah lebih tidak dapat diduga dan lebih mengancam lagi tetapi itu telah dibesarkan.

Dan hal-hal inilah juga yang kita dapat lihat di mana peranan, saya kira peranan Wisma Putra dalam soal ini juga adalah sangat penting dan kita terus dapat melihat di mana Wisma Putra dapat melihat agendanya dengan sendiri, agenda-agenda Amerika yang besar. Umpamanya, apa yang sedang berlaku di Sipadan sendiri, dapat kita lihat bagaimana kalau hal itu berlaku di Malaysia. Apakah yang akan dilakukan oleh CNN pada tiap-tiap hari. Tetapi publisiti yang tidak begitu besar diberikan kepada apa yang sedang berlaku di Sipadan sekarang sebab itu adalah berlaku di sebuah negara yang dipergunakan sebagai agenda mereka.

Yang keduanya ialah mengenai pertanian. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pertanian tentang kawasan-kawasan yang telah dimajukan untuk pelancongan, umpamanya Taman Cherakah di Selangor. Saya membaca baru-baru ini dalam media bahawa Taman Cherakah ini telah mulai dilupakan, telah dilalaikan, ada kereta-kereta untuk pelancongan yang telah tinggal terbiar dan sebagainya. Berpuluh juta telah dibelanjakan untuk pembangunan taman ini dan sekarang taman ini dikatakan terbiar.

Saya bimbang kalau pusat-pusat pelancongan lain juga yang dimajukan akan menghadapi masalah yang sama dan saya tidak tahu apakah benar apakah kerajaan negeri akan mengambil alih taman pertanian ini – taman yang merupakan taman pertanian, akan diambil alih oleh pihak Kerajaan Pusat dan saya rasa pihak kita haruslah tidak membiarkan sesuatu yang telah pun mendapat sambutan, kemudian tidak dipromo dan kemudian terbiar.

Pada akhirnya, saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Penerangan. Saya amat berharap dengan perantikan seorang bekas wartawan menjadi Timbalan Menteri Penerangan dan juga seorang diplomat menjadi Menteri Penerangan, taraf profesionalisme di RTM akan ditingkatkan dan kita akan mendapat pemberitaan selain daripada hiburan dan sebagainya dengan lebih up-to-date atau lebih cepat dan lebih mendapat berita yang kemas kini.

Tetapi sepertimana yang kita telah lihat, ada kalanya, umpamanya Berita Pagi. Pada Berita Pagi, berita itu yang berlaku semalam yang disebutkan sebagai 'hari ini' Jadi, hal ini adalah hal-hal yang tidak di *up-to-date* kan dalam berita yang dari segi profesionalismenya agak ketinggalan. Kadang-kadang gambar-gambar menteri atau mana-mana pihak yang sedang bercakap terbiar membisu beberapa ketika tanpa suara. Kalau sekali dua berlaku, kita dapat maafkan tetapi telah kerap berlaku yang

menampakkan tidak diambil begitu berat tentang taraf-taraf profesionalisme dalam *presentation*, dalam persembahan berita dan sebagainya.

Hal ini saya kira haruslah diambil berat dan tidaklah dipandang sepi. Bagaimanapun saya telah dapat menghayati bahawa ada usaha-usaha untuk meningkatkan jati diri oleh pihak RTM dan juga bagi meningkatkan kualiti dalam persembahan, tetapi dalam pemberitaan saya kira banyak lagi usaha yang harus dilakukan supaya RTM menjadi punca berita yang utama kepada rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat hanya sekadar itu sahaja dan saya juga menyokong tambahan belanjawan ini, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Haji Ahmad bin Ismail.

3.31 ptg.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbincangan berhubung dengan Akta Perbekalan Tambahan (1999) 2000.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal B.26 - Kementerian Pendidikan dan saya ingin menyarankan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia mengkaji semula jadual waktu mata pelajaran harian bagi pelajar-pelajar sekolah. Buat masa ini jadual waktu harian bagi mata pelajaran adalah agak ketat dan agak membebankan pelajar-pelajar. Sebagai contoh, pada suatu hari para pelajar terpaksa menumpukan kepada lima hingga tujuh mata pelajaran yang diajar setiap hari bagi satu kelas. Ini telah membuatkan para pelajar terpaksa membawa bahan-bahan bacaan dan juga bahan-bahan tulisan seperti buku-buku teks, buku-buku kerja dan sebagainya. Dan ini mungkin juga menjadi salah satu punca para pelajar terpaksa membawa beg berat yang mana perkara ini telah pun dibangkitkan pada setiap awal tahun termasuk kebelakangan ini.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan dan mengesyorkan agar Kementerian Pendidikan Malaysia membuat kajian semula untuk mengurangkan penggunaan mata pelajaran, sebaliknya menambahkan masa bagi setiap mata pelajaran-mata pelajaran tersebut. Ini akan membawa ertikata pada suatu hari hanya akan terdapat tiga atau empat mata pelajaran sahaja yang diajar. Manakala setiap mata pelajaran pula akan ditambah masa pengajarannya. Ini akan dapat mengurangkan bebanan terhadap masalah beg sekolah yang berat dan ia juga akan dapat menambahkan lagi pemahaman dan tumpuan para pelajar terhadap suatu mata

pelajaran yang dipelajari oleh mereka. Malahan sesi perbincangan juga akan dapat diadakan dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya sentuh ialah mengenai yuran tahunan persekolahan di sekolah-sekolah kerajaan yang dikenakan pada pelajar-pelajar. Kita memohon agar yuran persekolahan tersebut dapat dimansuhkan walaupun kutipan yuran tersebut dibuat sekalipun pendapatannya tidaklah seberapa. Apatah lagi kita dapati bahawa ekonomi negara kita semakin pulih dan ianya bertambah baik. Saya yakin kerajaan kita mampu untuk memansuhkan yuran tersebut demi membantu anak-anak kita belajar dan apalah ertinya kita mengenakan yuran yang sekecil itu tetapi sebaliknya ia menjadi suatu bahan cakapan orang-orang di kampung dan perkara-perkara inilah yang menimbulkan ketidakpuasan hati pada rakyat bawahan. Andai kata kita dapat menghapuskan yuran ini kita boleh berbangga kerana negara kita akan merupakan sebuah negara yang memberikan pendidikan secara percuma kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan agar pinjaman buku teks di sekolah-sekolah diperluaskan kepada semua pelajar sekolah-sekolah kerajaan. Sukacitalah saya menyentuh bahawa melalui satu kes tadi yang telah dijalankan oleh UMNO Bahagian Bukit Bendera dengan kerjasama Sekolah Menengah Tanjong Bunga baru-baru ini, kita mendapati bahawa daripada bilangan seramai 815 orang pelajar sekolah tersebut, pelajar-pelajar yang tidak mendapat pinjaman buku teks adalah seramai 253 orang dan ini merupakan satu peratusan yang agak tinggi, iaitu lebih kurang 31%.

Tuan Yang di-Pertua, melalui kes ini tadi, kita mendapati banyak masalah dijangkakan akan timbul sekiranya pelajar ini terus tidak mendapat pinjaman buku teks. Antaranya ialah:

- (i) Masalah disiplin akan timbul kerana pelajar tidak dapat menumpukan perhatian yang sepenuhnya terhadap pelajaran dan mungkin akan mengganggu rakan yang lain kerana terpaksa berkongsi buku;
- (ii) Pada masa yang sama juga, proses pengajaran dan pembelajaran turut terganggu kerana guru bukan sahaja akan menghadapi kesukaran untuk mengajar dalam kelas tetapi juga tidak memberi kerja rumah memandangkan pelajar tidak dapat

menyiapkan kerja rumah, lantaran mereka ketiadaan buku ataupun kerana tidak mampu membeli buku;

- (iii) Keadaan ini juga akan menyebabkan kadar ponteng sekolah kembali meningkat;
- (iv) Di samping itu, hal ini juga akan menyebabkan pelajar tidak mempunyai semangat dan hilang keyakinan diri untuk belajar kerana merasa rendah diri dan malu kepada rakan yang lainnya;
- (v) Keadaan ini juga akan menyebabkan pelajar ketinggalan dalam pembelajaran mereka dan seterusnya mungkin tercidir dari persekolahan ataupun terpaksa berhenti sekolah kerana tidak mampu membeli buku teks ataupun kerana merasa malu kepada rakan yang lain;
- (vi) Memandangkan kos sara hidup yang semakin tinggi khususnya di bandar-bandar utama, maka keadaan ini pasti akan membebankan ibu bapa ataupun penjaga yang mempunyai lebih daripada tiga orang anak walaupun jumlah pendapatan mereka mencecah RM1,000 sebulan; dan
- (vii) Perkara ini juga jelas bertentangan dengan wawasan Kementerian Pendidikan untuk melahirkan pelajar yang bukan sahaja berdisiplin tetapi juga yang mempunyai daya saing untuk maju ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah mengutarakan perkara ini semasa soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Yang Berhormat Menteri telah meminta saya memberi bukti kepada beliau dan insya-Allah, saya akan kemukakan laporan kes tadi ini kepada Yang Berhormat Menteri dalam tempoh yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal B.35 - Kementerian Dalam Negeri. Apa yang ingin saya sentuh ialah mengenai aduan yang kebelakangan ini mengatakan bahawa masalah wabak JE masih berlaku khususnya di Pulau Pinang. Saya difahamkan terdapat beberapa kes yang telah berlaku di Pulau Pinang, manakala satu kes telah melibatkan seorang kanak-kanak yang kini masih lagi di dalam keadaan koma di Hospital Besar Pulau Pinang. Dan satu lagi kes melibatkan seorang kanak-kanak juga yang kini kononnya semakin pulih yang dirawat di sebuah hospital swasta

di negeri Pulau Pinang. Apa yang menghairankan Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kerajaan menyedari akan kewujudan serangan semula wabak JE ataupun pihak kerajaan sengaja tidak mahu menghebahkan perkara ini kepada umum ataupun ada pihak-pihak tertentu yang tidak sanggup melihat babi-babi terus ditembak.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan wabak penyakit JE ini amatlah merbahaya kepada masyarakat umum, maka saya mencadangkan agar pihak yang berkaitan mengambil langkah yang terbaik untuk menghapuskannya demi keselamatan rakyat. Kita tidak mahu pihak kerajaan memandang ringan terhadap masalah ini. Oleh yang demikian, saya ingin menyeru dan menyarankan agar pihak yang bertanggungjawab menyasat dan seterusnya mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh soal B.27 - Jabatan Perdana Menteri. Baru-baru ini muncul semula kes daging khinzir dihidangkan di hotel-hotel. Kita dapati daging-daging khinzir ini walaupun pihak pengurusan hotel ada berselindung di sebalik menyatakan bahawa mereka menyediakan dapur berasingan, pinggan mangkuk berasingan, tempat basuhan berasingan, namun jelas dan nyata lazimnya perkara ini hanya berlaku buat seketika waktu kemudian ia akan bercampur gaul semula. Dan agak lebih membebankan kepada pekerja-pekerja hotel khususnya waiter dan waitress yang terpaksa menghidangkan daging khinzir kepada tetamu-tetamu hotel dan kita juga dapati kebanyakan hotel di seluruh negara sekarang ini telah tidak menjual lagi daging-daging khinzir. Malah sebuah hotel di Pulau Pinang, Rasa Sayang Resort, pernah kita bangkitkan isu ini dan mereka berhenti seketika. Tetapi kebelakangan ini, mereka menjual semula daging khinzir sedangkan di hotel-hotel lain sudah boleh dikatakan tidak langsung menjual khinzir.

Justeru itu kita meminta Jabatan Perdana Menteri agar melihat masalah ini dan jika boleh terus mengharamkan penjualan daging-daging khinzir di hotel-hotel apatah lagi bagi menghormati agama Islam yang kita dakwa adalah agama rasmi di dalam perlembagaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh B.17 Kementerian Belia dan Sukan. Kita akui bahawa program-program Kementerian Belia banyak yang baik khususnya Program-program Rakan Muda dan sebagainya. Akan tetapi apa yang kurang dalam program-program ini kita sekadar mengadakan program seolah-olah kita ini activity oriented. Kemudian sesudah itu tidak ada program susulan

supaya peserta-peserta kursus tersebut, kursus program-program Rakan Muda dan sebagainya terus diberi perhatian. Kita lihat banyak wang yang telah dibelanjakan tetapi akhirnya ramai juga remaja yang masih terus rosak.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih membimbangkan kita sekarang ini ialah pusat-pusat hiburan adalah lebih tertumpu kepada muda-mudi belasan tahun. Banyak perkara maksiat yang berlaku dalam tempat pusat-pusat hiburan ini. Malah di Pulau Pinang di sebelah Seberang Perai terdapat pusat hiburan di mana pil-pil ecstasy begitu bermaharajalela. Dan saya juga difahamkan bahawa kebelakangan ini ada sejenis ubat yang dinamakan 'kencing kuda' di mana ubat ini jika diminum lazimnya oleh anak gadis beliau sudah lupa diri, timbul rasa berahi malah ia menari dalam disko itu sambil berbogel. Perkara ini harus diambil tindakan dan kita juga mendapat laporan kononnya kadang-kadang pihak polis juga terlibat. Jadi kita minta diperbetulkan kerana polis telah banyak berkorban untuk keselamatan negara dan janganlah Jabatan Polis itu terus dinodai oleh segelintir manusia yang tidak prihatin tentang kerosakan akhlak muda -mudi kebelakangan ini.

Seperkara lagi yang ingin saya sentuh ialah kementerian harus mengkaji dan mencari satu kaedah dan mekanisme kenapa ramai belia, ramai remaja yang sekarang ini agak menentang pada kerajaan dan merencanakan satu program yang boleh menarik minat mereka ini dan membawa remaja ini ke landasan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini. Terima kasih.

3.44 ptg.

Puan Safinah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi laluan kepada saya untuk turut sama membahas Akta Perbekalan Tambahan 2000. Saya sangatlah mengharapkan perbekalan tambahan ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua jabatan yang menerima peruntukan ini dari segi peningkatan prestasi kerja dan juga pelaksanaan dasar umumnya di bawah pentadbiran jabatan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh B.40 yang berhubung dengan Jabatan Penjara dalam perbahasan ini. Lazimnya bila menyebut Jabatan Penjara kita selalu kaitkannya dengan warga ataupun penghuni penjara itu. Tetapi inginlah saya sebaliknya menyentuh terlebih dahulu dengan perkara yang berhubung dengan kakitangan penjara.

Tuan Yang di-Pertua, soal kebajikan kakitangan penjara hendaklah seharusnya diberi tumpuan dan perhatian yang sewajarnya. Ini adalah kerana kita pun sendiri mengetahui dan menyedari betapa mencabarnya tugas dan kerja mereka yang berhadapan dengan penghuni penjara yang dalam transformasi atau pemulihan akhlak yang kadang-kadangnya ada masa pasang dan ada masa surutnya. Namun begitu, kerana tugas dan tanggungjawab mereka tetap gigih menjaga dan melayan krenah warga tersebut. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapat penjelasan apakah pihak Jabatan Penjara mempunyai dan melaksanakan nisbah keperluan tenaga kakitangan dengan warga penjara mengikut kadar yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian di atas dedikasi kakitangan penjara ini saya menggesa supaya mereka ini diberi perhatian yang sewajarnya. Dan demikian juga kepada soal-soal kemudahan fizikal seperti rumah yang selesa, padang-padang permainan yang munasabah bagi keluarga dan anak-anak mereka hendaklah diperuntukkan kepada mereka supaya suasana tertekan di tempat kerja tadi dapat diredakan bila berada bersama keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, di satu pihak lain pula soal yang berkait dengan penghuni penjara kita tidak dapat tinggalkan. Mereka hendaklah diberi layanan dan perhatian dengan mengadakan program-program yang boleh mendatangkan kesedaran dan keinsafan di atas kesilapan dan salah laku masa lampau mereka. Program motivasi jaya diri dapat meyakinkan mereka untuk kembali kepada keluarga dan masyarakat dengan sikap bertanggungjawab dan berdikari, mengasihi anak isteri dan keluarga serta mampu memikirkan masa depan mereka berhadapan dengan soal-soal pendidikan anak-anak, tugas dan tanggungjawab dengan jiran dan juga tidak ketinggalan tugas diri sendiri sebagai hamba Allah s.w.t.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyentuh B.42 iaitu berhubung dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Kita tidak dapat nafikan bahawa dalam usaha untuk membangunkan masyarakat, soal yang berhubung dengan kesihatan tidak dapat tidak mesti diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, kaedah perubatan yang ditonjol dan disokong oleh kerajaan kini dengan dibinanya klinik-klinik di kampung, poliklinik dan hospital ialah kaedah perubatan allopathy. Tetapi terdapat juga sebahagian daripada kita apabila ada gangguan kesihatan mereka tidak mendatangi klinik-klinik atau hospital-hospital tadi kerana alasan tidak serasi dan sebagainya, alasan ada kesan sampingan sebaliknya

mereka mengamalkan perubatan alternatif yang terdiri daripada homeopathy, natural pathy, herbapathy dan hatta bomohpathy

Sehubungan dengan itu, dengan peruntukan yang diberikan kepada jabatan ini saya meminta pihak kerajaan membuat satu pendekatan dengan pihak-pihak yang berkenaan iaitu Persatuan Pengamal-pengamal “naturalpathy” ke arah mengiktirafkan kaedah perubatan alternatif supaya dapat dijadikan satu dasar perubatan kerajaan sebagai mana kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh negara-negara luar terhadap perubatan tersebut seperti di United Kingdom, Perancis, India dan lain-lain. Dengan ini rakyat mempunyai peluang perubatan dan rawatan yang pelbagai dan boleh mengambil mana yang terbaik untuk mereka dan keluarga bagi mewujudkan masyarakat yang sihat yang merupakan tunggak pembangunan masyarakat yang progresif. Saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

3.48 ptg.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menambah sedikit sebanyak dari segi Kementerian Pendidikan, B.26 yang perbelanjaan tambahannya hampir RM2.7 juta. Saya ingin fokuskan perhatian saya ini kepada peranan guru di luar bandar, di kampung-kampung dan juga di bandar.

Kita dapati bahawa di akhir-akhir ini oleh kerana kita tidak melihat secara khusus peranan guru-guru dalam bandar dan luar bandar ini mungkin di antara inilah timbulnya kekalutan dari segi anak-anak kita yang sedang belajar ini sama ada di sekolah rendah, menengah mahupun di institusi pengajian tinggi kerana ianya mempunyai tali-temali masalah itu daripada bawah sampai ke atas.

Saya pergi kepada luar bandar. Guru-guru di luar bandar ini sekarang ini kita tahu mempunyai keadaan insfrastruktur yang lebih baik sedikit jika dibanding masa dahulu. Di akhir-akhir ini kita tahu Kementerian Pendidikan menyediakan rumah-rumah guru untuk guru-guru sekitar berdekatan beberapa buah sekolah untuk duduk di rumah guru dan dengan ini mengatasi masalah rumah guru ini.

Namun, kita lihat bahawa masalah sekolah-sekolah di kampung ini termasuklah di ladang, pedalaman dan ini lebih serius lagi kalau kita sebut di Sabah dan Sarawak. Kita dapati bahawa masalah guru ini kalau sudah ada rumah guru ini dan akan ditambah sedikit sebanyak dari masa ke semasa maka ini dapat kita bantu dari segi masalah guru ini. Kalau kita lihat masalah lain, masalah sekolah sendiri

bahawa kita dapati sekolah masih lagi memerlukan banyak pembangunan-pembangunan infrastruktur. Kita masih dengar lagi bahawa ada sekolah yang masih belum dapat bekalan bukan sahaja elektrik bahkan generator pun belum ada.

Begitu juga kita lihat dari segi kemudahan-kemudahan lain. Kita rasa perpustakaan yang menjadi salah satu prasarana yang sangat penting bagi pendidik untuk mengembangkan ilmu. Kita dapati sekolah-sekolah di luar bandar mempunyai perpustakaan yang begitu uzur, ada sesetengah sekolah mempunyai buku-buku yang telah begitu lama, telah usang. Jadi maknanya dari segi perpustakaan ini perlu kita lihat dan kalau kita perhatikan di sekeliling kampung, ladang ataupun di kawasan pedalaman ini bahawa di sinilah tempatnya mengembang ilmu. Anak-anak ini tidak ada buku di rumah, bahkan kita lihat surat khabar pun tidak ada. Jadi kalau bukan di sekolah ke mana lagi mereka hendak pergi.

Jadi oleh itulah kita lihat bahawa kalau adanya buku-buku perpustakaan yang baik dengan cukup bilangannya begitu banyak, dengan mempunyai guru perpustakaan yang agaknya tahu mengendalikan dan memberi rangsangan kepada anak-anak ini, maka fikiran anak-anak di kampung ini akan terbuka luas. Dan juga kita lihat di kampung-kampung alat bantu mengajar juga berkurangan. Kalau di bandar sekarang ini kita sudah bercakap tentang sekolah bestari, penggunaan alat-alat dengan bantuan komputer dan lain-lain multimedia yang begitu canggih, ini jauh sekali daripada anak-anak kita di luar bandar. Apakan dapat mereka buat kalau tidak ada elektrik misalnya.

Begitu jugalah dengan kekurangan-kekurangan ini..., alat bantu mengajar kalau kita sebut ini dari segi guru untuk membantu menjelaskan sesuatu maka kita tahu dari segi psikologi anak kita ini mudah belajar kalau ada bantuan alat mengajar dia boleh faham. Kita ambil contohlah kalau kita hendak ceritakan seorang gadis yang cantik, berapa ratus perkataan untuk kita keluarkan untuk mendapatkan gambaran seorang gadis yang cantik tetapi dengan alat bantu mengajar dengan mengambil sekeping gambar yang berwarna-warni misalnya, dan cukup besarnya, segala-galanya terjawab dengan alat bantu mengajar yang demikian.

Inilah di antara perkara-perkara yang berlaku di kampung. Saya teringat ketika saya menjadi guru dahulu, dalam silibus menyebutkan menanam padi, saya pergi dua tiga minggu belajar cerita padi akhirnya bila saya menyoal anak murid saya, "Tahu tak kamu bagaimana rupa pokok padi", sedih kerana dia sendiri tidak pernah

menengok padi kerana dia duduk di pedalaman dan keliling dengan ladang getah dan ketika itu tidak banyak kepala sawit di sana sini dan dusun.

Jadi oleh itulah..., begitu juga ramai anak-anak kita yang di pedalaman tidak pernah menengok laut, yang dia tahu laut dia bayangkan sungai dekat rumah dia, kemudian bila kita cerita laut ini luas dan sebagainya, tidak dapat gambaran. Jadi semua inilah memerlukan alat bantu mengajar yang sangat-sangat dapat mengangkat kefahaman anak-anak ini dari segi pelajarannya dan lantaran inilah kita lihat kekurangan alatan guru, kekurangan daripada bantuan di rumah kerana hambatan daripada kemiskinan, anak ini menjadi masih lagi jumud dengan keadaan-keadaan di sekelilingnya.

Oleh itulah kalau kita lihat keputusan UPSR di sekolah rendah kita masih lagi melihat kadar anak-anak yang dapat 1A masih kurang, tidak usah cerita hendak 4A, tidak usah mimpilah emak ayah, anak-anak ini hendak masukkan ke asrama penuh. Oleh itulah kita pernah dengar anak-anak daripada ladang langsung dikatakan 0% kejayaannya. Ini semua perlu merisaukan kita yang kalaulah bukan kementerian, kalaulah bukan guru, kalaulah bukan guru besar yang menyuarakan masalah ini kita harus gempur masalah ini, perlu lihat, turun dan membantu sekadar yang kita mampu sedikit demi sedikit untuk mengangkat anak-anak kita ini dan sekolah kita ini supaya anak-anak kita lebih maju, kalau tidak mereka dengan kekurangan infrastruktur, ada yang berjalan kaki berbatu-batu, yang terpaksa lagi menempuh tanah merah, kalau panas berdebu, kalau hujan lecek, ini semua masalah mereka. Balik di rumah kita belum tahu, kadang-kadang rumah tidak ada tempat belajar pun. Masih ada lagi yang belum ada elektrik.

Jadi inilah yang kalau kita fikirkan inilah generasi anak-anak bangsa kita yang masih tertinggal. Daripada sini masalah guru yang selalu kita perkatikan bagaimana mereka dapat keluar dan membawa anak muridnya maju ke hadapan Kita tahulah kalau dahulu guru-guru juga gajinya tidak berapa sen. Ramai guru-guru di kampung dapat membawa anak-anak muridnya dengan kegigihan mereka tetapi semangat yang kita sebutkan ini sudah jauh ketinggalan. Bahkan kalau kita lihat semangat guru-guru dahulu, guru-guru Melayu khasnya, guru-guru Melayu inilah yang mencetuskan minda, membangkitkan semangat kemerdekaan orang-orang kita. Di sinilah peranan mereka bukan sahaja sekadar menjadi pemimpin masyarakat dahulu tetapi sekarang sudah berbeza.

Saya hendak bercakap ini tidaklah kita hendak bercerita tentang masalah yang lebih besar tetapi masalah diri mereka dan juga kelengkapan anak-anak kita ini dengan latar belakang. Moga-moga dengan ini, dengan kelengkapan ini, dengan kemudahan ini guru-guru dapat memikirkan jauh ke hadapan lagi nasib bangsa - anak-anak ini. Yang saya sebut tadi adalah sekolah-sekolah rendah tetapi mungkin di sekolah menengah keadaannya lebih baik sedikit kerana selalunya kementerian meletakkan sekolah menengah ini di satu lokasi di kampung yang telah maju. Tetapi rangkaian kejahilan ini, kekurangan ilmu ini, gambaran yang tidak jelas tentang apa yang dia belajar, tidak usah sebutlah tentang sains, tidak usah sebutlah tentang matematik, kalau kita sebut tentang makmal, walaupun kementerian sudah pun merancang tetapi masih lagi kekurangan dari segi alat-alat sains di luar bandar.

Jadi oleh itulah di sekolah menengah masalah ini dibawa, yang saya sebutkan tadi bertali-temali daripada sekolah rendah yang masih lagi ramai tidak pandai membaca pun ada, walaupun ada kelas bimbingan dan sebagainya, masih lagi - kalau pandai membaca dia tidak faham apa yang dia baca dan kalau dia pandai membaca pun dia kekurangan ilmu berbeza dengan anak-anak di bandar yang ibu bapa barangkali lebih celik tentang pendidikan ini.

Jadi oleh itu ini sekumpulan anak-anak kita yang berada di pedalaman termasuk di ladang-ladang perlu kita beri perhatian. Kalau sekarang ini kita bercakap tentang dadah, kalau kita sekarang ini bercakap tentang rumahtangga yang runtuh, kemungkinan ianya datang dari anak-anak ini yang kemudiannya berhijarah ke bandar dengan segala kejahilan yang ada pada mereka, dengan segala kekurangan dari segi ilmu rohani, pendidikan agama misalnya. Semua inilah mempunyai satu masalah yang akhirnya kita tidak dapat selesaikan.

Jadi oleh itulah saya menarik perhatian dalam Dewan yang mulia ini supaya perkara ini bukan sahaja Kementerian Pendidikan bahkan lain-lain termasuklah Kementerian Pembangunan Luar Bandar perlu membantu sama dalam masalah-masalah yang kita hadapi ini dan masih dihadapi lagi sekarang ini.

Saya hendak beralih pula kepada guru di dalam bandar. Ceritanya berbeza. Guru di bandar, masalah yang paling besar ialah masalah sara hidup yang semakin tinggi, yang paling ketara ialah sewa rumah. Kita tahulah kalau guru-guru ini setakat SPM, ia sekitar RM700 lebih, kalau barangkali Diploma dapat RM900 lebih dan kalau Ijazah barangkali RM1,000 lebih peringkat permulaannya dan ianya bertambah

sedikit demi sedikit dan kalau kita lihat ini, guru-guru muda ini yang berada di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Johor Bharu mereka sebenarnya hendak lari daripada bandar kerana kos hidup atau sara hidup yang tinggi. Di tengah-tengah kekecewaan ini, masalah diri mereka ini, mereka berdepan pula dengan anak-anak di sekolah rendah di dalam bandar.

Kalau kita lihat..., kita mulakan sekolah rendah bahawa kalau kita lihat di bandar ini ada juga ramai bilangan anak-anak kita yang datang daripada golongan yang berpendapatan rendah mereka ini juga banyak masalah. Kita tahulah masalah-masalah di bandar ini, masalah tidak minat belajar, anak sudah mula merokok, anak sudah mula main video games termasuklah anak-anak orang yang berada sendiri pun terdedah kepada masalah-masalah di bandar, teruk dan akhirnya ponteng sekolah dan baru-baru ini kita didedahkan anak-anak sekolah rendah di bandar juga terlibat dengan dadah sekarang ini.

Jadi oleh itulah kalau kita lihat masalah masyarakat, masalah diri guru itu sendiri berdepan dengan masalah anakanak ini maka kita hendak cari di mana kejayaan mereka dari segi pendidikan.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila sambung Yang Berhormat.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Tuan Yang di-Pertua, saya sambung. Oleh itulah kita lihat di akhir-akhir ini banyak cerita-cerita masalah guru dan pendidikan. Kita kesihan dengan guru ini. Kita tahu ramai di antara guru-guru kerja mendidik anak-anak kita dengan bersungguh-sungguh tetapi inilah masalah yang ada di depan mereka yang tidak dapat disuarakan. Itu sebabnya kita lihat masalah pendidikan kalau kita cakap dalam Dewan ini sudah seringkali diperkatakan.

Saya bersetujulah apa yang disebut oleh rakan saya, apa yang kita sebutkan ini, kita minta supaya sedikit demi sedikit, kita tahu keupayaan dengan kos yang kita sebutkan tadi semakin meningkat tetapi setidak-tidaknya secara serius dan secara sungguh-sungguh diambil lihat supaya masalah-masalah – kalau kita cerita guru di bandar ini perlu juga memikirkan juga masalah-masalahnya. Kalau kita dapat kurangkan masalah-masalah ini, kurangkan misal tadi kata, jadual waktu mengajar yang begitu ketat, kalau dapat dikurangkan maka dapatlah dia rasa ringan sedikit tentang beban dan tanggungjawab.

Kalau kita perhatikan dengan *cost of living*, sewa rumah dan bahan-bahan yang lain, kemudian dengan anak muridnya dengan pelbagai masalah lantaran segala gejala sosial di bandar, kemudian kita lihat pula dengan beban kerja yang terlalu banyak, terlalu ketat dan sekarang ini, ada masalah sahaja orang hendak serah ke sekolah, supaya kita mula dari sekolah. Misalnya pencemaran alam sekitar, hendak mula dari sekolah. Masalah dadah, hendak kenal pun mula di sekolah, mula dari sekolah rendah. Semua ini tertumpu di batu jemala guru-guru. Jadi, oleh itulah kita lihat kadang-kadang mision guru-guru kita ini nampaknya seolah-olah macam kabur.

Bila kita cerita sekolah menengah pula, sudah ada kes-kes salahlaku yang semakin serius. Ada yang pergi kepada gangsterism, semua ini menakutkan kita. Maka, janganlah kita menyangka bahawa ini anak orang lain sebab pendidikan ini ianya mempunyai rangkaian, kesinambungan yang terus-menerus. Kalau hari ini anak kita tidak kena, tidak mungkin ia boleh terlepas kalau kelilingnya sudahpun rosak dengan masalah-masalah salahlaku sosial ini.

Kita melihat masalah saya sebut tadi anak guru. Ada lagi satu komponen yang sangat penting yang perlu juga kita perhatikan kalau kita mahu melihat anak-anak kita berjaya iaitulah PIBG. PIBG yang ditubuhkan oleh kementerian untuk menjadi jambatan antara sekolah dan juga rumah dan begitu jugalah sebaliknya. Kita tanya sekarang, mampukah PIBG yang dianggotai oleh antara 11 ke-15 orang ini untuk menyelesaikan masalah-masalah yang semakin berat dan semakin besar ini. Mampukah PIBG ini menyebarkan masalah-masalah guru, masalah-masalah sekolah di sebaliknya masalah ibu bapa dengan guru-guru, dengan kementerian.

Kita lihat juga PIBG ini *ex-officio*nya, penasihatnya selain daripada ahli PIBG yang dipilih dalam mesyuarat agung, yang barangkali diadakan setiap tahun atau dua tahun sekali maka guru sebagai penasihat, itulah di antaranya dia boleh menyuarakan masalahnya tetapi saya rasa dia tidak mampu, ahli-ahli jawatankuasa PIBG ini tidak mampu untuk menyuarakan pada keseluruhan masalah-masalah ibu bapa dan lain-lainnya. Kalau kita lihatlah misalnya kalau di kampung, itulah juga orangnya. Dia terbelit dalam satu masalah yang tidak boleh lepas daripada masalah itu. Jadi, mungkin kita dapat baik sikit, dilantik penghulukah barangkali, bekas guru dan sebagainya ataupun guru barangkali dapatlah. Tetapi rata-rata, masalah PIBG ini tidak dapat diselesaikan.

Oleh itulah, saya berharap kementerian melihat ini sebagai suatu sumber atau komponen penting supaya PIBG ini diperluaskan. Kalau kita kata sekolah ada 11 orang atau 15 orang jadi jawatankuasa PIBG, tidak semua yang hadir. Kita tahulah benda ini kerja sukarela, barangkali dapat hadir 8 orang, 10 orang atau 11 orang. Jadi, saya rasa perlu PIBG ini menjadi satu tenaga pembantu, jambatan sebagaimana yang dimaksudkan supaya ia dikembangkan lagi daripada 11 orang kepada 15 orang, kepada barangkali 20 atau 25 orang supaya banyak masalah dapat kita dengar dan di sebaliknya mereka ini pula dapat menyebarkan kepada ibu bapa.

Dan kalau boleh kita harapkan juga, kita menjadikan satu temasya atau Hari Keluarga, satu kemestian supaya selain daripada itu, kita tahu sekarang ini ada hari terbuka, guru berjumpa dengan ibu bapa, berjumpa dengan guru, dapat berbual tentang anak. Tetapi harus juga kita memikirkan bahawa perlu ada satu hari di mana ada ibu bapa selain daripada hari PIBG barangkali 6 bulan sekali bersama-sama dengan ibu bapa, duduk dan bincang masalah-masalah sekolah. Dan begitu juga sekolah dapat menyuarakan.

Begitu juga kalau dapatlah PIBG ini memainkan peranan yang lebih banyak di sekolah. Ada negara ibu bapa datang membantu. Yang bagus misalnya dari segi renang, kalau sekolah ada kolam renang, dia bantu, ada dalam kalangan masyarakat itu dia pelukis, dia boleh datang membantu guru-guru dan anak-anak murid yang minat dalam melukis. Yang baik dalam bola sepak, dia datang bantu di sekolah.

Ini kita tidak dapat lihat di sekolah kita. Semuanya tertumpu kepada guru. Kalau di sekolah rendah itu kita lihat di kampung, guru itulah pelukis, guru itulah bola sepanya. Segala-galanya dia. Manalah kita hendak lihat satu potensi yang baik daripada anak-anak ini, sebab yang mendidiknya itu bukan pakar ataupun yang mendalami. Oleh itulah kita lihat, saya kata tadi dia terbelit dalam masalah yang tidak dapat diselesaikan.

Begitu juga, kita lihat sekarang ini ramai, pengarah pendidikan, timbalan pengarah pendidikan, pegawai-pegawai pendidikan yang ramai bersara ini, boleh kita gunakan tenaga dan kepakaran mereka untuk membantu selain daripada *ex-officio*nya, pengetua dan guru besar patut juga kita gunakan tenaga-tenaga pakar yang ada di kampung, di bandar ini untuk membantu sekolah memberikan setidak-tidaknya pemikiran. Kita minta juga barangkali orang-orang yang berjaya dari segi peniagaan, kilang dan sebagainya turut membantu sekolah-sekolah yang berdekatan.

Saya rasa apa yang patut kita boleh buat di ladang, kita jadikan sesuatu rancangan, program ladang mesti mengambil sekolah, sama ada sekolah kebangsaan, sekolah Cina dan Tamil sebagai anak angkatnya. Tidak timbul masalah papan hitam tidak ada, hendak bersukan tidak ada duit dan sebagainya sedangkan ini adalah anak pekerja ladang mereka. Jadi di antara inilah kita rasa, banyak lagi perkara-perkara yang boleh kita bantu dari segi mencari masalah-masalah pendidikan ini. Sebabnya kalau anak yang tidak terdidik dengan baik, seperti yang saya kata tadi, dia akan menjadi remaja yang kekosongan. Remaja yang kekosongan inilah yang menjadi masalah, kemudian dia juga berumahtangga, anak dia juga menjadi masalah kepada negara. Ianya tidak terlepas. Oleh itulah kita berharap sedikit sebanyak melalui pendidikan ini, kita dapat mengangkat mertabat pendidikan itu dan cerdik pandaikan anak bangsa kita supaya ia benar-benar dapat mengikuti arus perdana, pembangunan negara. Tidak tercicir dan terus tercicir.

Saya juga ingin menarik perhatian tentang isu-isu di luar bandar, walaupun rakan-rakan saya tadi sudahpun menyebutkan tetapi saya hendak menarik sedikit dari segi luar bandar, Asrama Desa. Walaupun ini masih lagi dalam Kementerian Pendidikan. Asrama Desa adalah satu idea yang sangat baik tetapi nampaknya ianya tidak begitu dapat sambutan yang baik daripada ibu bapa dan sebagainya. Barangkali masalah kos, kementerian juga untuk membina asrama desa ini, masalah tanah dan sebagainya.

Kalaulah sekiranya masalah ini besar, kalaulah boleh kita kecilkan, kalau kita perlu ada mini asrama desa di mana barangkali kosnya kecil dan anak-anak ini tidak perlu jauh daripada ibu bapa. Dan dengan adanya mini asrama ini kita tahulah sistem asrama, anak ini lebih disiplin, lebih terkawal, bukan sahaja dari segi pergaulannya tetapi juga dari segi pelajarannya. Jadi, kita tahu dari segi mengadakan asrama ini, kalau tidak dapat kita perbanyakkan asrama desa, kita perlu mengadakan mini asrama dengan segala kemudahan yang ada. Jadi, dengan inilah sedikit sebanyak kita dapat mengangkat mertabat anak-anak kita di luar bandar ini.

Dengan itu saya menyokong Akta Perbekalan Tambahan (1999) 2000 ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan.

4.10 ptg.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) 2000 pada petang yang mulia ini.

Saya tertarik hati kepada B.30 dan saya ingin berkongsi pandangan dengan sahabat saya Yang Berhormat Dato' Dr. Chin yang telah membuat sedikit teguran kerana apabila kita melihat kepada perbekalan yang dikemukakan kepada kita pada petang ini, kita mendapati bahawa peruntukan yang diberikan kepada Kumpulan Wang Terkanun berjumlah lebih daripada RM11.9 bilion. Dan ini bermakna ianya berjumlah hampir 30% dari seluruh perbekalan yang dimohon bagi tahun 1999 itu.

Saya ingin mendapat penjelasan, kenapakah ianya tidak dimasukkan ke dalam Belanjawan 1999 yang baru sahaja kita luluskan. Dan ini merupakan suatu jumlah yang besar yang menunjukkan bahawa kita mungkin kurang penelitian dalam menentukan peruntukan-peruntukan tambahan kerana ianya melibatkan perbelanjaan yang begitu besar.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Kewangan, seperti pada minggu yang telah lalu, saya memohon penjelasan tetapi tidak ada sebarang penjelasan yang diberikan kepada saya oleh pihak Kementerian Kewangan iaitu suatu peruntukan kerana urusan hutang negara sebanyak RM9.6 bilion lebih dan saya yakin ini bukanlah jumlah hutang tetapi jumlah peruntukan bagi menguruskan sekian jumlah hutang yang telah dibuat oleh negara kita dan saya meminta supaya kerajaan menentukan had keterhutangan negara supaya ianya tidak menjadi beban kepada negara kita pada masa-masa yang akan datang. Saya juga berharap seperti sahabat saya tadi supaya peruntukan-peruntukan yang begitu besar jumlahnya pada masa-masa yang akan datang hendaklah ianya dimasukkan ke dalam anggaran belanjawan negara bagi tahun yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan di dalam Dewan ini kerana saya dapati hampir semua sahabat saya yang bercakap di dalam Dewan yang mulia ini menyebutkan tentang k-ekonomi. Dan saya sendiri tidak mendapat apa-apa penjelasan yang nyata, yang terang tentang k-ekonomi itu. Boleh jadi ini suatu huruf singkat yang bagi kita sekarang ini baru sahaja diperdengarkan. Oleh yang demikian, kita pun terikut-ikut walaupun ianya datang daripada Barat yang kadang-kadang Ahli Dewan kita ini menyelar Barat tetapi tentang 'k' ini diambil daripada Barat juga.

Saya hendak mengambil perhatian terutama sekali kepada orang-orang Islam, kalau kita perhatikan al-Quran tentang huruf-huruf singkat ini. Ada yang satu huruf sahaja 'Qaf'. Kalau ada ustaz di sana, kalau saya silap tolong betulkanlah. Ada yang dua huruf yang saya kira umat Islam sangat minat dengan dua huruf ini kerana mereka baca tiap-tiap malam Jumaat iaitu 'YA-SIIN'. Ada yang tiga huruf 'Alif Laam Mim' ada yang lebih daripada itu seperti 'Qaf Ha Ya 'Ain Sad'.

Tetapi kita tidak pernah menanya diri kita dan tidak pernah mengambil tahu tentang hikmat dan rahsia huruf-huruf yang pendek ini. Dan barangkali kita ambil 'k' ini boleh jadi diambil daripada al-Quran. Tetapi k-ekonomi ini kalau kita perhatikan, saya hendak menarik perhatian di sini supaya kita tidak kehilangan modal apabila kita hendak menggunakan sesuatu istilah sedangkan istilah itu ada pada kita sendiri.

Oleh yang demikian kita memerlukan kefahaman yang lebih mendalam tentang k-ekonomi ini dan saya kira kalau saya tidak silap, saya mengikuti perkembangan ini hampir dua tahun walaupun tidak aktif, tetapi meneliti sebuah syarikat yang memulakan dengan modal teroka iaitulah syarikat yang mengendalikan telefon yang boleh digunakan untuk Internet.

Itulah barangkali yang dikatakan k-ekonomi iaitu ilmu pengetahuan, teknologi maklumat yang direka cipta oleh syarikat ini dan saya difahamkan syarikat ini bukan jual telefon bimbit itu, tetapi menjual teknologi dan pengetahuan. , Saya diberitahu sebuah syarikat Jepun telah pun membeli teknologi daripada syarikat telefon tersebut. Apakah itu yang dimaksudkan k-ekonomi ataupun seluruh ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh kita akan kita gunakan untuk diperniagakan. Ini adalah suatu persoalan yang perlu kita lihat dengan penuh teliti dan mudah-mudahan dengan apa yang saya sebutkan ini, kita tidaklah - maknanya terlalu ghairah dengan istilah-istilah yang dibawa oleh orang asing, kemudian kita cuba terapkan di dalam kehidupan masyarakat kita, sedang kita telah diberitahu oleh beberapa orang Ahli Dewan di mana kita telah menghadapi pelbagai masalah, misalnya, murid-murid sekolah rendah, dan murid-murid sekolah menengah seperti yang disebutkan oleh sahabat saya daripada negeri Johor tadi nampaknya, menghadapi pelbagai masalah yang perlu kita atasi. Mudah-mudahan peruntukan tambahan yang diberikan kepada Kementerian Pendidikan yang melebihi RM206 juta itu akan dipergunakan dengan sebaik-baiknya oleh Kementerian Pendidikan bagi membina pendidikan anak-anak kita sama ada di dalam bandar mahupun di luar bandar.

Saya dengar tadi hampir seluruh Ahli-ahli Dewan yang berucap sama ada dari kaum Cina, India dan sama ada yang menganut agama Kristian, agama Hindu ataupun yang menganut agama Buddhist hampir sependapat bahawa persoalan akhlak muda-mudi sangatlah meruncing dan membimbangkan. Saya melihat bahawa sesungguhnya program-program yang diatur oleh kementerian-kementerian yang terlibat dalam membangun dan membina semula akhlak muda-mudi ini perlulah dikaji semula dan saya mempunyai keyakinan yang penuh, apabila pendidikan agama diterapkan atau nilai-nilai agama diterapkan di kalangan anak-anak kita, insya-Allah, anak-anak kita tidak akan terperangkap ke dalam gejala yang sangat membimbangkan itu.

Saya perhatikan juga misalnya, pelajar-pelajar atau murid-murid kelas tadika. Kerana saya pun ada menguruskan tadika yang muridnya lebih kurang 400 orang. Saya arahkan kepada guru-guru tadika itu pada tiap-tiap pagi pasang kaset Asmaul-Husna kerana kelas tadika itu hanya satu tahun, saya dapati semua murid yang belajar di tadika itu boleh menghafaz Asmaul-Husna, walaupun mereka tidak tahu maknanya tetapi oleh kerana Asmaul-Husna itu sebahagian daripada Al-Quran. Mengikut Islam, sekurang-kurangnya anak-anak kita itu sudah kita didik mengenal Tuhan, mengenal sifatsifat Tuhan dan mengenal akhlak baik. Saya kira dalam Dewan ini pun, kalau kita tanya yang beragama Islam, mungkin banyak yang tidak hafaz Asmaul-Husna tetapi anak kecil yang kita masukkan dalam kelas-kelas tadika Islam tadi boleh menghafaz Asmaul-Husna dalam tempoh 6 hingga 9 bulan sahaja .

Ini adalah suatu kesan yang baik kerana kita bermula daripada pendidikan mengajak anak-anak kita itu supaya mengenal Tuhan dan mengenal sifat-sifat Tuhan dan dengan yang demikian, mereka akan terdedah kepada suatu kehidupan yang mereka tidak akan berani untuk melanggar perintah-perintah Tuhan mereka dan berikutnya mereka juga tidak akan melanggar perintah kedua ibu bapa mereka. Tetapi kalau suasana sama ada suasana di sekolah, di rumah dan sekeliling, dan alam mereka tidak menentu dan bagaimana mereka dapat kita didik dengan baik?. Walau bagaimanapun adalah sangat mendukacitakan kerana ada tohmahan-tohmahan kononnya tadika-tadika yang dibina oleh setengah-setengah kalangan ini dipergunakan untuk tujuan politik dan sebagainya. Ini sangat mendukacitakan kita kerana tohmahan itu tidak berasas.

Saya yakin bahawa sesungguhnya kelas-kelas seperti ini perlu dikembangkan sama ada ianya oleh pihak berkuasa pemerintah ataupun oleh mana-mana juga orang

atau badan yang berkesanggupan atau berkeupayaan untuk membiayai kelas-kelas tersebut dan ianya perlu diperbanyakkan lagi sama ada mengajarkan tentang agama Hindu, tadika Hindulah kita kata, minta maaf ya Yang Berhormat. [*Memandang ke arah Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu*] Dia boleh buat di ladang-ladang dan boleh ditanamkan tentang kecintaan kepada Tuhan dan moral baik mengikut pandangan agama Hindu. Begitu juga mereka yang beragama Kristian, saya ingat mereka boleh didekatkan kepada Tuhan mereka kerana manusia ini sebagaimana kata-kata ahli-ahli falsafah Islam [*Membaca dalam bahasa Arab*] “Barang siapa kenal dirinya dia akan kenal Tuhannya”. Ini bermakna orang yang melanggar perintah Tuhan, , sesungguhnya mereka itu tidak kenal terhadap dirinya sendiri, sama ada dia orang tua, orang muda mahupun remaja. Tetapi oleh kerana kita orang tua, maka dengan sebab itulah kita suka menyalahkan anak-anak. Kita tidak pernah menyoal diri kita siapa kita dan siapa kita dengan anak-anak. Saya hendak bela anak-anak pada kali ini. Saya kira kalau kita boleh mendekati anak-anak kita dengan baik dan mendidik anak kita dengan baik, bukan sahaja di sekolah, malah juga di rumah melalui alam keliling yang ada , insya -Allah, anak-anak kita itu tidak akan pergi jauh melakukan kejahatan.

Jadi, dengan yang demikian itu saya mengharapkan kepada kementerian-kementerian yang berkenaan terutama sekali Kementerian Pendidikan dan juga jabatan-jabatan agama Islam, negeri-negeri dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan yang aktanya adalah mengikut Akta Persekutuan hendaklah mengambil perhatian berat terhadap pembangunan dan pembukaan kelas-kelas bagi mendidik anak-anak kita supaya mereka tidak akan mudah tercebur ke lembah keburukan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh beri laluan.

Dato’ Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta sedikit laluan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Ustaz Hassan. Saya sangat tertarik mendengar bahawa di tadika-tadika kita patut mengajar unsur-unsur yang baik kepada budak-budak ini tetapi apa yang saya bimbang sedikit ialah tentang caranya. Kalau tiap-tiap kaum itu mengadakan tadika sendiri di mana hanya unsur-unsur yang melibatkan kaum itu diajar bagaimana kita dapat mencapai perpaduan negara? Bagaimana apabila mereka sampai di peringkat sekolah, mereka mungkin merasa sedikit keliru kerana sekarang pertama kali melihat budak-budak daripada kaum-kaum lain.

Jadi, saya hendak bertanya Yang Berhormat, adakah lebih baik kalau kita mengadakan jenis tadika di mana terbuka dan terdedah kepada semua budak-budak ini dan dalam tadika-tadika macam ini kita juga boleh mengajar nilai-nilai murni dan nilai-nilai yang baik dan juga bagi mereka satu peluang bercampur-gaul dan mungkin mendapat kefahaman supaya pada satu masa nanti apabila mereka sampai ke peringkat sekolah, mereka sudah tahu bahawa di negara kita semua orang pun ada. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya ingin menjelaskan di sini kerana pandangan saya tadi dari segi Islam. Islam sebagaimana yang semua maklum tidak boleh memaksa orang kerana dalam Al-Quran menyebutkan "*Laikra Haffiddin*"- Tiada paksaan dalam agama. Kerana itu saya menyarankan tadi supaya tadika-tadika yang sudah sedia ada, sama ada yang dikelolakan oleh orang Cina ataupun orang India boleh memasukkan nilai-nilai murni dan untuk pengetahuan Yang Berhormat, walaupun namanya tadika Islam, didalamnya ada belajar Ilmu Hisab, ada Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, semua mengikut kurikulum yang ditentukan setengahnya oleh pihak kementerian dan hanya sedikit sahaja iaitu mengenai Islam ataupun nilai-nilai kerohanian itu bagi orang Islam diajarkan mengikut apa yang dikehendaki oleh Islam.

Saya boleh bersetuju kalau sekiranya pihak kerajaan membuka sebuah tadika contoh yang dikumpulkan, dan dimasukkan di dalamnya— orang Cina, India pun ada, semua orang boleh diterima, supaya boleh didedahkan semua agama di dalam tadika itu kalau sekiranya anak-anak kita itu mampu kerana saya yakin bahawa dengan yang demikian itu mereka boleh melihat suasana yang baik tetapi keadaan dan suasana yang ada sekarang ini saya belum lihat lagi di negara kita ini ada sebuah tadika, yang semua muridnya, orang India pun di situ, Cina pun di situ, tidak ada. Sebab itu ada sekolah jenis kebangsaan Tamil, ada sekolah jenis kebangsaan Cina. Jadi, saya kira kalau ini hendak dimulakan, boleh dibuat, kalau sekiranya kita mahu

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Minta laluan sedikit ustaz.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Sila.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Saya rasa barangkali ada sedikit kesilapan atau salah faham. Sebenarnya, Kementerian Pendidikan kalau apa yang ustaz sebut tadi mungkin di kampung tetapi kalau kita lihat di bandar, di sekolah rendah ia sudah ada multiracial, di sekolah bandar di Kuala Lumpur ini, ia mengandungi budak

Melayu [*Disampuk*] Integrated, ia sudah ada budak Melayu, ada budak Cina dan budak India. Dan dari segi pendidikan agama tadi begitu juga dari segi kalau mereka mempunyai cukup bilangan, mereka boleh adakan kelas ibundanya sendiri yang tersendiri, maknanya kita accommodate semua sekali sebagai rakyat Malaysia sama ada dari segi agamanya, budayanya semua itu diambil kira. Jadi, tidak timbul masalah tidak ada, kalau yang ustaz sebut tadi. Saya rasa mungkin terlihat di kampung tetapi di bandar ianya sudah lebih meluas.

Cuma saya hendak tahu sedikit, terlanjur saya sudah bertanya ini, adakah Yang Berhormat Ustaz bersetuju kalau sekiranya Kementerian Pendidikan mempunyai dasar mengembangkan agama sahaja, tidak ada unsur-unsur politik demi perpaduan keilmuan agama itu sendiri, ustaz setuju supaya kita tiadakan yang berbentuk politik ini, semua di bawah kementerian senang. Jadi, tidak timbul ada prasangka-prasangka yang prejudis terhadap mana-mana parti. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih, Tuan Yang diPertua. Sebenarnya apa yang adapun tidaklah berbentuk politik, cuma kebetulan. Barangkali Pengerusi, Lembaga Pengurusnya, Pengerusi Lembaga Tadbirnya itu orang politik, ini memang banyak, misalnya PIBG tadi disebut. Ada setengah kampung cergas, aktif kerana dia berebut dari segi politik, kadang-kadang berebut di antara satu parti politik itu sendiri, ini sepanjang pengamatan saya.

Kemudian, dari segi sekolah – betul saya boleh mengakui, tetapi masih ada, malah masih banyak di bandar. Saya boleh tunjukkan dekat Kuala Lumpur ini Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Cina), Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil), itu masih ada walaupun di bandar. Itu saya rasa tidak dapat dinafikan. Kalau kita pergi daripada Kuala Lumpur ke Gombak sahaja, kita sudah menemui beberapa buah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina), beberapa buah Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil).

Walau apa pun saya tidaklah bermaksud untuk kita merenggangkan hubungan di antara kaum yang ada di dalam negara kita ini. Saya hanya sekadar untuk mendedahkan kerana kadang-kadang setengah orang melihat apabila kita bercakap tentang Islam, seakan-akan Islam itu di masjid sahaja, di luar masjid tidak boleh lagi dilaksanakan Islam.

Saya hendak ambil satu contoh, katalah sekarang ini..., pernah orang bertanya kepada saya tentang hukum, saya minta maaf dia tanya hukum, saya jawab hukuml.

Dia kata, “*Ustaz, bagaimana hukum kalau esok katalah berdasarkan kepada Islam, bolehkah adakan kolam renang?*” Saya kata, “*Kita akan tambah lagi kolam renang.*” Jadi, dia terkejut bila saya jawab, kita akan tambah lagi kolam renang, dia terkejut kerana kepala mereka itu apabila sebut Islam, kolam renang pun tidak ada. Pada hal Nabi s.a.w kita kata [*Membaca sepotong hadis*] maksudnya, “*Ajar anak kamu berenang dan memanah*”. Dahulu panah, sekarang M16, kalau M16 Kementerian Dalam Negeri pegang kita pula tetapi demikianlah Islam menyentuh semua perkara. Disuruhnya kita ajar anak kita berenang, ajar anak kita memanah, tentulah kalau berenang itu bukan dalam kolah masjid atau kolah surau. Tentulah pihak yang berkuasa berkewajipan atau sekurang-kurangnya menggalakkan supaya diadakan kolam renang.

Persoalan yang tidak dibenarkan oleh Islam itu ialah di kolam renang itu bergaul lelaki dan perempuan, itu sahaja. Kalau itu tidak ada selesai masalah Maka dengan sebab itu kena tambah kolam renang. Satu untuk perempuan satu lagi untuk lelaki, itu sahaja masalahnya, maknanya ianya bukan menjadi suatu kesukaran dan kesulitan dan sekiranya sesebuah kerajaan, sesebuah pemerintahan itu peka dia boleh wujudkan ini semua walaupun terpaksa mengeluarkan perbelanjaan agak lebih besar. Kalau keluarkan perbelanjaan yang lain besar, sedangkan untuk berenang ini kita tidak boleh, maknanya tidak boleh memberikan suatu peruntukan yang agak munasabah, saya rasa itu suatu perkara yang tidak wajar bagi sesebuah pemerintahan yang berkuasa dalam mana-mana juga negara. Saya tidak sebut Malaysia tetapi dalam mana-mana jua negara di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan apa yang telah disebutkan oleh beberapa orang sahabat saya tentang galakan yang diberikan oleh kerajaan kepada usahawan-usahawan bumiputera.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan N. Marimuthu.

Tuan Hassan bin Haji Shukri:Tuan N. Marimuthu, daripada Ipoh, tadi menyebutkan ataupun membuat tuntutan-tuntutan supaya kaum India diberikan peruntukan yang munasabah bagi memperkukuhkan ekonomi kaum India di negara kita ini, ataupun orang-orang India yang digolongkan oleh beliau sebagai orang yang miskin di negara kita ini.

Saya tidak hendak sebut orang Indiakah, orang Cinakah, yang saya hendak sebut ialah tentang orang miskin sama ada dia Indiakah, orang Cinakah, orang

Melayukah, kalau dia tergolong dalam golongan orang yang miskin, maka mereka ini perlulah diberikan bantuan oleh pihak yang berkuasa melalui apa-apa cara sekalipun sama ada bantuan secara langsung ataupun bantuan modal, jika sekiranya mereka itu mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk berusaha melalui modal yang diberikan oleh pihak yang berkuasa.

Tadi telah disebutkan juga bahawa Dasar Ekonomi Baru tidak mencapai matlamat seperti yang ditetapkan. Disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan dari Terengganu bahawa yang tercapai hanyalah kira-kira antara 19% hingga 20% dalam tempoh 30 tahun. Ini bermakna kalau kita lihat kepada bilangan orang-orang Melayu, saya kira tentulah tuntutan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada kalangan orang-orang India yang bilangannya saya kira tidak sampai pun 2%, kalau boleh dibetulkan, betulkanlah.

Tuan N. Marimuthu: 1.5%.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: ...kalau 1.5%, maknanya kalau orang India dapat 1.5% daripada kekayaan negara ini bermakna mereka dapat 100%. Itu jawapan saya kepada Yang Berhormat.

Jadi, kalau dapat 1.5% maknanya dapat 100%. Dengan sebab itu saya tadi sudah sebutkan saya tidak menimbulkan soal kaum-kaum, saya lebih melihat secara menyeluruh pembelaan terhadap orang miskin ataupun golongan miskin ini perlu ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Saya kira bahawa kementerian ini mempunyai peranan yang sangat penting. Apalagi apabila kita dihebohkan dengan kononnya perpecahan berlaku di dalam masyarakat terutama sekali masyarakat umat Melayu di negara kita ini. Saya kira kementerian ini perlulah mengambil peranan yang bersungguh-sungguh mencari jalan, berikhtiar supaya perpecahan ini tidak berlaku. Mencari sebab-sebab kenapa perpecahan itu, kalau betul-betul perpecahan itu wujud, bukan melempar begitu sahaja bahawa perpecahan telah berlaku tetapi tidak menyatakan sebab-sebab kenapa perpecahan itu boleh berlaku, kerana kalau kita hendak mengubat sesuatu penyakit kita kena tahu apa penyakitnya.

Jadi, kalau penyakitnya kita tidak tahu, kita lemparkan dengan satu tohmahan atau tuduhan bahawa sesungguhnya kita menambahkan satu jenis penyakit lagi ke atas penyakit yang sudah sedia ada. Itu akan menambah parahkan lagi penyakit yang

ada dan ianya akan berkembang. Saya harap kepada sahabat-sahabat semua supaya berfikir mencari jalan kalau benar perpecahan itu berlaku, ianya mestilah dicari titik pertemuan dan saya yakin bahawa sesungguhnya ia boleh disatukan semula, kalau benar perpecahan itu ada tetapi bagi saya, saya tidak begitu yakin bahawa perpecahan itu wujud dari segi nasional. Kalau ada satu dua orang yang berpecah, yang berkelahi, yang bertumbuk. Tadi disebutkan Pilihan Raya Kecil Sanggang, kalau ada macam itulah.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Sila.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Saya perhatikan sahabat saya Yang Berhormat Ustaz Hassan Shukri tidak nampak wujudnya perpecahan. Semata-mata mengatakan kononnya ada, kalau ada dan sebagainya. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat mesti sedar bahwasanya kalau sekiranya orang bersembahyang dengan dua imam, kalau sekiranya nikah orang-orang yang tidak dijalankan oleh orang PAS tidak sah, adakah ini bibit perpecahan, bibit perpaduan yang sudah hendak retak? Ataupun masih wujud lagi perpaduan di kalangan begitu. Benda ini wujud, jadi saya hendak tanya Yang Berhormat, benar atau pun tidak benda ini wujud di Terengganu misalnya, dan ini akan memecahkan ummah. Ummah ini kebanyakannya orang-orang Melayu.

Inilah yang kita berpendapat Kerajaan Barisan Nasional menyatakan kita perlu menyatupadukan sehinggakan perkara ini tidak dapat diselesaikan di peringkat politik, kita terpaksa pula merujuk kepada Majlis Raja-raja Melayu yang menjadi tunggak kepada agama Islam. Tidak sampai begitu dahulunya. Tidak pernah kita merujuk kepada Raja-raja Melayu atas bab perpaduan ummah. Tetapi kali ini Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir terpaksa merujuk kepada Majlis Raja-raja kerana bimbang sangat wujudnya perpaduan yang mungkin akan merebak dan meretakkan success kemuncak yang telah kita capai sejak 43 tahun merdeka. Ini yang sebenarnya kemungkinan berlaku.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya itulah yang saya katakan tadi telah beberapa kali dilemparkan dalam Dewan ini dan saya tidak boleh mengesahkan sama ada saya kata tadi di peringkat nasional. Kalau satu dua orang, tiga empat orang, sepuluh, lima belas orang itu tidak boleh dijadikan hukum. Tidak boleh dijadikan suatu hukuman bahawa perpecahan itu

berlaku di seluruh negara. Kita pun ada pegangan, kaedah kita ialah: *[membaca sepotong kaedah Fikah]* yang sikit-sikit itu tidak boleh dijadikan asas hukum ke atasnya. Jadi dengan sebab itu saya mengharapkan seperti yang saya katakan tadi. Walauapa pun keadaannya kita masih lagi berusaha supaya kita mampu mewujudkan perpaduan yang berteraskan Islam.

To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh beri laluan Yang Berhormat?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya hendak habiskan ini.

To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad: Sedikit sahaja, Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Sila, silakan.

To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang disebutkan tadi '*annadilla laayuk tobar*' kerana yang sedikit itu tidak menjadi iktibar. Tetapi yang sebenarnya sekarang ini bukan menjadi perkara itu sedikit atau ganjil tetapi benda ini sudah merebak, Yang Berhormat. Bukan sahaja bilangan kecil tetapi bilangannya besar yang menjadikan masyarakat kita kekeliruan dan perpecahan ini.

Ada setengah di kampung-kampung sudah tidak bertegur sapa sudah banyak dan ini kita tidak pakai nasional, nasional ini orang yang berfikiran macam Yang Berhormat sendiri, barangkali di tengah-tengah ibu kota kita boleh senyum walaupun mengeluarkan perkataan ataupun berselisih faham. Tetapi bagi di kampung walaupun benda itu kecil tetapi menjadi besar kepada mereka dan saya kira perpecahan hari ini dan perselisihan faham mengenai Islam dan mengenai agama, mengenai kesatuan ini sangat besar dan perlu kita betulkan atas sifat kita sebagai insan yang mana Rasulullah s.a.w bersabda *[membaca sepotong hadis]* yang maksudnya: "*Tidak sempurna iman seseorang itu melainkan ia kasih akan saudaranya sebagaimana dia kasihkan dirinya sendiri*".

Tetapi sekarang ini kerana perpecahan berlaku, itu yang saya katakan kita ini sudah menyebut kita sebagai orang Islam, apakala kita berikrar dengan Allah s.w.t. tiap-tiap pagi *[membaca sepotong ayat Al-Quran]* yang bermaksud: "*Bahawasanya Ya Allah, aku berikrar tiap-tiap pagi bahawasanya Allah yang menjadikan tujuh*

petala langit dan tujuh petala bumi, demi Allah, bahawasanya hidupku, matiku, ibadatku hanya keranaMu ya Allah”.

Maka dengan inilah kita sebagai umat Islam, kita sama-sama Yang Berhormat, tidak boleh pandang ringan benda ini, tidak cukup dengan kita berhujah dalam Dewan, Tuan Yang di-Pertua, kita kena perbetulkan keadaan umat Islam yang kita kasihi, yang kita rasa perlu kita tangani bersama untuk merapatkan hubungan dan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku di kampung. Sekian, terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak hendak menjawab panjang dalam Dewan ini, cuma saya tadi membangkitkan tentang peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Perpaduan Negara. Saya mengharapkan supaya kementerian ini memainkan peranan yang boleh diterima oleh semua pihak dan kalau sekiranya kementerian ini tidak boleh memainkan peranannya kerana ia melibatkan perkara yang bersabit dengan agama dan sebagainya, kita masih ada kementerian-kementerian yang kita rasa boleh berperanan.

Saya tidak menolak sama sekali apa jua peranan yang mereka mainkan. Sebab itu sebelum ini saya juga meminta supaya diadakan satu majlis, tetapi selepas itu memang ditubuhkan satu majlis namanya MATIN. Saya mengharapkan MATIN itu akan dianggotai oleh mufti-mufti, wakil daripada PAS, wakil daripada UMNO yang dikatakan menyebabkan perpecahan itu, tetapi rupanya MATIN itu tidak demikian.

Jadi, harapan yang saya kemukakan itu hanya tinggal harapan sahaja. Walau bagaimanapun, sebagai seorang Muslim saya tidak kecewa dan kita masih terus mencari ikhtiar-ikhtiar, usaha-usaha kalau sekiranya apa yang dikatakan perpecahan itu benar.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya hendak sebutkan di sini ialah peruntukan yang begitu besar juga kepada Suruhanjaya Pilihan Raya. Saya tidak hendak mengkritik Suruhanjaya Pilihan Raya kerana baru-baru ini saya sudah kemukakan pertanyaan dan telah dijawab bahawa sesungguhnya suatu langkah, suatu usaha pembersihan terhadap pendaftaran pengundi-pengundi telah dilakukan. Disebutkan tempoh hari hampir 100,000 orang yang sudah mati sudah pun dikeluarkan daripada buku daftar undi dan beberapa ratus ribu lagi, kalau tidak silap

ingatan saya 900,000 yang didaftarkan dua kali juga telah dikeluarkan daripada daftar undi.

Saya ucapkan tahniah atas langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya itu kerana kita mahu melihat supaya pilihan raya yang diadakan di negara kita ini sebagai suatu pilihan raya yang bersih, dan adil, yang terus memberikan ruang kepada semua parti-parti politik yang bertanding dalam pilihan raya ini dengan cara yang sebaik-baiknya.

Saya boleh bersetuju kempen dikurangkan daripada sekarang ini 11 hari atau 10 hari kepada 7 atau 8 hari, tidak apa. Saya juga boleh bersetuju kalau sekiranya kalau esok hendak mengundi malam itu tidak ada kempen. Saya boleh bersetuju kerana itu adalah suatu langkah yang saya kira boleh dilakukan bukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya malah oleh pihak-pihak yang lain juga.

Zaman Tunku Abdul Rahman dahulu, saya ada turut berceramah zaman Tunku Abdul Rahman, kempen pilihan raya, zaman Tunku Abdul Rahman.hingga 45 hari kalau tidak silap saya kempen pilihan raya pada waktu itu lebih bebas. Boleh di padang-padang sekolah dan , di padang-padang Majlis Tempatan dan Majlis Daerah.

Timbalan Yang di-Pertua: 45 hari dalam tahun 1964 kah?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Ya, 1964.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Minta laluan sikit. Sekejap sahaja.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tahun 1964.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau dulu kempen 45 hari, sebenarnya Yang Berhormat ustaz sedar tidak, sekarang ini ada pihak berkempen sepanjang tahun. *[Ketawa]* Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih. Saya sebenarnya tidak hendak jawab. Barangkali beliau tujukan kepada PAS. Biar saya berterus-terang kalau tadi sahabat-sahabat pun sebut UMNO. PAS ini tidak berhenti berceramah, sebab dalam Perlembagaannya, dasar PAS ialah Islam. Di antara usahanya seperti telah ditanya kan oleh Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, diantara usahanya ialah menyeru umat manusia kepada syariat Allah dan sunnah Rasul s.a.w. sementara pegangannya yang termaktub dalam perlembagaannya yang disahkan mengikut Akta Pertubuhan ialah Al-Quran, sunnah serta ijmak dan qias yang nyata.

Menyeru umat manusia kepada syariat Allah dan sunnah Rasul ini, tidak boleh diberhentikan sampailah kita mati. Saya bercadang untuk meneruskan kerja ini sama

ada dibayar upah ataupun tidak ada upah sehingga mati insya -Allah. Kerana kesempatan hidup ini mestilah kita gunakan untuk berbakti kepada Allah s.w.t. yang kita jalankan bukan kempen pilihan raya. Saya hendak sebut terus terang disini. Kita adakan kuliah Tafsir Quran, Hadis, Fiqqur Sirah, Fiqqur Siasah dan sebagainya sepanjang tahun bukan untuk kempen pilihan raya, tapi hanya diadakan dalam majlis-majlis yang tertentu kerana itulah diantara cara kita hendak memberikan kefahaman kepada anak-anak muda dan alhamdulillah, saya melihat anak-anak muda yang menyertai program-program kita ini walaupun tidak panjat bukit, tidak panjat gunung, tidak turun sungai tetapi mereka mempunyai jati diri yang lebih hebat daripada yang memanjat gunung dan juga memanjat bukit tadi.

Jadi, saya tidak akan berhenti. Kecualilah kalau pihak pemerintah kata berhenti, itu akan saya fikirkan. Tetapi selagi ruang undang-undang membenarkan, maka ini akan kita teruskan dan memang ia sudah termaktub dalam perlembagaan PAS dan ia adalah sesuatu yang sah kerana ianya adalah dibenarkan kecuali kalau ceramah-ceramah umum yang memerlukan permit, kita ambil permit. Kalau tidak ada permit, kami tak buat. Kadang-kadang ada permit, kami disuruh suruh pindah, kita pindah. Demikianlah halnya pada zaman kita ini, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun pada zaman Tunku Abdul Rahman, beliau tahu. Tunku Abdul Rahman, agak bebas dan terbuka. Mana-mana padang, tanah rizab, selagi kita ada permit, kita boleh ceramah. Zaman itu, kebebasan berceramah lebih luas. Pada zaman kita ini barangkali penduduk bertambah, orang lebih ramai, jadi mungkin tidak sesuai lagi disetengah-setengah kalangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan sebab tadi saya diganggu. Sebenarnya saya berbicara tentang usahawan-usahawan bumiputera.

Saya kaitkan dengan tuntutan kaum India yang menuntut supaya memperbanyakkan usahawan-usahawan mereka. Tuan Yang di-Pertua, dalam kita memperbanyakkan usahawan-usahawan ini, saya boleh bersetuju dengan apa yang ditegaskan oleh Menteri Kewangan baru-baru ini supaya usahawan-usahawan kita jangan terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan. Saya boleh setuju kerana selama mana kita punya usahawan bergantung kepada semata-mata berhutang kepada bank-bank ataupun bergantung semata-mata kepada sumbangan bantuan daripada pihak yang berkuasa kerajaan, saya rasa selama itulah mereka tidak akan mempunyai usaha yang bersungguh-sungguh untuk mempertingkatkan perniagaan mereka.

Saya ada koperasi, saya tidak galakkan koperasi saya mendapatkan bantuan semata-mata daripada jabatan koperasi Malaysia. Ini semata-mata untuk mendidik ahli-ahli Lembaga Pengarah supaya jangan membiasakan diri untuk berhutang. Itu pandangan saya. Jadi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini supaya peniaga-peniaga jangan bergantung kepada pengaruh politik kerana saya lihat peniaga-peniaga yang semata-mata bergantung kepada pengaruh politik ini, apabila orang-orang politik yang dulu tempat dia bergantung jatuh, dia pun jatuh.

Dengan sebab itulah kita kena melatih usahawan-usahawan kita ini supaya berdikari, tidak semata-mata bergantung kepada bantuan kerajaan. Ini pandangan saya sama ada hendak diambil kira ataupun tidak oleh pihak Kementerian Kewangan, tapi itulah pendirian saya. Ini mungkin pendirian saya, bukan pendirian parti saya. Saya menyokong kenyataan yang dibuat oleh Menteri Kewangan supaya peniaga-peniaga jangan bergantung kepada pengaruh politik semata-mata.

Yang akhir sekali, saya ingin berkongsi pandangan dengan Yang Berhormat Zainal Rampak yang pada tiap-tiap kali Dewan ini bersidang, merayu supaya kaum pekerja diberikan pembelaan dengan sewajarnya. Saya ingin mencadangkan, kalau dahulu Yang Berhormat Zainal Rampak mencadangkan supaya serendah-rendah gaji atau gaji minimum diberikan kepada pekerja di negara kita ini sebanyak RM1,200 dan pihak kerajaan telah pun jawab, RM1,200 ini tidak boleh. Itu telah dijawab. Saya hendak cadang lain. Saya hendak cadangkan paling rendah gaji ialah RM800 tetapi diberikan elaun tetap rumah tidak melebihi RM250.

Ini berdasarkan kepada apa yang disarankan oleh sahabat saya apabila datang ke Kuala Lumpur, , persoalan yang diahdapi ialah sewa rumah. Kerana biasanya satu pertiga daripada gaji adalah untuk bayar sewa rumah. Jadi, walaupun gaji RM800, pekerja-pekerja itu tidak akan pening kepala dengan sewa rumah dan kalau boleh lebih dari RM250 pun tidak mengapa. Gaji RM800, elaun tetap rumah RM300. Kalau kita boleh beri kepada pegawai-pegawai tinggi kerajaan sewa rumah, mengapa kita tidak boleh memberikan kepada kakitangan awam yang juga bekerja dengan kerajaan, elaun tetap rumah sebanyak RM250 walaupun gaji mereka RM800, sahaja.

Jadi, saya rasa masalah ini boleh selesai. Saya tidak tahulah kalau Yang Berhormat Zainal Rampak boleh bersetuju, beliau boleh perjuangkan terus apa yang

saya cadangkan. Daripada tidak dapat langsung, baik dapat sedikit. Itulah, terima kasih dan saya mohon menyokong.

Tuan Zainal bin Rampak: Saya minta laluan, Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Sudah habis . Saya mohon menyokong.

[Ketawa]

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih. Apa yang diperjuangkan oleh kami semua, Kesatuan Sekerja ialah satu gaji tetap yang tidak mengambil kira elaun-elaun yang lain. Itu cadangan yang telah kami kemukakan dan sepertimana cadangan Yang Berhormat , katanya RM800 gaji minimum dan paling kurang elaun sewa rumah, dia bayar sekurang-kurangnya RM300, tetap. Saya ingat barangkali kakitangan awam sudah mendapat elaun perumahan tetapi kakitangan swasta tidak ada dan baru-baru ini dalam belanjawan yang lepas, kerajaan pun telah menaikkan 50% elaun perumahan dan saya kira ianya akan berkuatkuasa mulai 1 Februari dan akan dilaksanakan pada bulan Julai selepas sahaja Dewan ini bersidang kelak.

Cadangan Yang Berhormat, saya kira barangkali dari segi kedudukan pekerja swasta masih lagi tinggal jauh ke belakang dan mereka masih lagi menerima gaji kurang daripada RM600 sebulan di kalangan mereka ini. Kami selalu fikirkan mengapa dan apakah sebabnya kami mohon gaji minimum diperkenalkan dalam negara ini. Dengan adanya gaji minimum yang tetap, saya kira barangkali pekerja yang mempunyai pendapatan dan sekali gus mereka akan dapat mengatasi masalah-masalah mereka terutama sekali dari segi perumahan dan sebagainya.

Yang Berhormat, saya ingat soal mereka yang datang dari luar bandar berhijrah ke bandar mencari kerja, itu kita tahu kebanyakan mereka ini pendapatannya kecil dan mereka terpaksa dari segi kos rumah, sewa rumah yang begitu mahal, kata Yang Berhormat betul dan mereka terpaksa pula mendirikan rumah setinggalan dengan begitu banyak. Demi untuk mengatasi saya kira rumah-rumah setinggalan, masalah yang dihadapi oleh kakitangan sama ada swasta ataupun kerajaan, saya ingat yang paling baik ialah kita melihat dari segi pendapatan pekerja itu sendiri.

Jadi, saya memang sentiasa dan akan terus setiap masa walaupun apa juga pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh beberapa pihak dan juga orang perseorangan atas kedudukan kaum pekerja, saya akan tetap terus berjuang memperkatakan setiap masa, selagi saya berada dalam Dewan yang mulia ini, saya

akan terus bercakap atas isu kaum pekerja, hak mereka, gaji mereka, pendapatan mereka, kehidupan mereka setiap masa. Insya-Allah, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah habis ucapan, Yang Berhormat Hassan?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya sudah habis. *[Ketawa]* Saya sudah beritahu tadi, saya mohon menyokong, tadi sudah bagi tetapi, hendak jawabkah? *[Bertanya kepada Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak]*

Tuan Zainal bin Rampak: *[Menggelengkan kepala]*

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tidak payahlah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Lagi siapa yang hendak bahas? Yang Berhormat mahu bangkit satu usul?

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 6.30 petang ini”.

Setiasaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 6.30 petang ini”.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

[Perbahasan disambung semula]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat akan jawab.

5.50 ptg.

Setiasaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya bagi pihak Kementerian Kewangan mengambil kesempatan ini untuk menggulung hujah-

hujah yang telah disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi dan saya dapati ada tiga belas orang Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan tersebut, iaitu Yang Berhormat Datuk Long Jidin, Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu, Yang Berhormat Tuan Haji Rosli, Yang Berhormat Tuan ZainalRampak, Yang Berhormat Puan Jamilah, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Datuk Zainudin Maidin, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Ismail, Yang Berhormat Puan Safinah, Yang Berhormat Tuan Haji Gapar dan akhir sekali Yang Berhormat Tuan Hassan Haji Shukri.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi kepada kementerian-kementerian yang disentuh, saya ingin menyentuh tentang satu isu yang dibangkitkan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan Yang Berhormat Tuan Hassan Haji Shukri, tentang sungutan beliau bahawa kementerian tidak melakukan satu perancangan yang teliti dalam perbelanjaan negara. Ingin saya maklumkan kepada kedua Ahli Yang Berhormat bahawa fenomena pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Luar Jangka ini memang sering berlaku di mana-mana negara pun. Malah di negara-negara seperti England, US dan lain-lain negara memang ada satu peruntukan untuk membolehkan mereka mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Luar Jangka.

Jadi, kerana itu jikalau ia berlaku di negara kita bukanlah suatu yang luar biasa. Misalannya saya beri contoh, pada 1 Oktober 1999, pembentukan NAPIC iaitu agensi pusat untuk mengumpulkan maklumat secara mandatori bagi mewujudkan satu pangkalan data yang lengkap dan kemaskini mengenai harta-harta di negara kita. Ianya perlu dilaksanakan segera dan perlu dibayar dengan segera dan perkara yang baik seperti ini kita tidak boleh tangguh semata-mata kerana ingin dianggap sebagai berhemah dalam Belanjawan negara. Jadi, kerana itulah kerajaan memperuntukkan, iaitu di bawah Akta Prosedur Kewangan 1997, Yang Berhormat Menteri Kewangan diberikan kuasa untuk meluluskan pengeluaran-pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Luar Jangka ini untuk kita meneruskan program pembangunan negara. Program pembangunan yang baik untuk negara tidak seharusnya terhenti semata-mata kerana kita tidak mahu dianggap sebagai menguruskan perbelanjaan negara tanpa hemah. Jadi kerana itulah maka saya katakan tadi bahawa fenomena ini

berlaku di mana-mana dan kalau ianya berlaku di negara kita, ianya bukan satu yang luar biasa dan

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya berikan sedikit penjelasan. Dalam penda pat saya, saya bukan kata kita tidak boleh tetapi yang saya pertikaikan ialah amaun itu, iaitu lebih kurang satu pertiga daripada jumlah yang telah diluluskan, itu sahaja.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Dato', sebenarnya wang ini sudah pun kita belanjakan pada tahun 1999. Jadi, sekarang ini untuk menepati ketelusan pentadbiran negara, maka kita bawa perbelanjaan ini kepada Dewan Rakyat, Dewan Negara untuk Yang Berhormat Yang Berhormat meluluskannya.

Jadi, Yang Berhormat Dato', dari segi ketelusan, dari segi transparansi dan dari segi akauntabiliti, tetap utuh dan terjamin. Saya rasa saya telah memberi penjelasan sedikit kepada kedua-dua orang Yang Berhormat.

Saya juga hendak sentuh tadi, Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri tentang perpecahan masyarakat Islam di negara kita. Memang benar, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bahawa ini bukan satu masalah yang kecil, Yang Berhormat. Perpecahan Melayu dan Islam bukan sahaja berlaku di negara-negara Pantai Timur tetapi telah menular ke Johor - negeri saya, di mana dahulu masyarakat Islam di sana begitu harmoni, bersatu padu. Tetapi sejak akhir-akhir ini Yang Berhormat, di kalangan saudara mara tidak lagi bertegur sapa, adik dengan adik bergaduh, menantu dengan mertua tidak bertegur sapa semata-mata kerana perbezaan ideologi politik, bergaduh dan ini bukan perkara melibatkan seorang, dua atau sepuluh, lima belas orang, tidak! Melibatkan seluruh golongan masyarakat daripada kanak-kanak, orang dewasa, sampai ke institusi pengajian tinggi, perkara ini telah berlaku.

Saya rasa perpecahan ini bukan suatu yang remeh atau gampang tetapi sesuatu yang amat serius dan perlu kita tangani dengan sempurna dan berhemah. Semua pihak saya rasa perlu menangani isu ini dengan penuh bijaksana dan berhemah supaya perpecahan ini tidak terus menular dan mengancam keharmonian dan perpaduan masyarakat Islam di negara ini. Saya memang tidak setuju jika Yang Berhormat kata, hanya terlibat seorang, dua ataupun sepuluh, lima belas orang, ia telah menular ke Johor, sebuah negeri yang dahulunya begitu harmoni, begitu mantap

perhubungan persaudaraan, perhubungan masyarakatnya sekarang ini telah berpecah belah tidak bertegur sapa.

Malah, baru-baru ini Yang Berhormat, seorang daripada penyokong parti PAS berjumpa dengan seorang ahli UMNO, ia kata, "Awak ini kafir". Dahulu dia orang kuat UMNO ini, sekarang dia kata, "Dulu saya kafir, semasa saya dalam UMNO dulu saya kafir, sekarang ini saya baru masuk Islam setelah saya menjadi ahli PAS, maka jadi Islamlah saya dan awak masih lagi kafir", Ini berlaku di Johor. Kalau berlaku di Kelantan, Terengganu saya tidak hairan tetapi ini berlaku di Johor ertinya perpecahan telah begitu menular dan dahsyat dan perlu ditangani oleh semua pihak dan perlu diinsafi bahawa perkara ini memang berlaku dan tidak boleh dibiarkan berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada kementerian-kementerian yang disentuh tadi.

Yang pertama saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Long Jidin yang menyentuh beberapa isu. Yang Berhormat telah mencadangkan agar para petani yang mempunyai tanah pertanian yang kecil perlu digabungkan untuk melaksanakan pertanian dalam skala besar. Untuk menjawab isu ini, Yang Berhormat, Kementerian Pertanian melalui agensinya telah menggalakkan para petani menggabungkan tanah-tanah mereka di bawah skim pertanian berkelompok dan estet untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani. Tanaman yang digalakkan adalah tanaman padi, sayur-sayuran dan buah-buahan. Agensi-agensi yang terlibat dalam skim ini adalah Jabatan Pertanian, MADA, KADA dan pertubuhan-pertubuhan peladang. Skim pertanian berkelompok akan menggalakkan penggunaan teknologi moden.

Yang Berhormat Datuk Long Jidin juga mencadangkan agar kementerian membuat penstrukturan zon pertanian. Untuk cadangan ini Kementerian Pertanian bersetuju dan kita dapati ini adalah satu cadangan yang baik. Kementerian Pertanian sedang mengenal pasti zon-zon pertanian yang sesuai untuk kita memulakan program pengeluaran makanan dan zon-zon ini akan berasaskan kepada kesesuaian tanah. Seperti Yang Berhormat sebut tadi tanah gambut untuk nenas dan sebagainya.

Untuk isu yang ketiga, Yang Berhormat juga mencadangkan supaya rombakkan agensi di bawah Kementerian Pertanian kerana terdapat pertindihan bidang tugas. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, aktiviti-aktiviti agensi di bawah

Kementerian Pertanian telah dirancang dan diselaraskan oleh pihak Kementerian Pertanian. Tiap-tiap agensi mempunyai pelan tindakan masing-masing yang selaras dengan pelan induk kementerian di dalam pelaksanaan Dasar Pertanian Negara.

Ketiga, sebagai contoh, kementerian dalam melaksanakan DPN3 telah mengenal pasti bahawa FAMA memasarkan produk pertanian manakala agensi yang lain akan membantu pengusaha, petani di dalam menghasilkan produk pertanian. Oleh yang demikian, isu pertindihan aktiviti adalah tidak berbangkit.

Yang Berhormat juga mencadangkan agar satu pasukan penggredan mutu atau kualiti untuk memastikan produk pertanian yang dihasilkan mudah dieksport dan tidak di'reject' atau ditolak. Pada masa ini, Yang Berhormat, FAMA telah pun menjalankan aktiviti pengesanan kualiti dan gred bagi buah belimbing besi dan betik eksotika yang dieksport khususnya ke Eropah Barat, Asia Barat dan Hong Kong. Aktiviti penggredan untuk produk yang dieksport melalui udara. Kita telah pun mewujudkan dan melaksanakan aktiviti penggredan di pusat pemeriksaan kualiti FAMA di KLIA. Sementara yang dieksport menerusi laut FAMA akan memeriksa di premis pengeksport, setakat ini lebih kurang 17 pengeksport yang terlibat secara aktif. Pada masa hadapan FAMA akan meluaskan komoditi yang diwajibkan untuk mendapatkan pengesanan gred daripada FAMA antara bunga-bunga dan sayur-sayuran.

Isu seterusnya ialah terdapat pelbagai kekangan dalam sektor pertanian, sebagai contoh, masalah tanah seperti cukai tanah yang tinggi serta peraturan tanah di mana sebagai contoh tanah dusun yang tidak boleh ditanam dengan tanaman getah. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, masalah yang berkaitan hal ehwal tanah dan percukaian tanah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Kementerian mengambil maklum berkaitan masalah ini dan akan memantau masalah ini dari masa ke semasa.

Yang kedua, saya ingin menyentuh tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Marimuthu tentang syarikat India yang dikatakan masih tertinggal dan belum mendapat perhatian yang sewajarnya. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya kerajaan tidak mengamalkan satu dasar diskriminasi kepada mana-mana kaum di negara ini kerana hasrat kerajaan ialah untuk menangani isu kemiskinan walaupun ianya berlaku kepada mana-mana kaum sekalipun. Misalannya tadi Yang Berhormat ada sentuh tentang masyarakat India tidak mendapat kontrak-

kontrak kerja yang diagihkan. Maka untuk makluman Yang Berhormat, semua kontrak yang dilakukan secara tender terbuka adalah terbuka untuk semua kaum untuk menyertainya berdasarkan kepada merit dan berdasarkan kepada kewibawaan dan kemampuan kontraktor-kontraktor tersebut. Tidak pernah kerajaan mengambil kira sama ada orang ini Cina, India ataupun Melayu maka mereka tidak diberikan kontrak-kontrak tersebut.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa tabung-tabung pinjaman di bawah kelolaan CGC pada setakat 31 Mac 2000, kelulusan yang diluluskan oleh CGC seperti berikut. Golongan bumiputera 15,991 orang yang melibatkan RM3,324.2 juta. Ini untuk bumiputera. Untuk bukan bumiputera setakat 31 Mac 2000 yang bukan bumiputera yang mendapat faedah daripada tabung-tabung seperti Tabung Skim Jaminan Utama Baru (SJUB) adalah seramai 38,728 orang melibatkan nilai berjumlah RM9,267.3 juta. Di sini sahaja kita melihat bahawa tidak ada diskriminasi antara kaum dalam usaha kerajaan membantu mereka yang memerlukan bantuan. Jadi kalau ada pendapat yang mengatakan berlaku diskriminasi maka saya rasa ini sesuatu yang tidak betul.

Tadi Yang Berhormat juga sebut tentang kebebasan beragama. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Malaysia adalah satu-satunya negara di dunia ini di mana tahap toleransi agama begitu tinggi sedangkan ada negara-negara lain yang kerana perbezaan agama mereka bercakaran, bergaduh, bersengketa sesama sendiri. Tetapi negara kita walaupun terdapat berbagai-bagai agama berbilang budaya, berbilang kaum tetapi oleh kerana toleransi kita begitu tinggi, kita saling hormat-menghormati antara satu dengan yang lain maka di Malaysia semua orang boleh mengamalkan kegiatan agama dengan bebas tanpa ada halangan dan kita hidup dalam suasana yang harmoni. Jadi saya ingin maklumkan bahawa Malaysia adalah satu-satunya negara di mana tahap toleransi agama adalah begitu tinggi dan begitu baik. Jadi Yang Berhormat jika ada perkara yang Yang Berhormat mungkin tidak puas hati, perkara ini boleh kita bincangkan, mungkin memang ada perkara-perkara yang tidak sempurna kita boleh bincangkan secara baik, secara friendly, Yang Berhormat ya. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Zainal Rampak. Memang tepatlah beliau dilantik sebagai senator untuk memperjuangkan nasib para pekerja kita, nasib rakyat marhaen

kita dan tahniah Yang Berhormat, memang sesuai perlantikan beliau dan beliau benar-benar menjalankan tugasnya dengan berkesan di Dewan Negara ini. Isu pertama yang beliau sentuh ialah menambah Pengerusi Mahkamah Perusahaan supaya kes pembuangan pekerja – saya ini tidak ikut sequence Yang Berhormat, minta maaf ya, jadi saya rasa sudah bercampur aduk benda ini - boleh dibicarakan dengan cepat di Mahkamah-mahkamah Perusahaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan sedang diambil untuk melantik enam orang Pengerusi Mahkamah Perusahaan yang baru dan memang kerajaan sedar baru-baru ini melalui Menteri di Jabatan Perdana Menteri memang kerajaan sedar berlakunya backlog of cases yang begitu banyak, dengan izin, dan Yang Berhormat Dato' Dr. Rais Yatim pernah menegaskan bahawa kerajaan berhasrat untuk menyelesaikan masalah-masalah yang tergantung di mahkamah-mahkamah ini dalam tempoh specific time frame, ertinya memang ada komitmen daripada pihak kerajaan untuk memastikan bahawa kes-kes yang tertangguh ini tidak lagi menghantui kita dan menjadi masalah kepada masyarakat Malaysia.

Tuan Zainal bin Rampak: Yang Berhormat, terima kasih. Kenyataan Yang Berhormat Dato' Dr. Rais Yatim itu kes-kes Mahkamah Tinggi, Mahkamah Persekutuan dan criminal cases, jenayah, dengan izin. Saya maksudkan dalam kenyataan saya ialah Mahkamah Perusahaan, Hakim-hakim di Mahkamah Perusahaan yang diletakkan di bawah Kementerian Sumber Manusia yang mengendalikan kes-kes seksyen 20 atas pembuangan kerja, pekerja yang ditamatkan perkhidmatannya oleh syarikat dan saya mencadangkan supaya Pengerusi Mahkamah ini ditambah bagi membolehkan kes-kes yang dirujuk ke Mahkamah Perusahaan diselesaikan dalam masa yang singkat.

Kata saya tadi kalau boleh setiap seseorang pekerja yang dibuang kerja hendaklah diselesaikan dalam masa tiga bulan dari tarikh dikendalikan di perundingan bersama antara kesatuan dan majikan, rujuk kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan sekiranya tidak selesai step yang pertama dan step yang ketiga rujuk ke Mahkamah Perusahaan, mahkamah hendaklah menyelesaikan dalam masa sebulan. Dengan ini pekerja dapat mengetahui nasib mereka. Kedua, majikan juga dapat mengetahui pekerja tersebut akan diperintah balik bekerja ataupun tidak. Ini akan dapat menyelesaikan masalah kedua-dua pihak majikan dan kesatuan.

Kalau apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi pihak Kementerian Sumber Manusia, saya ingin mendapat penjelasan sama ada Kementerian Sumber Manusia bersetuju untuk menambah enam lagi Pengerusi Mahkamah daripada jumlah yang ada sekarang ini. Kalau enam lagi Pengerusi Mahkamah ditambah, saya ingat barangkali perkara ini akan dapat - macam kes yang panjang akan dapat dikurangkan, perkara tersebut akan dapat penyelesaian dalam masa yang singkat. Saya hendak jelas sama ada enam ini Pengerusi Mahkamah ataupun Hakim. Hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Jenayah itu lain, Yang Berhormat, tetapi Pengerusi Mahkamah yang saya maksudkan. Saya minta maaf kalau kenyataan saya sedikit mengelirukan. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat, memang benar tindakan sedang diambil untuk melantik enam orang Pengerusi baru Mahkamah Perusahaan yang baru ini dan mudah-mudahan dengan perlantikan ini akan dapat mengurangkan bebanan Mahkamah Perusahaan dan maksud saya tadi kerajaan sedar perkara ini berlaku dan memang kerajaan sedang mengambil tindakan yang wajar untuk memastikan sama ada kes-kes Mahkamah Perusahaan ataupun Mahkamah Sivil dan sebagainya akan dapat dikurangkan *backlog of cases* ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

Perkara kedua yang disebutkan oleh Yang Berhormat Zainal ialah pengangguran di kalangan graduan dan lepasan sekolah dan mengadakan lebih banyak Pejabat Pekerjaan untuk memudahkan pencari-pencari kerja mendaftar. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Jabatan Tenaga Rakyat mempunyai 49 Pejabat Pekerjaan di seluruh negara iaitu 14 pejabat di peringkat negeri serta ibu pejabat dan 35 pejabat di peringkat daerah. Pejabat-pejabat Pekerjaan ini terletak di kawasan-kawasan strategik dan perindustrian seperti Petaling Jaya, Klang, Butterworth dan Shah Alam. Di samping itu, Jabatan Tenaga Rakyat juga mengadakan khidmat pejabat sambilan di kawasan-kawasan di mana tidak terdapat Pejabat Pekerjaan pada setiap bulan.

Yang kedua, dalam usaha meningkatkan bilangan penempatan kerja, Kementerian Sumber Manusia sedang merancang pendaftaran dan penempatan kerja secara berkomputer online, ia bertujuan untuk memudahkan hubungan antara majikan dan pencari-pencari pekerjaan di seluruh negara. Ini akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan penempatan pekerja di kalangan graduan dan lepasan sekolah.

Adalah dijangka rancangan ini akan dilaksanakan pada pertengahan tahun 2000 dan siap pada akhir tahun 2001.

Yang Berhormat Zainal juga ada menyentuh tentang minta dikaji semula skim perkhidmatan dan gaji imbuhan yang diterima oleh anggota pasukan Polis Diraja Malaysia. Untuk menjawab isu ini Yang Berhormat, pihak Polis Diraja Malaysia sedar gaji pasukan polis terutamanya bagi peringkat pegawai rendah polis, konstabel adalah rendah. Ini disebabkan skala gaji berasaskan kepada kelayakan masuk yang rendah iaitu kelulusan minimum Sijil Rendah Pelajaran sahaja.

Sehubungan dengan itu Polis Diraja Malaysia telah mengemukakan cadangan kepada kerajaan untuk mengkaji semula skim-skim perkhidmatan Polis Diraja Malaysia yang merangkumi syarat-syarat kelayakan masuk, syarat peningkatan kerjaya dan tangga gaji. Cadangan ini masih dalam tindakan pihak agensi pusat Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Yang Berhormat Zainal juga menyentuh tentang 74 pekerja daripada syarikat di Seremban termasuk seorang wanita telah disuruh berhenti kerja atau letak jawatan. Untuk soalan ini, Yang Berhormat, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan akan meneliti kes pembuangan kerja yang berkenaan sekiranya pekerja-pekerja tersebut memfailkan rayuan di bawah seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dalam tempoh yang ditetapkan. 14 orang pekerja kolar putih yang dikatakan telah ditamatkan perkhidmatan dan digantikan dengan sembilan orang pekerja lain yang dikatakan kroni majikan, untuk menjawab soalan ini, untuk membolehkan satu siasatan dijalankan maklumat lanjut mengenai syarikat perlu dikemukakan kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Tindakan sewajarnya akan diambil oleh jabatan tersebut bergantung kepada hasil siasatan. Secara alternatifnya pekerja-pekerja berkenaan adalah dinasihatkan supaya tampil ke Pejabat Perhubungan Perusahaan terdekat dengan Pejabat Pekerjaan asal mereka untuk membuat aduan.

Cadangan Yang Berhormat untuk melengkapkan Jabatan Perhubungan Perusahaan dengan lebih ramai pegawai-pegawai bertauliah termasuk lebih ramai bilangan Hakim Mahkamah Perusahaan tadi, saya rasa pada masa ini kementerian telah pun mengambil tindakan sewajarnya untuk menambah bilangan pegawai-pegawai di Jabatan Perhubungan Perusahaan dan diharap ini akan dapat membantu mengatasi masalah beban kerja pegawai yang terlalu berat disebabkan bilangan kes

pembuangan kerja yang meningkat. Peningkatan dalam kes rayuan terhadap pembuangan kerja antara lain berpunca daripada masalah pemberhentian pekerja tatkala negara menghadapi masalah kegawatan ekonomi.

Tentang cadangan Yang Berhormat untuk merombak sistem Perhubungan Perusahaan supaya penyelesaian setiap kes rayuan pembuangan kerja diselesaikan dalam tempoh tiga bulan, ada Yang Berhormat sentuh tadi, prosedur mengendalikan kes rayuan pembuangan kerja di bawah sistem semasa memerlukan proses rundingan damai di Jabatan Perhubungan Perusahaan dan di mana kes tidak dapat diselesaikan secara damai tetapi mempunyai merit, ia akan diputuskan melalui perbicaraan di Mahkamah Perusahaan.

Proses rundingan damai memerlukan penelitian yang mendalam dan adalah sukar untuk menetapkan jangka masa tertentu di bawah undang-undang supaya kes tersebut dimuktamadkan. Beberapa faktor lain boleh mempengaruhi tempoh pengendalian kes seperti beban kerja Pegawai Pendamai, kerumitan kes dan faktor luar kawalan jabatan seperti kehadiran pihak-pihak yang bertikai. Walau bagaimanapun, Jabatan Perhubungan Perusahaan sentiasa berusaha untuk menyelesaikan kes secara damai secepat mungkin tanpa berkompromi ke atas kualiti pengendalian dan penyelesaian kes-kes tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim mencadangkan supaya kerajaan mengatasi segera masalah ketiadaan bekalan elektrik dengan menyediakan generator yang boleh berfungsi 24 jam, ini mungkin bekalan elektrik di sekolah-sekolah. Bekalan elektrik dapat dibekalkan di sekolah-sekolah sekiranya di kawasan tersebut telah sedia ada bekalan elektrik secara tetap. Kementerian Pendidikan memandang serius perkara ini kerana pentingnya untuk tujuan penggunaan komputer dalam pendidikan.

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan akan bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk membekalkan elektrik di kawasan-kawasan yang masih belum terdapat kemudahan bekalan elektrik. Di kawasan-kawasan pedalaman seperti di Sarawak, Sabah dan lain-lain dengan kemudahan generator dan ini memang dibekalkan, ertinya kemudahan generator memang dibekalkan ke sekolah-sekolah yang terpencil itu. Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa adalah lebih sesuai sekiranya semua sekolah dibekalkan elektrik sesuai dengan dasar penggunaan komputer dalam pendidikan. Namun demikian, ia

juga bergantung kepada keupayaan agensi berkaitan untuk menyediakan pasarana tersebut khususnya di kawasan-kawasan luar bandar.

Yang Berhormat Hajah Jamilah juga menyentuh tentang mencadangkan supaya dalam Rancangan Malaysia Kelapan tumpuan yang lebih diberikan kepada sekolah-sekolah luar bandar khusus di kawasan pedalaman yang serba kekurangan. Untuk makluman Yang Berhormat, usaha untuk menyediakan kemudahan pendidikan sekolah-sekolah luar bandar dilakukan secara berterusan sama ada dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Rancangan Malaysia Kelapan dan sebagainya melalui pembinaan bilik-bilik darjah tambahan, bilik-bilik darjah gantian dan juga asrama. Pada masa ini Kementerian Pendidikan sedang mengkaji secara terperinci keperluan sebenar pendidikan dan seboleh mungkin mengatasi masalah kekurangan tersebut.

Yang Berhormat Jamilah binti Ibrahim juga meminta supaya RTM menambah waktu siaran agama dan dokumentari di TV1 dan TV2. Untuk makluman Yang Berhormat, RTM sedia mengkaji mengikut keperluan semasa. Pada masa ini RTM menyiarkan rancangan seperti berikut:

Rancangan Agama	-	8.8 jam seminggu
TV2	-	2 jam seminggu
Dokumentari	-	6 jam seminggu
TV2	-	5 ½ jam seminggu

dan perkara ini akan dikaji dari masa ke semasa.

Yang Berhormat juga menyentuh tentang perlunya dikaji semula siaran Berita Jam 8.00 malam kerana waktu itu wargatua berada di masjid. Buat masa ini kementerian tidak bercadang untuk meminda waktu siaran Berita Perdana jam 8.00 malam. Waktu ini didapati paling sesuai dan memenuhi keperluan penonton termasuk di Sabah dan Sarawak. Berita Mutakhir disiarkan setiap jam mulai jam 7.00 pagi dan setiap 2 jam pada sebelah petang hingga jam 6.00 petang.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah menyentuh tentang Jabatan Peguam Negara, sama ada akan mengkaji laporan Malaysia '*Justice In Jeopardy*' dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Untuk makluman Yang Berhormat, laporan sedang dalam kajian Jabatan Peguam Negara. Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga menyentuh tentang perlunya mengkaji semula sistem pendidikan negara selaras dengan era globalisasi dan mencadangkan pendidikan prasekolah diambil alih oleh kerajaan. Kementerian Pendidikan memang telah

menyemak semula kurikulum persekolahan sesuai dengan keperluan semasa dan cabaran era globalisasi.

Penekanan bukan sahaja difokuskan kepada keperluan melatih tenaga manusia dalam bidang sains teknologi dan teknologi maklumat tetapi dalam masa yang sama memastikan untuk melahirkan generasi yang mempunyai jatidiri yang kukuh, di samping itu kementerian sedang menyediakan blue print, untuk menentukan hala-tuju pendidikan untuk 10 tahun, 20 tahun akan datang termasuk dari segi aspek fizikal dan sumber manusia.

Tentang pengambilalihan peringkat prasekolah, Kementerian Pendidikan memang berhasrat untuk memperluaskan pendidikan prasekolah untuk kanak-kanak lima hingga enam tahun. Adalah menjadi hasrat kerajaan juga untuk membawa pendidikan prasekolah yang dikendalikan oleh agensi-agensi lain ke dalam arus perdana pendidikan negara. Pelantikan semula Dato' Param Cumaraswamy sebagai The Special Rapporteur Suruhanjaya Hak Asasi Manusia di PBB. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara tersebut bukan di bawah pengetahuan Jabatan Peguam Negara. Tetapi saya rasa pelantikan beliau ini telah mendapat bantahan daripada Kementerian Luar Negeri kerana kita mempertikaikan beliau sama ada beliau boleh menjalankan kerja dengan adil dan saksama ataupun bias. Kerajaan telah dan sedang berbuat sesuatu untuk memastikan perkara-perkara seperti ini tidak sampai menjejaskan imej negara kita di peringkat antarabangsa.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz mencadangkan supaya kempen diberhentikan lebih awal iaitu sehari sebelum pilihan raya diadakan ataupun cease fire 'berhenti menembak' untuk satu hari. SPR sedang mengkaji peraturan yang sedia ada dengan keadaan semasa bagi mengatasi masalah yang berbangkit dan memastikan supaya perjalanan pilihan raya berjalan dengan lancar. Ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ustaz Hassan Shukri, nampaknya ada persefahaman di antara kedua-dua pihak ini iaitu penyokong kerajaan dan pihak saudara kita di sebelah sana. Terima kasih.

Bayaran cukai harta Suruhanjaya. Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga menyentuh tentang bayaran cukai harta Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura. Jumlah tunggakan ialah sejak tahun 1982 lagi dan pihak kementerian telah berusaha beberapa kali merayu mengenai cukai harta ini tetapi gagal. Oleh itu, tunggakan ini

perlu dibayar. Artinya, kita telah buat, kita telah berusaha merayu tetapi ditolak dan akhirnya terpaksa juga dibayar.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga menyentuh tentang peranan Jabatan Pertahanan Awam (JPA3) untuk mementapkan ketahanan negara. Jabatan Pertahanan Awam berperanan untuk melatih dan memaklumkan pada orang ramai mengenai langkah-langkah dan tindakan untuk menghadapi sesuatu ancaman sama ada bencana alam atau ancaman musuh negara. Keupayaan dari segi logistik dipertingkatkan daripada peruntukan belanja mengurus dan pembangunan untuk membolehkan Jabatan Pertahanan Awam bersedia untuk melaksanakan tugasnya pada bila-bila masa.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga menyentuh tentang langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian Luar Negara meningkatkan perwakilan Malaysia di luar negara. Pihak perwakilan Malaysia di luar negara sentiasa mengambil perhatian serius dalam meningkatkan soal-soal keselamatan di luar negara iaitu dari segi rakyatnya dan juga dari segi kepentingan Malaysia di luar negeri.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga ingin tahu kedudukan isu tanah KTM di Singapura. Isu tanah KTM di Singapura adalah satu daripada perkara yang dibincangkan secara dua hala iaitu antara Malaysia dan Singapura.

Kedua-dua negara bersetuju supaya isu ini dibincangkan dalam satu pakej. Antara isu yang terlibat ialah bekalan air kepada Singapura, penggunaan ruang udara oleh tentera udara Singapura, isu CPF, pusat pemeriksaan kastam dan imigresen (CIQ) dan perbincangan diadakan di peringkat pegawai dan juga pemimpin kedua-dua buah negara. Kita harap dengan kebijaksanaan pimpinan kedua-dua negara, isu-isu ini dapat diselesaikan dan hubungan baik dengan Singapura dapat kita teruskan kerana sebagai jiran yang terdekat, kita perlu saling bantu-membantu dan tolong menolong antara satu dengan yang lain dan mengekalkan rasa muhibah dan persaudaraan ataupun semangat kejiranan perlu dipupuk di antara kedua-dua negara.

Yang Berhormat Datuk Zainudin Maidin menyentuh tentang peranan Wisma Putra mengenai laporan media asing yang tidak tepat mengenai Malaysia. Perwakilan Malaysia di luar negara dari masa ke semasa sentiasa dibekalkan dengan maklumat dan fakta yang tepat tentang perkembangan terbaru atau terkini negara kita. Oleh itu, perwakilan Malaysia di luar negara akan dapat memberi penjelasan yang tepat dan membuat bantahan terhadap laporan-laporan media asing yang tidak benar itu, oleh

kerana mereka sentiasa dibekalkan dengan maklumat-maklumat terkini tentang negara.

Yang Berhormat Datuk Zainudin Maidin juga menyentuh tentang perlantikan semula yang telah saya sebutkan tadi Datuk Param sebagai Special Rapporteur Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, pihak Kementerian Luar Negeri telah membuat bantahan di atas perlantikan semula beliau dan hakikat bahawa perlantikan beliau dibantah, sudah tentunya menunjukkan bahawa beliau bukanlah orang yang layak mewakili negara kita di forum antarabangsa.

Yang Berhormat Datuk Senator Zainudin juga menyentuh tentang meminta RTM meningkatkan profesionalisme supaya berita paginya lebih cepat dan kemaskini. RTM sentiasa berusaha meningkatkan profesionalisme dalam persembahan berita supaya semua bulletin mencapai matlamat piagam pelanggan iaitu cepat, tepat dan padat.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor menyentuh sejauh manakah JAKIM memainkan peranan dalam membantu pembangunan pendidikan Islam di sekolah agama negeri atau rakyat. JAKIM melalui peruntukan yang diberikan telah mengagihkan kepada sekolah agama rakyat atau negeri peruntukan berikut:-

- (i) elaun guru Kafa dan penyelia sebanyak RM77.13 juta ;
- (ii) bantuan kemahiran hidup bersepadu sebanyak RM3.2 juta ;
- (iii) pembelian buku-buku bacaan tambahan bahasa Arab sebanyak RM200,000; dan
- (iv) kursus-kursus dan latihan kepada guru-guru agama iaitu kursus dalam cuti juga dikendalikan oleh JAKIM bagi meningkatkan martabat guru-guru agama kita di negara ini.

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah juga menyentuh tentang perikanan tidak dapat dilakukan sepanjang tahun – kegiatan menangkap ikan ini. Yang Berhormat mencadangkan agar peruntukan diberikan untuk membuat peti-peti ‘beku’ untuk menentukan hasil dapat digunakan sepanjang tahun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kemudahan pendaratan ikan, LKIM telah membina sebanyak 25 buah pusat pendaratan. Setiap kompleks telah disediakan kemudahan bilik sejuk untuk simpanan bekalan air batu dan ikan. Di samping itu, LKIM juga melalui kerjasama dengan Kementerian Pertanian telah membina bilik sejuk di tujuh lokasi

yang strategik bagi tujuan menyimpan ikan iaitu di Taman Wahyu, Kuala Lumpur, Pelabuhan Klang, Batu Pahat, Lumut, Kuching, Johor Bahru dan Tanjong Dawai.

Yang Berhormat juga menyentuh tentang terdapat nama yang bertindih dalam SPR, nama pemilih yang telah meninggal dunia masih terdapat di Daftar Pemilih. SPR telah melaksanakan pembersihan Daftar Pemilih tahun 1998. Tadi, Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri juga ada menyentuh perkara ini. Pengesahan kematian diperolehi oleh SPR dari Jabatan Pendaftaran Negara, pemotongan dibuat semasa urusan pendaftaran dan penyemakan Daftar Pemilih setiap tahun.

Yang Berhormat Puan Hunaizah juga menyebut tentang nama pengundi dipindahkan ke tempat lain tanpa pengetahuan pengundi Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan pendaftaran dan penyemakan Daftar Pemilih adalah berdasarkan kepada pemilih itu mendaftar sendiri dengan petugas yang dilantik. SPR mengambil masa yang panjang untuk mengesahkan Daftar Pemilih. SPR perlu mengambil masa untuk menyiapkan Daftar Pemilih bagi satu-satu tahun. Ini disebabkan SPR perlu mematuhi sepenuhnya peruntukan undang-undang yang berkaitan iaitu Peraturan-peraturan Pilihan Raya 1971.

Mengikut undang-undang tersebut, ada beberapa peringkat yang perlu diambil tindakan, di antaranya ialah urusan pendaftaran, menerima borang pendaftaran selama 42 hari, urusan pameran daftar pemilih selama 14 hari dan siasatan awam. Siasatan awam ini bergantung kepada besar manakah tuntutan dan bantahan yang diterima. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketika urusan pendaftaran pemilih tahun 1999, SPR telah menerima sebanyak 12,272 tuntutan dan 38,308 bantahan. Untuk menyelesaikan tuntutan dan bantahan tersebut SPR memerlukan kira-kira dua atau tiga bulan untuk mengadakan siasatan. Jadi, itulah sebabnya mengapa masa yang agak panjang tetapi SPR sentiasa cuba meletakkan satu sasaran atau target yang lebih munasabah untuk membereskan semua urusan-urusan yang saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad Ismail menyarankan supaya kerajaan mengadakan kajian, mengapa ramai golongan belia menentang kerajaan. Beliau juga bertanya apakah usaha-usaha kerajaan bagi membawa mereka ini ke landasan yang betul. Yang pertama tadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha-usaha bagi melahirkan dan membentuk golongan belia yang memiliki jiwa merdeka, memiliki jati diri, berakhlak, beramal dan mengenang budi serta bersyukur atas nikmat yang diperolehi diterapkan melalui program-program pembangunan belia

seperti Rakan Muda, Program Khidmat Sosial Negara dan program-program keupayaan pertubuhan belia.

Jawapan bagi soalan yang kedua, pertubuhan-pertubuhan belia dan NGO juga digesa supaya mempergiatkan aktiviti masing-masing, melibatkan golongan belia supaya mereka dapat dihindari daripada unsur-unsur yang kurang sihat, termasuk yang tidak menghormati orang-orang tua, yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain, juga tidak bersyukur dan sebagainya. Jadi, ini kita ingin terapkan supaya mereka menjadi umat yang bersyukur dan juga sentiasa menghormati orang lain, lebih-lebih lagi orang tua dan ibu bapa mereka sendiri.

Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Ismail juga mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula jadual waktu harian kerana didapati membebankan para pelajar. Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan jadual waktu anjal yang mana hanya empat mata pelajaran dalam satu hari. Tambahan pula bukan semua subjek memerlukan pelajar membawa buku teks seperti pendidikan jasmani dan pendidikan seni. Kementerian Pendidikan juga tidak lagi menggalakkan penggunaan buku kerja untuk mengelakkan bebanan beg berat mulai tahun hadapan

Dato' Haji Ahmad bin Ismail juga mencadangkan supaya Skim Pinjaman Buku Teks diperluaskan agar lebih ramai pelajar dapat menikmati skim pinjaman tersebut. Syarat-syarat kelayakan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) adalah berdasarkan kepada pendapatan dan tanggungan ibu bapa. Kementerian telah pun melonggarkan syarat kelayakan SPBT daripada pendapatan ibu bapa RM1,000 kepada RM1,500 sebulan. Sekiranya terdapat lebihan buku teks di sekolah tersebut pelajar-pelajar lain juga diberikan kemudahan pinjaman buku teks. Ertinya kerajaan fleksibel dalam perkara ini. Akhirnya semua orang akan mendapat buku teks percuma.

Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail juga mencadangkan supaya yuran persekolahan dimansuhkan, walaupun kadarnya kecil tetapi kerana pendidikan percuma boleh diberikan. Untuk soalan ini, pendidikan rendah dan menengah di negara kita adalah percuma. Yuran persekolahan yang dikenakan adalah masih dalam kemampuan ibu bapa semata-mata untuk menampung kos pentadbiran seperti perpustakaan, peralatan sekolah dan juga peperiksaan dan ujian di peringkat sekolah. Pelajar-pelajar yang tidak berkemampuan layak menerima pinjaman buku teks dan biasiswa kecil yang disediakan.

Yang Berhormat Tuan Haji Gapar dari Johor telah menyentuh beberapa perkara supaya pihak kerajaan menyediakan rumah-rumah guru bagi membantu guru yang bermasalah dengan tempat tinggal. Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan rumah-rumah guru memang diberikan keutamaan dalam setiap perancangan Malaysia supaya guru-guru lebih selesa dan iklim pengajaran dan pembelajaran lebih memberangsangkan.

Yang Berhormat Tuan Haji Gapar juga mencadangkan supaya perpustakaan sekolah-sekolah yang daif dinaiktarafkan terutama dari aspek buku-buku yang disediakan. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak sekolah memang memberi peruntukan untuk menyediakan kemudahan perpustakaan yang lengkap. Namun demikian, sokongan dan bantuan daripada pihak-pihak lain seperti PIBG, pihak swasta, pertubuhan-pertubuhan awam dan ahli-ahli politik juga amat dihargai. Ini sesuai dengan konsep perkongsian pintar yang mana penglibatan komuniti dalam usaha memajukan sektor pendidikan negara kita.

Yang Berhormat Tuan Haji Gapar juga mencadangkan supaya keanggotaan PIBG ditambah supaya mereka dapat berperanan dengan lebih berkesan. Untuk menjawab isu ini, keberkesanan sesuatu organisasi ini termasuk PIBG tidaklah semestinya bergantung kepada jumlah ahli atau keanggotaannya. Yang penting ialah komitmen ahli-ahli PIBG itu sendiri – mempunyai inisiatif untuk memajukan sekolah dan sedia bekerjasama dengan pihak pengurusan sekolah.

Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh meminta supaya kaedah perubatan homeopathy diiktiraf oleh kerajaan. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat ini, perkara ini bukan di bawah tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat tetapi di bawah Kementerian Kesihatan dan kita boleh merujuk cadangan Yang Berhormat ini kepada Kementerian Kesihatan supaya cadangan yang baik seperti ini dapat diimplemenkan oleh kementerian berkenaan.

Yang Berhormat Senator Safinah juga bertanya adakah Jabatan Penjara mempunyai kakitangan yang mencukupi. Untuk menjawab soalan ini, pada masa sekarang keperluan anggota Jabatan Penjara Malaysia adalah mencukupi bagi menangani masalah berhubung keselamatan dan pemulihan dalam penjara.

Yang kedua, beliau bertanya apakah program motivasi yang disediakan bagi banduan. Tujuan penahanan seseorang itu mempunyai dua tujuan, dua objektif, iaitu:

- (i) Untuk melaksanakan keputusan mahkamah bagi seseorang yang telah dijatuhkan hukuman setimpal dengan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan. Ini adalah jelas, seorang yang disabitkan itu diasingkan daripada kehidupan masyarakat dan ditempatkan dalam penjara.
- (ii) Selain daripada yang dinyatakan di atas, banduan-banduan dalam penjara Malaysia diberikan latihan pemulihan supaya mereka itu berubah menjadi warganegara yang berfaedah kepada masyarakat dan seterusnya kepada keluarga mereka sendiri.

Ke arah mencapai matlamat ini, Jabatan Penjara menjalankan beberapa program kemahiran diri dan motivasi dalam bidang berikut:

- (i) pertukangan kayu dan kraftangan;
- (ii) bengkel mekanik dan kimpalan;
- (iii) mengadakan kerja-kerja kilang dalam penjara dengan kerjasama syarikat swasta, juga dalam bidang pembuatan perabot, elektronik dan lain-lain;
- (iv) latihan untuk banduan wanita dalam jurusan andaman dan jahitan; dan
- (v) program dari segi keagamaan, moral dan nilai-nilai serta disiplin diri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri, saya sudah sentuh tadi di peringkat awal jawapan saya dan akhir sekali isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri iaitu gaji minimum ditetapkan RM800. Pada masa ini dasar kerajaan adalah untuk mempromosikan sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti. Sistem upah ini adalah bagi mengaitkan upah dengan prestasi syarikat dan sumbangan pekerja kepada peningkatan produktiviti. Kerajaan sememangnya menghendaki masyarakat pekerja negara ini memperolehi pendapatan selumayan yang mungkin, namun upah hendaklah dikaitkan dengan produktiviti. Jadi, Yang Berhormat, cadangan tadi sebenarnya dalam pertimbangan kerajaan tetapi mengambil kira produktiviti para pekerja kita dalam setiap sektor yang mereka ceburi.

Jadi, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan kalau ada mana-mana isu yang tidak dapat saya sentuh secara khusus dalam penggulangan ini, saya mohon maaf dan kita mengambil kira semua pandangan itu dan menghargai setiap pandangan yang diberikan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1999 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu telah dipersetujui tanpa pindaan.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2) Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Negara, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) 2000 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia

[Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.02 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang yang

bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Setem 1949.

Rang Undang-undang Kewangan 2000 ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Setem 1949 bagi membolehkan pelaksanaan langkah percukaian yang diumumkan dalam Belanjawan 2000 juga bagi melaksanakan keputusan-keputusan kerajaan yang telah dibuat sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan pindaan-pindaan dalam Rang Undang-undang ini mengikut akta-akta yang terbabit.

Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53) terdapat 12 Fasal di dalam Rang Undang-undang ini yang berkaitan dengan Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53) iaitu Fasal 3 hingga Fasal 15, pindaan-pindaan utama kepada akta ini adalah seperti berikut:

Fasal 3 adalah bertujuan bagi menetapkan tarikh kuat kuasa pindaan yang dibuat.

Fasal 4 memasukkan Seksyen 2 untuk menjelaskan bahawa Menteri yang dimaksudkan dalam Akta 53 adalah merujuk kepada Menteri Kewangan.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda Seksyen 46, Akta 53 untuk menaikkan pelepasan diri bagi seseorang individu atau sesuatu keluarga sekutu Hindu daripada RM5,000 kepada RM8,000. Pelepasan ini diberi kepada individu itu bagi dirinya sendiri dan saudara tanggungannya jika ada. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2000 berasaskan tahun semasa.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda Seksyen 49 Akta 53, subseksyen 49(1B) dipinda untuk menaikkan pelepasan bagi premium insurans untuk pendidikan atau untuk kemudahan perubatan daripada RM2,000 kepada RM3,000. Subseksyen baru 49(1C) dimasukkan untuk memberi pelepasan sebanyak RM1,000 kepada seseorang individu bagi mana-mana premium yang dibayar olehnya bagi pembelian polisi inuiti yang ditentukan oleh Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dengan menggunakan amaun yang ada pada kreditnya dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Fasal 7 yang meminda Seksyen 50 adalah berbangkit daripada pindaan Seksyen 49. Sehubungan dengan ini, jika subseksyen 50(2) Akta 53 terpakai iaitu jika isteri memilih ditaksirkan bersama suami atau jika isteri tiada jumlah pendapatan,

pelepasan tambahan sebanyak RM1,000 akan diberikan tetapi jika isteri tidak mempunyai jumlah pendapatan, jumlah pelepasan yang dibenarkan di bawah subseksyen ini tidak boleh melebihi RM1,000. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2000 berasaskan tahun semasa.

Fasal 8 bertujuan untuk memotong seksyen 60D, Akta 53 mengenai layanan cukai atas syarikat modal teroka dan pengecualian cukai pendapatan bagi syarikat modal teroka akan diberi melalui perintah yang dibuat di bawah Seksyen 127, Akta 53. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2000 berasaskan tahun semasa.

Fasal 9 dan 10 bertujuan untuk meminda seksyen 101 dengan Seksyen 102 bagi menetapkan tempoh untuk Ketua Pengarah menyemak taksiran dan mengemukakan kes-kes rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda Seksyen 107B, Akta 53 bagi menukar tarikh terakhir untuk meminda skim ansuran dari 15 April ke 30 Jun supaya masa yang mencukupi diberikan kepada pembayar cukai untuk menganggar cukai kena bayar di bawah sistem taksiran berasaskan tahun semasa. Dengan pindaan ini semua pembayar cukai akan diberi layanan yang sama dengan pembayar cukai syarikat. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2000 berasaskan tahun semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1967 disebut Akta 543 dalam bab ini hanya 3 fasal terlibat dalam pindaan Akta 543 ini iaitu fasal 16, 17, dan 18 seperti berikut:

Fasal 16, bertujuan untuk menentukan tarikh kuat kuasa pindaan-pindaan yang dibuat.

Fasal 17 bertujuan untuk meminda Seksyen 13A Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa nilai pelupusan sesuatu aset tidak boleh dianggap sebagai suatu pendapatan kasar Petroleum Nasional Bhd. atau pihak berkuasa bersama Malaysia Thailand jika aset berkenaan terus digunakan dalam pengendalian petroleum di bawah sesuatu perjanjian petroleum lain di mana pelupus aset juga terlibat. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2000.

Fasal 18, bertujuan untuk meminda Jadual Kedua Akta 543 perenggan 8, 12, 13 dan 14. Jadual Kedua dipinda untuk membolehkan Menteri Kewangan menetapkan kadar bagi elaun permulaan dengan loji dan jentera dan kadar bagi elaun tahunan bagi loji, jentera pelantar luar pesisir tetap dan bangunan industri. Pindaan

ini berkuat kuasa dari tahun taksiran 1996. Perenggan 21A dan 23A dimasukkan dalam Jadual Kedua untuk membuat peruntukan bagi pemindahan bagi baki perbelanjaan bagi sesuatu aset terletak di bawah perjanjian sebelum perjanjian petroleum pertama kepada perjanjian petroleum kedua jika:

- (a) pemindahan telah memenuhi empat keadaan tertentu diperuntukkan di subperenggan 21A (a)(b)(c)(d);
- (b) juga aset terletak itu terus digunakan dalam pengendalian petroleum oleh seseorang yang boleh dikenakan cukai di bawah perjanjian petroleum kedua; dan
- (c) orang yang boleh dikenakan cukai tidak melakukan perbelanjaan yang layak berkenaan dengan aset terletak itu.

Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2000. Subperenggan 41(b) Jadual Kedua, Akta 543 dipinda untuk memperuntukkan bahawa pelupus aset terletak tidak berhak menuntut elaun imbalan. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2000.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Akta Setem 1949. Sebanyak 3 Fasal terlibat dalam pindaan Akta Setem 1949 ini. Iaitu Fasal 19, 20 dan 21 seperti berikut:

Fasal 19, bertujuan untuk menentukan tarikh kuat kuasa pindaan-pindaan yang dibuat.

Fasal 20, bertujuan untuk mewujudkan butiran baru 49A dalam Jadual Pertama Akta Setem 1949 supaya surat cara pembiayaan berasaskan prinsip Al-Ijarah dikenakan duit setem yang sama dengan surat cara pembiayaan conventional. Pindaan ini berkuat kuasa mulai 30 Oktober 1999.

Fasal 21, bertujuan untuk meminda Jadual Kedua Akta Setem 1949 untuk memperuntukkan bahawa seseorang pegawai imigresen dikehendaki membitkan setem hasil atas bond security bagi pemberian pas lawatan profesional bagi artis pas lawatan sosial dan pas permit kerja. Pindaan ini akan berkuat kuasa apabila Akta ini mula berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, dan saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1997 dan Akta Setem 1949 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Dato'.

6.17 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sangat mengalu-alukan beberapa pelepasan yang diberikan di bawah pindaan Akta ini khususnya kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Di bawah Seksyen 46 ada dicadangkan bahawa pelepasan diri itu dinaikkan daripada RM4,000 ke RM8,000 dan ini sangat dialu-alukan. Di bawah Seksyen 49 ada juga dicadangkan bahawa pelepasan bagi premium insurans itu dinaikkan daripada RM2,000 hingga RM3,000. Di subseksyen 1(c) juga ada diperuntukkan bahawa premium yang boleh digunakan untuk insurans itu ditambah RM1,000. Hanya satu komen yang saya ingin buat dalam peruntukan 1(c) ini, iaitu telah dicadangkan di sini bahawa hanya syarikat-syarikat yang ditentukan oleh KWSP itu. Kalau sesuatu pemohon itu mahu memohon RM1,000 ini dia kena melalui syarikat-syarikat yang dicadangkan atau ditentukan oleh KWSP.

Sama ada ini berpatutan atau tidak oleh kerana kalau kita benarkan syarikat-syarikat lain terlibat dalam skim ini mungkin faedah yang mereka berikan kepada pemohon itu lebih baguslah daripada apa yang telah ditetapkan oleh KWSP. Saya minta bahawa ini diberi perhatian sama ada ini sesuai ditentukan bahawa hanya syarikat-syarikat yang ditentukan oleh KWSP itu boleh dibenarkan dalam skim ini.

Saya juga ingin menyentuh tentang Seksyen 101 iaitu tentang rayuan taksiran. Saya sangat mengalu-alukan bahawa sekarang digantikan perkataan 'may review' kepada 'shall' ini adalah satu kepastian bahawa dalam tempoh-tempoh tertentu maka Ketua Pengarah mesti mengambil tindakan atas sesuatu rayuan taksiran itu. Bagi saya oleh kerana Lembaga Hasil Dalam Negeri itu sudah juga dikorporatkan, maka masa yang dipohon di sini, iaitu Ketua Pengarah mesti mengkaji rayuan itu dalam masa 12 bulan. Sekiranya beliau tidak dapat menghabiskan kajian itu dalam masa 12 bulan, maka boleh memohon kepada Menteri untuk mendapatkan lanjutan masa 6 bulan lagi.

Bagi saya ini adalah satu masa yang terlalu panjang, kalau pihak lembaga ini telah membuat satu keputusan tentang sesuatu taksiran cukai pendapatan maka tentulah beliau sudah ada asas-asas tertentu untuk berbuat demikian. Apabila si perayu itu membuat sesuatu rayuan kenapa ia perlukan begitu banyak masa untuk memutuskan sama ada rayuan itu berpatutan atau tidak.

Bagi saya masa yang diminta iaitu 12 bulan bagi Ketua Pengarah membuat keputusan adalah terlalu panjang dan selepas itu maka tambah lagi enam bulan bagi menteri menyokong masa lanjutan itu untuk membolehkan Ketua Pengarah membuat kajian. Dan juga asas-asas yang mana menteri itu boleh memberi lanjutan, di sini disebutkan kalau beliau, menteri itu menganggap bahawa ini berpatutan, maka beliau akan memberi lanjutan masa tetapi di atas apa garis panduan. Kalau beliau hendak lanjutkan satu bulan, apakah asasnya untuk lanjutkan satu bulan ataupun di atas nasihat Ketua Pengarah itu mungkin kes itu perlukan enam bulan, maka mungkin ia akan menasihati menteri supaya lanjutkan bagi masa enam bulan.

So, saya hendak tahu kenapa tidak disebutkan asas-asas yang mana perlanjutan itu boleh dilayan dan juga asas-asas untuk membuat keputusan sama ada memberikan lanjutan satu bulan, dua bulan atau sehingga maksimum enam bulan. Saya juga ingin sentuh tentang pindaan kepada Seksyen 102 iaitu di mana kalau selepas lanjutan masa itu, kalau Ketua Pengarah masih tidak boleh buat keputusan tentang rayuan itu, maka ini kena dirujuk kepada Pesuruhjaya Khas sebelum tamatnya tempoh. Katakan menteri beri enam bulan, so sebelum satu tahun enam bulan itu, maka kena dirujuk kepada Pesuruhjaya Khas untuk sesuatu keputusan tetapi tempoh untuk Pesuruhjaya Khas itu membuat keputusan juga tidak ditetapkan.

So, ini seolah sesuatu rayuan daripada pembayar cukai itu dilambatkan. Bagi saya ini tidak begitu adil dan saksama, oleh kerana apabila sesuatu kes itu membuat rayuan, maka asas-asas sudah ditunjukkan dan apabila sesuatu tafsiran itu dibuat maka ada juga asas-asas tertentu. So, bagaimana untuk sesuatu situasi atau keadaan semacam ini, satu keputusan perlukan begitu banyak peringkat, perlukan begitu banyak masa sehingga satu tahun, paling maksimum satu tahun enam bulan untuk sesuatu keputusan ini.

Saya juga ingin menyentuh tentang pindaan kepada Jadual 1 di mana dicadangkan bahawa maksimum peratusan itu dikurangkan daripada 30% kepada 29%. Di Bahagian 4 disebutkan ini untuk koperasi-koperasi. Sungguhpun saya

sangat mengalu-alukan pengurangan ini daripada 30% kepada 29%, maka saya harapkan, oleh kerana koperasi adalah satu golongan dalam masyarakat kita yang sangat penting untuk membantu segala rakyat kita berjimat dan juga untuk membantu kerajaan dalam proses pengawalan inflasi, maka penurunan daripada 30% sehingga 29% ini mungkin diberi perhatian sama ada sebagai satu galakan kepada koperasi-koperasi sama ada boleh ditimbang bahawa penurunan dan juga mungkin galakan-galakan diberi supaya koperasi itu dapat memainkan satu lagi peranan yang lebih menarik dan lebih berfaedah kepada negara kita.

So, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, komen-komen saya tentang beberapa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan. Saya tidak ada komen untuk Akta Petroleum dan Akta Setem 1949 kerana pada pendapat saya, itu hanya perkara-perkara yang kena diselaraskan oleh kerana kelulusan belanjawan kita dalam Dewan yang mulia ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tidak ada lagi? Menteri menjawab, tidak ada lagi Yang Berhormat yang hendak bercakap.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Chin Fook Weng atas beberapa isu yang dibangkitkan dan saya rasa gembira kerana Yang Berhormat Dato' berpuas hati dengan keseluruhan akta ini. Cuma ada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh beliau tentang syarikat-syarikat yang ditentukan oleh KWSP untuk kenaikan pelepasan cukai sebanyak RM1,000.

Yang Berhormat Dato', di bawah skim pembelian annuity oleh KWSP adalah dimaklumkan bahawa mana-mana syarikat insurans yang memehuni kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh KWSP adalah layak untuk menyertai skim tersebut. Peraturan tersebut adalah bertujuan menjaga kepentingan pencarum dan bayaran premium adalah dibuat daripada amaun yang ada pada kreditnya dalam KWSP. Pindaan akta KWSP akan dibentangkan dalam Dewan Negara ini selepas ini, dalam minggu ini mungkin dan saya rasa selepas itu ianya akan

Tuan Zainal bin Rampak: Boleh saya menambah sedikit? Oleh kerana saya ahli Lembaga Pengarah KWSP, sebenarnya perkara ini telah dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Bagaimana isu ini berbangkit dan kita membincangkan *selected insurance company* yang kami fikirkan harus diletakkan

sebagai senarai di mana pencarum boleh membeli daripada insurans berkenaan. Ini demi untuk mengelakkan satu daripadanya ialah soal mempertahankan kepentingan pencarum tersebut membeli insurans daripada *insurance company*. Kedua, kita juga takut syarikat-syarikat insurans ini yang bertaburan akan menyalahgunakan kuasa mereka dan membuat penipuan dan akhirnya pencarum sendiri akan menanggung kerugian.

Perkara ini telah dibincangkan begitu panjang lebar dan kami telah mengemukakan beberapa pendapat. Pada akhirnya, Lembaga telah bersetuju untuk memastikan bahawa *insurance company* ini kami *select*, dengan izin, kami buat pemilihan pada *insurance company* yang ditentukan dan diputuskan supaya pencarum mendapat faedah yang lebih baik, lebih bagus terutama sekali dari segi soal pembayaran premium yang akan dibayar oleh pencarum itu sendiri. Jadi, dengan ini kalau sekiranya pencarum membuat pilihan sendiri, besar kemungkinan premiumnya akan tinggi.

Jika secara kolektif, ianya akan mengurangkan jumlah premium yang harus dibayar pencarum itu sendiri. Ini dengan jangka panjang akan menguntungkan pencarum itu sendiri dari segi pembayaran premium. Itu sebenarnya keputusan yang telah dibuat oleh Lembaga.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Zainal di atas penjelasan beliau. Selaku Lembaga Pengarah, beliau tentunya amat arif dan terima kasih di atas bantuan beliau pada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato'.

Mengenai tempoh masa tadi Yang Berhormat Dato' Chin Fook Weng, untuk Ketua Pengarah membuat keputusan dalam tempoh 12 bulan, selepas itu kalau beliau tidak dapat menyelesaikannya, beliau boleh meminta menteri memberikan lanjutan selama enam bulan lagi (12 + 6).

Yang Berhormat Dato' tadi membangkitkan tentang tidak ada *time frame* untuk Pesuruhjaya Khas ini. Yang Berhormat Dato', setakat ini memang tidak ada disentuh tentang berapa lama Pesuruhjaya Khas ini harus mengambil masa menyelesaikan masalah kerana setakat ini kita dapati pesuruhjaya ini *quite efficient* Dato'. Jadi, kita rasa tidak perlu. Pesuruhjaya ini agak berwibawa dan efisien dan setakat ini kita belum lagi merasakan perlu diletakkan satu *time frame* untuk pesuruhjaya ini membuat keputusannya.

Mungkin satu masa nanti kalau kita dapati masalah ini masih berterusan, ertinya walaupun masa disingkatkan di sini tetapi panjang di tempat lain, maka orang kata “pi mai pi mai tang tu juga“ maka kemungkinan perkara ini akan dikaji.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pi mai pi mai sudah pukul 6.30 sudah ini.

Tuan Hashim bin Ismail: *[Ketawa]* Okaylah.

Tuan Yang di-Pertua: Sambung esoklah ya?

Tuan Hashim bin Ismail: Habis dah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Habis, tidak ada dah?

Tuan Hashim bin Ismail: Habis, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana jam sudah pun pukul 6.30 dan mengikut keputusan tadi bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 6.30 petang. Jadi, kita terpaksa menangguhkanlah kerana jam sudah cukup. Maka, majlis akan disambung pada esok hari pada jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguh pada pukul 6.30 petang.

LAMPIRAN

4 Mei 2000

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman,
D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
(Dilantik)
- “ Menteri Pendidikan,
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,
D.P.C.M. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum
(Dilantik)

- “ Timbalan Menteri Pendidikan,
Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Dato’ Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Puan Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P.
(Selangor)

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)

- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim bin Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)

- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Tuan Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- “ Dato’ Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
- “ Puan Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datuk Tee Thiong Hock, D.S.S.A., S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)

- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara:

Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha:

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha:

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaruddin bin Mohd. Yusof

PAR LIMEN KESEPULUH
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA

Jilid II

Bil. 12

Isnin

8 Mei 2000

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Institut Teknologi MARA (Pindaan) 2000

(Halaman 22)

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) 2000

(Halaman 27)

Rang Undang-undang Kewangan 2000

(Halaman 127)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 108)

